

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH**

**Rabu, 24 April 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10:00 pagi**

Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Richard Yong We Kong, P.G.D.K. [Timbalan Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar, P.G.D.K., [Timbalan Speaker]
Yang Amat Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., [Ketua Menteri] [N.12 Sulaman]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, S.P.D.K., P.G.D.K., [Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian dan Perikanan] [N.39 Tambunan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, S.P.D.K., P.G.D.K., A.S.D.K., [Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan dan Tempatan] [N.36 Kundasang]
Yang Berhormat	Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, P.G.D.K., B.S.K., J.P., [Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya] [N.24 Tanjong Keramat]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., A.D.K., A.M.N., J.P., [Menteri Kewangan] [N.37 Karanaan]
Yang Berhormat	Datuk Jahid bin Jahim, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.14 Tamparuli]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, P.G.D.K., J.P., [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.31 Membakut]
Yang Berhormat	Datuk Ellron bin Angin, P.G.D.K., A.S.D.K., B.K., [Menteri Belia dan Sukan] [N.45 Sook]
Yang Berhormat	Datuk James bin Ratib, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.48 Sugut]

- Yang Berhormat Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew, [Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar], P.G.D.K., [N.20 Api-Api]
- Yang Berhormat Datuk Phoong Jin Zhe, [Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.21 Luyang]
- Yang Berhormat Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.68 Apas]
- Yang Berhormat Datuk Abidin bin Madingkir, P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.38 Paginatan] [N.38 Paginatan]
- Yang Berhormat Datuk Haji Ruslan bin Muharam, [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.34 Lumadan]
- Yang Berhormat Datuk Hendrus Anding, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan] [N.7 Tandek]
- Yang Berhormat Tuan Peto Galim, [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan], [N.18 Inanam]
- Yang Berhormat Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @ Liasnih, P.G.D.K.,A.S.D.K.,B.S.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.32 Klias]
- Yang Berhormat Datuk Mohamad Hamsan bin Awang Supain, P.G.D.K., A.S.D.K, A.D.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.52 Sungai Sibuga]
- Yang Berhormat Datuk Limus bin Jury, P.G.D.K, A.S.D.K., B.S.K. [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.33 Kuala Penyu]
- Yang Berhormat Datuk Robert Tawik @ Nordin, P.G.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.40 Bingkor]
- Yang Berhormat Datuk Julita Mojungki, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan] [N.5 Matunggong]
- Yang Berhormat Datuk Samad bin Jambri @ Jamri, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.49 Labuk]
- Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Ruddy bin Awah, J.P., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.3 Pitas]

Yang Berhormat	Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar] [N.15 Kiulu]
Yang Berhormat	Datuk Harun bin Durabi, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.2 Bengkoka]
Yang Berhormat	Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan] [N.71 Tanjong Batu]
Yang Berhormat	Tuan Tan Lee Fatt, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan] [N.19 Likas]
Yang Berhormat	Datuk Flovia Ng, P.G.D.K., A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.44 Tulid]
Yang Berhormat	Datuk Fairuz bin Renddan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Belia dan Sukan] [N.8 Pintasan]
Yang Berhormat	Tuan Mohammad bin Mohamarin, A.S.D.K., [N.1 Banggi]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [N.9 Tempasuk]
Yang Berhormat	Tuan Chong Chen Bin, A.S.D.K., [N.4 Tanjong Kapor]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said, S.P.D.K., P.G.D.K., D.G.S.M., [N.10 Usukan]
Yang Berhormat	Datuk Jasnih bin Daya, P.G.D.K., [N.13 Pantai Dalit]
Yang Berhormat	Datuk Haji Yakubah Khan, P.G.D.K., J.P., [N.16 Karambunai]
Yang Berhormat	Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin, A.S.D.K., [N.17 Darau]
Yang Berhormat	Datuk Wong Hong Jun, P.G.D.K., [N.22 Tanjong Aru]
Yang Berhormat	Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari, [N.23 Petagas]
Yang Berhormat	Datuk Ignatius Dorell Leiking, P.G.D.K., [N.26 Moyog]
Yang Berhormat	Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, P.G.D.K., D.M.S.M., A.S.D.K., J.P. [N.28 Kawang]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Tamin @ Tamin bin Zainal, A.S.D.K., [N.29 Pantai Manis]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Daud bin Yusof, A.S.D.K., A.D.K., [N.30 Bongawan]

Yang Berhormat	Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., [N.35 Sindumin]
Yang Berhormat	Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [N.41 Liawan]
Yang Berhormat	Datuk Peter Anthony, P.G.D.K., D.I.M.P., [N.42 Melalap]
Yang Berhormat	Datuk Rubin bin Balang, P.G.D.K., [N.43 Kemabong]
Yang Berhormat	Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, P.G.D.K. [N.46 Nabawan]
Yang Berhormat	Datuk Jonnybone J. Kurum, P.G.D.K., [N.47 Telupid]
Yang Berhormat	Tuan Arunarnsin bin Taib, A.S.D.K., [N.50 Gum-Gum]
Yang Berhormat	Datuk Mokran Ingkat, P.G.D.K., [N.51 Sungai Manila]
Yang Berhormat	Tuan Alias bin Sani [N.53 Sekong]
Yang Berhormat	Datuk Hiew Vun Zin, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.54 Karamunting]
Yang Berhormat	Tuan Calvin Chong Ket Kiun [N.56 Elopura]
Yang Berhormat	Datuk Poon Ming Fung @ Frankie, P.G.D.K., [N.56 Tanjong Papat]
Yang Berhormat	Datuk Masiung Banah, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.57 Kuamut]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin, S.P.D.K, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., J.P [N.58 Lamag]
Yang Berhormat	Datuk Jafry bin Arifin, P.G.D.K., J.P., [N.59 Sukau]
Yang Berhormat	Tuan Assaffal bin P. Alian, A.S.D.K., [N.60 Tungku]
Yang Berhormat	Datuk Mohammadin bin Ketapi, P.G.D.K. [N.61 Segama]
Yang Berhormat	Datuk Norazlinah binti Arif, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.63 Kunak]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, P.G.D.K., D.I.M.P., A.S.D.K., A.D.K., [N.64 Sulabayan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, S.P.D.K., P.N.B.S., S.P.M.P., D.M.S.M., D.S.A.P., P.G.D.K., J.P. [N.65 Senallang]
Yang Berhormat	Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [N.66 Bugaya]
Yang Berhormat	Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [N.67 Balung]
Yang Berhormat	Tuan Justin Wong Yung Bin [N.69 Sri Tanjong]
Yang Berhormat	Puan Rina binti Haji Jainal [N.70 Kukusan]

Yang Berhormat Tuan Sarifuddin bin Hata, A.S.D.K., [N.72 Merotai]  
Yang Berhormat Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [N.73 Sebatik]  
Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee, S.P.D.K.,  
[ADUN Dilantik]  
Yang Berhormat Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]  
Yang Berhormat Datuk Amisah Yassin, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]  
Yang Berhormat Datuk Jaffari bin Waliam, P.G.D.K., [ADUN Dilantik]  
Yang Berhormat Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]  
Yang Berhormat Datuk Suhaimi Nasir, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]

#### **TIDAK HADIR**

Yang Berhormat Datuk Wetrom bin Bahanda, P.G.D.K., [N.6 Bandau]  
Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.11 Kadamaian]  
Yang Berhormat Puan Jannie Lasimbang, A.S.D.K., [N.25 Kapayan]  
Yang Berhormat Datuk Juil bin Nuatim, [N.27 Limbahau]  
Yang Berhormat Tuan Dumi bin Pg. Masdal, A.S.D.K., [N.62 Silam]

#### **TURUT HADIR**

Yang Mulia Puan Rafidah binti Maqbool Rahman  
[Setiausaha Dewan]  
Encik Mohd. Nor Hafeez bin Abdul Rahman  
[Timbalan Setiausaha]  
Encik Nurdini bin Mohd Said  
[Setiausaha Sulit kepada Speaker]  
Encik Mohd. Sabri bin Metan  
[Bentara Mesyuarat]  
Encik Juhaidey Porimin  
[Penolong Bentara Mesyuarat]  
Encik Mohd. Mahahir Mansur  
[Penolong Bentara Mesyuarat]

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH  
SIDANG REDAKSI PENYATA RASMI**

**KETUA PENYELIA HANSARD**

[Puan Rafidah binti Maqbool Rahman]

**KETUA EDITOR**

[Puan Beatrice Natasha Mujip]

**EDITOR**

[Puan Norma Sanid]

[Puan Azrin Eddy]

[Puan Nur Fatin Syahirah Mubarak]

**SUBEDITOR 2**

[Puan Nellzarina Nur Nelszuliaqah Mohd Daniel Ardi]

**SUBEDITOR 1**

[Puan Teresa binti Sylvester @ Fanny]

[Puan Mohelena Mawan]

[Puan Nadia Nasyaruddin]

[Puan Siti Jubaidah binti Kamsin]

[Puan Theodora Joseph]

[Tuan Darryl Jude Donis]

[Puan Azyatul Nurhani binti Salleh]

[Puan Ramenah Limin]

**PELAPOR**

[Julian Alex Anoi]

[Mohd. Zulfikree bin Mohd. Sabki @

[Annety Cueennera Jaikon]

Abdul Musa]

[Hastrina binti Madurin]

[Saleha binti Sapri]

[Rohani Zaidi]

[Nabila binti Mohammad Shahril]

[Nur Natasha binti Hamdan]

[Rupika Latak @ Rahim]

[Nor Farhanna binti Ahmad Shah]

[Gracia Samuel]

[Intan Azwana binti Bakri]

[Mohd Noor Rizal bin Glen]

[Nuriahtika binti Juklis]

[Noreera Sahera binti Amin]

[Maria Hannah Hohly]

[Charity Jimis]

[Khairul Azman bin Sehat]

[Eyv Charlynbin Masiul]

[Norhazirah binti Mohd. Salim]

[Adrian Soliun]

[Theodora Boniface]

[Arina Jazima binti Jasri]

[Zurina binti Asgar]

[Nelly Marcella Hidos]

**TEKNIKAL PENYATA RASMI**

[Al Idros bin Abdul Rasid]

[Vernon Ian Juin]

**Doa**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Timbalan Setiausaha Dewan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN**

**Timbalan Setiausaha Dewan:** Pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita memulakan sesi soal jawab lisan pada hari ini, Dewan Undangan Negeri Sabah ingin mengucapkan takziah kepada perwira-perwira negara yang telah terkorban dalam nahas helikopter di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak semalam. Sekalung takziah diucapkan kepada keluarga-keluarga mangsa daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah dan juga Kerajaan Negeri Sabah. Maka dengan itu, kepada yang beragama Islam, marilah kita sama-sama hadiahkan bacaan al-Fatihah kepada perwira-perwira negara yang telah terkorban dan kepada yang bukan beragama Islam, marilah kita bertafakur selama seminit mengikut kepercayaan masing-masing.

Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan ini juga ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar dan guru-guru daripada SMK Beaufort II, Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya dan mahasiswa-mahasiswi Universiti Teknologi MARA, Kampus Sabah. Semoga lawatan sambil belajar ini menjadi satu lawatan yang produktif dan untuk memulakan sesi soal jawab lisan pada hari ini, saya menjemput ADUN Dilantik, Datuk Raime Unggi untuk bertanyakan soalan.

**Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. Datuk Speaker, soalan saya nombor satu.

## **KELUASAN TANAH DAN BILANGAN GERAN NT DAN CL YANG TELAH DILULUSKAN.**

- \*1. **YB. Datuk Raime bin Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah keluasaan tanah dan bilangan geran NT dan CL yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan untuk para pemohon yang terdiri daripada rakyat Sabah.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri, silakan.

### **Jawapan**

**Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]:** Untuk, Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik serta Dewan yang mulia ini, permohonan tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sama ada syarat C.L. ataupun N.T. adalah tertakluk kepada pengukuran di lapangan sebelum geran draf N.T. ataupun C.L. dapat disediakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur. Sebanyak 4,339 geran draf dengan keluasan 8,787.41 hektar untuk permohonan tanah bersyarat N.T./F.R. telah disediakan sepanjang tahun 2023. Manakala sebanyak 406 geran draf dengan keluasan 5,199.53 hektar untuk permohonan tanah bersyarat *lease* disediakan sepanjang tahun 2023. Geran N.T. atau F.R. hanya boleh diberi milik kepada Anak Negeri Sabah sahaja manakala C.L. boleh diberi milik kepada syarikat, badan berkanun dan juga individu sama ada berasal atau bukan berasal dari Sabah. Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan kepada pemberi milikan tanah Anak Negeri dengan tujuan untuk membasmi kemiskinan dan juga meningkatkan taraf hidup mereka.

Berdasarkan statistik Jabatan Tanah dan Ukur atau JTU, jumlah geran tanah berdaftar N.T. atau F.R. setakat 31 Mac 2024 adalah sebanyak 230,540 ataupun 54% daripada jumlah keseluruhan geran tanah yang berdaftar di negeri Sabah. Manakala jumlah tanah pajakan ataupun *lease* berdaftar setakat 31 Mac 2024 ialah sebanyak 287,000 ataupun 200,087 ataupun 46% daripada jumlah keseluruhan geran tanah berdaftar. Datuk Speaker, tanah pajakan ataupun *lease* adalah penting dalam pembangunan ekonomi negeri Sabah, iaitu dari segi kutipan hasil negeri pembangunan, pelaburan dan juga peluang pekerjaan. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan keseimbangan di antara bilangan keseluruhan N.T. ataupun F.R. dan



tanah pajakan *lease*, iaitu dari segi pemberi milikan tanah demi mencapai objektif Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan negeri. Sekian.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, ADUN Dilantik.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Pembantu Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Mutakhir ini, Datuk Speaker dan juga beberapa tahun yang lalu, isu tanah sering dibangkitkan oleh penduduk-penduduk tempatan kita yang mana isu soal kelambatan pemprosesan perolehan geran dan juga perubahan N.T. kepada C.L. dan juga tuntutan-tuntutan sebagai anak hak asasi yang sering dibangkitkan, diutarakan oleh kawasan-kawasan yang terlibat. Yang terbaru ialah di mana saya melihat kawasan di Telupid, di Kundasang, di Keningau, di Nabawan dan juga termasuk di daerah Tenom dan juga Kemabong yang sering dibangkit menjadi isu konflik kepada...

**24/04/2024 - RAKAMAN 2 - [10:10 PAGI - 10:20 PAGI] - [NURIAHTIKA] - TERESA - NORMA**

**Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]:** ...penduduk-penduduk tempatan. Saya melihat bahawa isu-isu ini perlu diselesaikan oleh pihak Kerajaan dan saya berharap pemprosesan untuk mendapatkan geran ini oleh dalam mesyuarat LUC, mohon dipercepatkan oleh pihak Jabatan Tanah dan Ukur.

Datuk Speaker, soalnya, saya meminta kepada pihak Kerajaan hari ini cuba melihat kepada *Land Ordinance* 1930 ini, adakah terdapat kelonggaran yang berlaku yang sehingga menyebabkan di pandangan satu pihak mendapati bahawa undang-undang ini tidak lagi ataupun *Land Ordinance* ini tidak lagi melindungi hak-hak bumiputera kita, anak-anak Sabah kita. Dan yang kedua Datuk Speaker, adakah pihak Kerajaan juga bercadang untuk menubuhkan tribunal apa ini tribunal (berdehem) penubuhan tribunal tanah anak negeri, negeri Sabah ini. Dan saya harap isu-isu yang dibangkitkan berkenaan konflik tanah di negeri kita ini tidaklah berlarut-larut. Sehingga yang terbaru ini ada pihak-pihak menggunakan NGOs dan

membawanya isu-isu ini di Kuala Lumpur. Walhal, isu tanah ini adalah hak mutlak kepada negeri kita. Sehingga ada orang lain apa ini campur tangan. Jadi seolah-olah negeri kita ini tidak menjaga hak-hak bumiputera kita di negeri Sabah. Jadi, saya berharap pihak Kerajaan dapat memikirkan bagaimana jalan yang terbaik. Sebab kita lihat juga ada di antara juga kumpulan-kumpulan ini juga membawa perkara-perkara isu tanah ini di SUHAKAM. Kita tidak tahu berapa banyak masalah tanah ataupun isu konflik tanah ini telah diselesaikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan. Terima kasih Datuk Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri silakan.

**Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]:** Terima kasih di atas soalan tambahan daripada ADUN Dilantik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa sebenarnya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Dilantik ini dan isu-isu dimainkan terutama di media sosial, sebenarnya tidak menepati apa yang keadaan sebenarnya berlaku.

Namun, setiap masalah-masalah yang timbul ini kita mempunyai apa ini, peringkat-peringkat termasuk di dalam Ordinan Tanah, untuk menyelesaikan apa juga isu-isu yang dipertikaikan. Sebab itu, buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan tribunal tanah kerana peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Tanah Sabah itu memadai mengendalikan pertikaian-pertikaian tanah. Sekiranya ada pihak-pihak yang tidak berpuas hati, maka pihak tersebut bolehlah membawa keputusan penyiasatan tanah oleh Jabatan Tanah dan Ukur itu ke pihak mahkamah untuk membuat keputusan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan yang ada pada hari ini setiap masa dan keadaan akan melihat, mana benda-benda yang boleh memberi manfaat kepada rakyat kerana Kerajaan hari ini adalah Kerajaan yang prihatin rakyat, yang sentiasa berusaha untuk membantu dan membela setiap rakyat yang ada di Sabah ini, dan mudah-mudahan apa yang baik kita akan dapat perbaiki undang-undang yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan.  
Yang Berhormat Liawan.

**Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]:** Terima kasih Datuk Speaker.

Datuk Speaker, ada pihak yang membuat tuduhan pada Kerajaan hari ini sebagai Kerajaan zalim. Kerana kononnya Kerajaan hari ini tidak prihatin dan telah merampas tanah rakyat. Saya yakin tuduhan ini adalah tidak benar. Dan oleh itu saya ingin bertanya kepada YB Pembantu Menteri, sejak tahun 2020 sehingga kini berapa banyakkah bilangan geran draf NT dan FR yang telah disediakan oleh Kerajaan sekarang, dan berapa bilangan kampung serta kawasan penempatan yang telah diwartakan di seluruh Sabah. Terima kasih.

**Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]:** Terima kasih atas soalan tambahan daripada ADUN Liawan. Yang Berbahagia Datuk Speaker, saya bersetuju dengan ADUN Liawan bahawa tuduhan-tuduhan yang menyatakan Kerajaan ini tidak prihatin atau zalim merampas tanah rakyat, adalah tidak benar sama sekali. Ia hanyalah dakwaan yang sengaja dimainkan, oleh pihak yang mempunyai kepentingan peribadi dan mungkin juga kepentingan politik semata-mata untuk menghasut rakyat, dengan menjatuhkan imej Kerajaan.

Namun, saya percaya bahawa rakyat, tidak akan terpedaya dengan hasutan ini. Untuk makluman ADUN Liawan dan juga Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2020 sehingga 2024, Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat ADUN Sulaman, melalui Jabatan Tanah dan Ukur telah menyediakan sebanyak 16,760 geran NT draf NT dan FR.

Di samping itu, sebanyak 223 buah kampung dengan keluasan berapa ini, 4,834.348 hektar atau bersamaan dengan 11,945.9 ekar dan sebanyak 11 kawasan penempatan dengan keluasan 271 hektar atau 670.5 ekar telah diwartakan di seluruh negeri Sabah. Semua ini membuktikan bahawa Kerajaan hari ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat ADUN Sulaman adalah Kerajaan yang prihatin, dan terus fokus berusaha untuk membela rakyat dalam hal berkaitan NCR dan pemberi

milikan tanah anak negeri sebagai salah satu pendekatan untuk membasmi kemiskinan, dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Jadi, janganlah kita percaya dengan fitnah-fitnah dan juga hasutan-hasutan pihak yang tidak bertanggungjawab yang hanya akan memecahbelahkan perpaduan yang sudah lama terjalin di negeri yang tercinta ini. Sekian.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Soalan... Soalan Yang Berhormat.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Bongawan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker, perkara ini penting Datuk Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** *I need to move on. Thank you for your concern, but i need to move on to the next question.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Ya. Tapi ini suara rakyat bukan suara politik.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, Senallang.

**Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor dua.

## **USAHA KERAJAAN DALAM MEMBANTERAS AKTIVITI MERACUN UDANG DI SUNGAI.**

- \*2. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah usaha kerajaan atau pihak berwajib dalam membanteras aktiviti meracun udang di sungai sedangkan sungai juga adalah menjadi sumber air kegunaan masyarakat setempat.

## **Jawapan**

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]:** Salam Malaysia MADANI. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.30 Bongawan dan Dewan yang mulia ini, Kementerian saya melalui Jabatan Perikanan Sabah mengambil beberapa usaha dalam membanteras aktiviti meracun udang di sungai. Di antaranya ialah aktiviti penguatkuasaan melalui Enakmen Perikanan Darat Sabah 2003 EPDAS sejak 1 April 2019 di kawasan perairan sungai di seluruh Sabah. Ini termasuklah membuat tangkapan, siasatan dan pendakwaan atas kesalahan menggunakan pelbagai jenis racun, bahan letupan, elektrik, mahupun ubat-ubatan terlarang di kawasan perairan umum atau sungai. Ia termaktub dalam Seksyen 25 Sub Seksyen (1) EPDAS 2003, dan boleh dihukum di bawah Sub Seksyen yang sama, iaitu Seksyen 25 Sub Seksyen (2), denda jika sabit salah sebanyak RM50,000 atau penjara sehingga 2 tahun, atau kedua-duanya sekali. Selain itu, kempen dan dialog kesedaran bersama nelayan dan penternak...

**24/04/2024 - RAKAMAN 3 [10:20 PAGI - 10:30 PAGI] - [KHAIRUL] - THEODORA J. - AZRIN**

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]:** ...dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Sabah untuk menjaga perairan umum terutamanya di kawasan sungai di seluruh Sabah bagi mengekalkan kelestarian sumber perikanan.

Pada tahun 2023, sebanyak empat sesi dialog dan kempen telah diadakan melalui program interaksi bersama nelayan di seluruh daerah negeri Sabah. Di samping itu, mewujudkan tagal komuniti dengan penglibatan masyarakat luar bandar untuk memelihara sungai dan sumber perikanan sungai bagi membantu mengurangkan isu menangkap ikan sungai menggunakan peralalatan haram seperti meracun, tubah, elektrik, *speargun* dan bahan letupan. Setakat ini, sebanyak 628 tagal telah diwujudkan dan 227 sungai diseluruh negeri Sabah. Walau bagaimanapun, saya menyarankan kepada pemimpin-pemimpin di kawasan setempat seperti AJK Tagal, Ahli Jawatankuasa JKK dan Ahli Jawatankuasa Kampung boleh memainkan peranan untuk mengawal aktiviti-aktiviti haram seperti ini. Saya yakin AJK Ketua Kampung juga mempunyai kuasa untuk mendenda dan memberi hukuman berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang tidak dilarang ini. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan Bongawan?

**Soalan Tambahan**

**Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]:** Terima kasih atas jawapan Pembantu Menteri. Saya ingin tahu berapa ramaikah yang telah diambil tindakan setakat ini? Terima kasih.

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]:** Terima kasih soalan tambahan daripada Bongawan. Mengikut rekod yang kita ada pada 2,3,4 tahun yang terakhir ini, kita belum menerima laporan, laporan yang melibatkan membawa kes itu ke mahkamah. Jadi, kita juga belum mendapat jumlah kerugian yang terlibat. Apa yang kita terima setakat ini adalah hanya apa aduan-aduan bersifat lisan kerana pelaku-pelaku kegiatan ini bukan saja licik tetapi apabila aduan telah dibuat bahan bukti akan lenyap begitu cepat. Jadi ini adalah satu proses yang berterusan dan pihak Kementerian akan terus memantau tindakan dan aktiviti-aktiviti ini. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Telupid.

**Soalan Tambahan**

**Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]:** Yang Berhormat Pembantu Menteri, saya ingin bertanya mengenai dengan satu laporan atau kejadian meracun di Sungai Labuk pada beberapa minggu yang lalu, adakah pihak Kementerian telah maklum dengan laporan ini yang mana semasa kemarau semua orang menggunakan Sungai Labuk untuk air, iaitu mengambil untuk masak, mandi dan sebagainya? Jadi, adakah kejadian di Tempias sampai ke Miruru saya tidak tahu sebelah mana yang telah diracun tetapi dengan kuantiti banyak, saya difahamkan kerana sehingga ke Telupid dia punya kesan. Jadi, adakah pihak Kementerian telah mengetahui hal ini dan apa tindakan susulan? Terima kasih.

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Peto Galim]:** Terima kasih soalan tambahan YB Telupid, saya ingin maklumkan setakat ini kita tidak menerima laporan secara rasmi berkaitan perkara ini walau

bagaimanapun saya memberi jaminan akan menyasat perkara ini dan akan memberi laporan secara bertulis. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya...

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]:** Hairan juga tiada dapat laporan sedangkan ini empat mahu dua daerah, di mana sudah Jabatan Perikanan? Yang sudah kita maklumkan dan viral pula...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri jawab bertulis, ya. Terima kasih. Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Tanjong Papat.

**Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]:** Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya No. 3.

### **MENAIK TARAF PAPAN IKLAN DI KAWASAN SANDAKAN.**

\*3. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah pihak PBT mempunyai rancangan untuk menaiktaraf papan iklan di kawasan Sandakan kepada papan iklan digital.

### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Mohamad Hamsan bin Awang Supain]:** Datuk Speaker, untuk menjawab pertanyaan ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Papat dan makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan papan iklan sedia ada di Sandakan adalah milik swasta. Pihak Majlis Bandar Sandakan hanya mempunyai empat buah papan iklan di kawasan Bandar Sandakan. Pada masa ini pihak Majlis Perbandaran Sandakan tidak mempunyai perancangan untuk menukar papan iklan kepada papan iklan digital. Walau bagaimanapun, pihak MPS terbuka dan bersedia berbincang dengan mana-mana pihak swasta atau NGO yang berminat untuk membina papan iklan di daerah Sandakan, sekian.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, Tanjong Papat.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]:** Terima kasih, Datuk Speaker dan Menteri juga, ini *digital advertisement I think is the sight progress* ini adalah memang dilakukan di beberapa Kerajaan dan di negara juga, *it's not need a sight progress is also environmentary framery and it also can help the Government to correct misinformation* sebab sekarang semua orang pun tengok *digital handphone whatever information, or else we can correct those thing with advertisement through digitalisations of all advertisement it will help the environment, you help the correct information that is actually been sold out by other irresponsible parties. So, I would urge the Government of the day to try digitalize all advertisement everywhere else in whole Sabah through the Ministry so that we can correct or not misinformation been sold out by irresponsible party and also at the same time to help through and put out correct information and also to show the progress of State Government in doing whatever they are doing because people nowadays like to watch, like to read their handphone all the time especially in the interior area if we have digital advertisement the Government can also produce information quickly and also true this form of information they will be able to correct this information that this total out in the interior areas...*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** *Your question?*

**Datuk Poon Ming Fung @Frankie [Tanjong Papat]:** *Therefore I will urge and also ask whether or not the Government or Ministry will actually budget in this year to think seriously helping the Government to information because this will also help in terms of getting rental for PBT to develop the respective state, ah town, thank you.*

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Terima kasih, Datuk Speaker sepertimana yang dijelaskan oleh Pembantu Menteri tadi, Kementerian dan juga mana-mana PBT bersedia untuk berbincang dengan mana-mana pihak swasta atau pun NGO yang berminat untuk membina papan digital ini *we are very open and we welcome anybody who is interested to participant. Thank you, Tuan Speaker.*



**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Sindumin...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Darau... Darau...

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Terima kasih Datuk Speaker, berapakah belanja pula untuk membiayai papan-papan tanda Sabah Maju Jaya? Saya difahamkan ianya memakan belanja juga, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Datuk Speaker, saya ingat ini *we don't the have the specific number so*, kita akan bagi secara bertulis kalau berkenaan dengan Kementerian saya, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, YB Menteri. Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Karamuning... Karamunting... *sorry*.

**Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 4.

#### **TINDAKAN ADUAN RAKYAT DIBERI RESPONS DENGAN LEBIH PANTAS.**

\*4. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan pihak kementerian untuk memastikan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah (JPPS) di daerah Sandakan bertindak ke atas aduan rakyat dengan lebih pantas.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri, silakan.

#### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** Terima kasih Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Karamunting dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Kerja Raya Sabah melalui Jabatan Perkhidmatan

Pembetulan Sabah telah menetapkan supaya tindakan segera diambil terhadap setiap aduan yang diterima, seterusnya membolehkan kepuasan pelanggan terjamin dengan menyediakan...

**24/04/2024 - RAKAMAN 4 [10:30 PAGI- 10:40 PAGI] – [MOHD ZULFIKREE] – SITI JUBAIDAH – NUR FATIN**

**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** Prosedur kerja yang untuk maklum balas dan penyelesaian yang pantas, cekap dan kualiti kerja yang terbaik. Aduan awam yang diterima akan diproses dan diberi maklumat balas melalui siasatan tapak untuk mengetahui lebih lanjut faktor-faktor berlakunya aduan dalam masa 24 jam dan aduan tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh satu hingga tujuh hari bekerja tertakluk kepada tahap dan jenis kerosakan sistem pembentungan. Bagi aduan-aduan yang mengalami kerosakan besar seperti *collapsed mainhole* atau *collapsed sewer lines*, aduan-aduan akan dilaksanakan melalui program S55 vot operasi dan diselenggara dan juga program D33 vot pembangunan kerja-kerja di bawah program S55 akan dilaksanakan melalui Work Submission Form yang akan mengambil kira masa sekitar 3 bulan melalui proses sebut harga. Manakala bagi kerja-kerja di bawah program D33, ia bersifat penyelesaian jangka masa panjang kerana ia melibatkan kerja-kerja naik taraf dan juga pemuliharaan aset sedia ada milik JPP Sabah.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sabah telah membelanjakan peruntukan di bawah program khusus bagi menyediakan peralatan mesin dan kelengkapan asas yang diperlukan oleh kakitangan JPP di seluruh daerah termasuk di Sandakan. Di antara peralatan dan mesin yang telah disediakan adalah *desludging tanker* berkapasiti 5 ribu liter pada tahun 2022, *high pressure water jetting tanker* berkapasiti 3 ribu liter dan lori kren berkapasiti 1.5 tan pada tahun 2023 dan beberapa kelengkapan kejuruteraan lain, seperti *sewer route* dan pam mudah alih yang diwakafkan secara berterusan daripada tahun 2012 sehingga kini. Jabatan ini akan terus merancang untuk menyediakan peralatan dan kelengkapan bagi memastikan kakitangan jabatan dapat meningkatkan dan memberikan perkhidmatan pantas dan efisien.

Di samping itu, perhatian dan dapatan Kementerian menunjukkan kes aduan di daerah Sandakan adalah aduan-aduan yang berulang, aduan-aduan yang berulang itu berlaku disebabkan oleh kurangnya kesedaran awam berkenaan penggunaan dan kepentingan sistem pembentungan sebagai contoh, kes-kes sumbatan di dalam *inspection chamber*, lurang dan paip pembentungan adalah berpunca daripada pembuangan sampah sarap, sisa lemak, minyak dan gris ke dalam sistem pembentungan. Bagi menangani isu begini, program untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam berkenaan berkepentingan sistem pembentungan sedang giat dilaksanakan oleh JPP Sabah dengan kolaborasi pihak berkuasa tempatan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, Karamunting?

#### **Soalan Tambahan**

**Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]:** Terima kasih kepada Pembantu Menteri.

Tuan Speaker, di kawasan saya ada dua tempat. Satu, Pantai Ramai-Ramai dan satu Tanah Merah. Ini dua tempat selalu kita *limpas* kaki lima, kita nampak najis-najis ataupun air kotor di kaki lima. Jadi, bila kita hubung dengan pihak Kementerian ataupun kontraktor, kadang-kadang kita mahu tunggu lebih satu bulan baru datang buat servis, jadi ah, soalan tambahan saya Tuan Speaker kontraktor-kontraktor yang JPPS dilantik oleh JPPS ini *by schedule*kah ataupun *by aduan*? Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan tambahan daripada Karamunting, kerja-kerja rutin dibuat oleh JPP Sabah memastikan pam sentiasa beroperasi dan sekiranya lurang tersumbat dan menyebabkan aliran-aliran kumbahan melimpah ke parit, adalah perlu untuk mengeluarkan sampah-sampah, sisa lemak, minyak dan gris di dalam pam dan memastikan pam beroperasi semula. Jadi, jika boleh mohon pada Ahli Yang Berhormat bersama JPP Sabah mengadakan program kesedaran mengenai sistem pembentungan terhadap kehidupan harian dan alam sekitar. Selain memberi

peranan orang awam dalam menjaga sistem pembentungan dan memastikan ianya sentiasa dapat berfungsi dengan baik sedemikian di kawasan sekitar Sandakan. Jadi, Jabatan Pembentungan cuba juga terus telah membuat nombor *hotline*, iaitu sistem i-Adu, iaitu 1800-88-799 di JKM bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu-isu pembentungan di setiap daerah. Bagi daerah Sandakan, nombor khususnya adalah 013-3195577 dan merupakan telefon utama di JPP Sandakan dalam menyampaikan maklumat aduan dan mengemas kini aduan awam yang diterima untuk tindakan segera. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan?

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Tuan Speaker?

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Sekong.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Terima kasih Tuan Speaker. YB Pembantu Menteri tadi ada menjelaskan tentang *frame time* daripada aduan rakyat 24 jam untuk *check* dan satu sehingga tujuh hari bekerja untuk diperbaiki, tetapi yang kami alami di kawasan Tuan Speaker ialah ianya tidak berlaku seperti itu ada yang sampai tiga bulan. Bahkan, baru-baru ini saya menerima aduan daripada penduduk Taman Mawar ada kawasan tertentu yang mereka telah membuat aduan tetapi tidak ada. Jadi, saya ingin bertanya kepada YB Pembantu Menteri, adakah Kementerian YB telah turun untuk memastikan etika kerja diketatkan bagi perkara ini? Jika ada, mengapa ini masih berlaku? Kemudian, ini adalah penting untuk kita pastikan dapat diatasi kerana Perkara 42 dalam titah Tuan Yang Terutama di-Pertuan Negeri adalah tentang kecekapan menangani pengurusan awam. Terima kasih.

**Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk menjawab soalan daripada Sekong tentang Kementerian Kerja Raya ambil maklum berkenaan isu ini dan dalam perhatian pihak Kementerian bersama dengan agensi yang bertaualiah, iaitu JPP Sabah, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sabah. Sebarang kerosakan pada isu seperti yang suarakan oleh

Ahli Yang Berhormat disebabkan kerosakan akan dibaik pulih semula. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Elopura.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya No.5.

#### **PENAMBAHBAIKAN PUSAT PELANCONGAN DI SANDAKAN.**

\*5. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah dan berapakah penambahbaikan pusat pelancongan di Sandakan yang berjaya atau sedang dilakukan oleh pihak kementerian.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Silakan, YB Menteri.

#### **Jawapan**

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Datuk Speaker, untuk makluman Yang Berhormat N.55 Elopura, menerusi Rancangan Malaysia ke-12 sepanjang tempoh tiga tahun ini, Kementerian saya telah melaksanakan dua projek, Pembangunan Pelancongan di bawah biayaan Kerajaan Negeri dengan kos nilai RM500 ribu di Sandakan. Manakala di bawah peruntukan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pula sehingga 2023 sebanyak sepuluh projek telah dilaksanakan dengan jumlah keseluruhan bernilai RM2.89 juta, 2.89 juta di daerah Sandakan ini. Untuk makluman Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, peruntukan yang diluluskan bagi kesemua projek-projek ini adalah meliputi kerja-kerja pembaikan dan menaik tarafan fizikal prasarana serta kemudahan asas pelancongan sedia ada demi memastikan keselesaan, keselamatan, kefungsiannya dan keceriaan kepada pelancong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, Elopura?

## Soalan Tambahan

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Tentang dapat apa yang kita dapat info di Sandakan kutip sekarang muzium di Sandakan ah...

**24/04/2024 - RAKAMAN 5 [10.40 PAGI - 10.50 PAGI] - [NORHAZIRAH] - DARRYL JUDE - NORMA**

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Minta bangunan baharu. Dari dulu dari MPS punya bangunan minta baharu masih buka, masih belum buka lagi.

Kedua ialah ini Batu Sapi punya belum buka lagi. Jadi, saya kurang pasti 2.89 *million* punya *budget* guna di mana? Yang 500 ribu itu untuk, untuk di mana? Sebab saya yang soalan saya yang tolak yang swasta punya macam masjid atau tokong atau yang *proboscis monkey* punya tolak yang swasta punya. Sekarang Kerajaan punya ada berapa yang projek yang masih ditangguh ditanggung, ditanggung belum dibuka punya? Masih macam ini, sekarang muzium jadi begini sudah. Sudah satu tahun tidak pernah dibuka sampai hari ini. Orang ...orang mahu pergi cari muzium di mana? Saya pun tid... susah jawab. *Last-last* saya dapat info di sini, pertama.

Kedua, *information centre* sampai hari ini masih belum ada dan itu *operator* langsung memang tiada jugalah. Di *airport* orang cari info Sandakan mahu cuti di mana? Macam *backpacker* datang Sandakan, cuti di mana? Suruh saya bawa, saya jadi *tour guide* sudah. Jadi, mahu apa macam bangunkan pelancong di Sandakan? Semua pakej punyalah. Kalau mahu semua pakej yang orang putih, pakej Sepilok, pakej Sukau. Dia turun pergi bandar, kita turun pergi tempat yang naik *grab*, pergi makan-makan sendiri, tiada. Semua pakej punya. Jadi, apa hasil dapat orang Sandakan sekarang? Semua yang *company-company* yang dapatlah. Ini yang tujuan saya harap Menteri dapat jawab dan jelas untuk orang Sandakan. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri, silakan.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Terima kasih soalan tambahan dari Yang Berhormat Elopura. RM2.00, 2.89 peruntukan pada tahun 2023 adalah daripada MOTAC.

Soal *information centre* di Sandakan, kita tahu di setiap daerah atau daerah-daerah termasuk Sandakan daerah adalah DO atau Mayor, *sorry* bukan Mayor, Presiden adalah ketua... ketua *what we call? Tourism sector* di setiap daerah atau *information centre*. *If you need any more information other than what you already know from the Sandakan Tourism Player, please don't hesitate to let our ministry, let my ministry know because we* selalu kita ada hubung dengan setiap daerah, DO atau Presiden.

Jadi tidak kurang *information, we always supply information because i have the whole team of* apa ini kakitangan di pejabat *tourism's... tourism's office*. Jadi, *you did* saya boleh faham apa *you* kata tadi. *Where is the two, you don't see the 2.89* peruntukan. Saya akan cari jawapan *also why you don't see the effect of 2.89* peruntukan *when is actually under the MOTAC is supposed to build 10 projects in Sandakan*. Saya akan jawab ini soalan secara bertulis nanti.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Speaker.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** *Sure*.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Soalan.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, Sri Tanjong.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Berkenaan dengan keselesaan pelancong. Saya ingin bertanya kepada Menteri sama ada beliau sedar atau sedia maklum bahawa di Lapangan Terbang Tawau, terdapat ada aduan berkenaan dengan penolakan penumpang khususnya syarikat *e-hailing* sebab saya dimaklumkan banyak pelancong terutamanya pelancong dari luar negara, sedangkan kita ada *direct flights from China but* mereka semasa tiba di

Lapangan Terbang Tawau, ada juga yang menaiki *e-hailing* ataupun *grab* adan sebagainya.

Jadi, mereka mengadu bahawa sering *order* yang mereka pergi ke bandar ke bandar Tawau ditolak atas sebab tambang terlalu rendah. *I know this is not under your ministry regarding e-hailing companies but the victims refereed are those from foreign countries. I am talking about international visitors who are using our e-hailing services. So these people when they ordered e-hailing service at Tawau Airport, more often they not, they are refused because the fare is too low. So i am just wondering whether your ministry or you personally is prepared to talk to e-hailing company. Whether your ministry is prepared to.*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Sri Tanjong?

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Ya, *i am asking question now. I am asking question, i am asking* Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bersedia untuk bertemu dengan syarikat-syarikat *e-hailing* untuk bincang pasal tambang, sebab kalau di luar negara seperti Singapura ataupun Hong Kong, *refusal to carry passenger is an offence.*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, Sri Tanjong.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Mereka boleh didenda. Jadi, saya ingin bertanya sama kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau selaku Menteri Pelancongan untuk menjaga keselesaan pelancong, bersedia untuk bincang sama syarikat-syarikat *e-hailing* supaya tidak ada insiden sebegini berlaku lagi. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Sri Tanjong.

Menteri sebelum itu. Sri Tanjong sebenarnya soalan anda tidak berkaitan dengan soalan asal ya. Jadi, saya minta Menteri untuk terpulang kepada Menteri untuk menjawab secara bertulis atau tidak.



**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Speaker, sebab tadi Menteri ada sebut pasal keselesaan pelancong.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Dengan Kementerian saya. Jadi saya akan menjawab secara bertulis.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** *Thank you.*

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Usukan.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said [Usukan]:** Tuan Yang di-Pertua Tuan Speaker, soalan nombor enam.

#### **JUMLAH BELIA SEBAGAI USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) SERTA LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMBANTU MEREKA.**

\*6. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, berapakah jumlah belia yang terlibat sebagai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan apakah langkah-langkah dan rancangan kerajaan untuk membantu mereka ini.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri, silakan.

#### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Belia dan Sukan [Datuk Fairuz bin Renddan]:** Datuk Speaker bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Usukan dan juga untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, mengikut sumber yang diperolehi daripada Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan (MIDE), jumlah belia yang terlibat sebagai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di negeri Sabah adalah seramai 4,425 orang, iaitu 4,101 daripada Jabatan Pembangunan

Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR) dan 324 orang lagi di bawah program agensi Kementerian Pertanian.

324 orang lagi di bawah program agensi Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan terus mendapatkan data daripada usahawan-usahawan belia yang tidak berdaftar dengan agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan industri dan keusahawanan.

Kementerian saya tidak mempunyai peranan secara langsung terhadap Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Walau bagaimanapun, Kementerian saya terlibat membantu belia untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan melalui Program Skim Jaya Usaha Belia (SYABAS) setakat ini seramai 2,893 orang belia telah mendapat bantuan ini. Jenis-jenis perniagaan yang dijalankan adalah seperti pertanian, pelancongan, peruncitan dan sebagainya.

Berikutan berikut merupakan langkah-langkah dan rancangan Kerajaan bagi membantu usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Antaranya yang pertama, memberikan geran keusahawanan melalui Program Skim Jaya Usaha Belia (SYABAS). Yang kedua, menganjurkan program kursus untuk golongan muda dalam bidang keusahawanan Agro, iaitu melalui geran Agropreneur Muda yang berasaskan semua aktiviti di sepanjang rangkaian nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan perikanan serta industri asas tani. Yang ketiga, memberikan bantuan mesin dan peralatan.

**24/04/2024 - RAKAMAN 6 - [10:50 PAGI - 11:00 PAGI] – [THEODORA B.] - AZYATUL – AZRIN**

**Pembantu Menteri Belia dan Sukan [Datuk Fairuz bin Renddan]:** Bagi tujuan memproses makanan, pembungkusan dan pelabelan melalui Program Geran Pematangan *Change Upgrade Product* dan juga bantuan SME Hub.

Keempat, menyediakan latihan kemahiran, pengeluaran produk hiliran dan keusahawanan secara berterusan di 28 daerah seluruh negeri Sabah. Yang kelima, melibatkan lebih ramai belia usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk ikut

serta aktif dalam aktiviti promosi dan jualan produk semasa hari ekspo, karnival seperti Karnival Belia Negeri, Hari Sukan Negara, Pesta Kaamatan dan juga karnival-karnival yang lain.

Yang keenam, menawarkan kursus dan latihan kemahiran secara percuma. Yang ketujuh, menyediakan platform kepada usahawan belia untuk mempromosi hasil produk hiliran perikanan di mana-mana ekspo atau acara pameran yang melibatkan jabatan. Yang kelapan, menjalankan kolaborasi dengan pasar raya tempatan, iaitu Bataras dan Kedai MESRA Petronas bagi pemasaran produk usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Yang kesembilan, mewujudkan pusat pemasaran produk berasaskan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), iaitu IKS Smart. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Usukan, soalan tambahan.

#### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said [Usukan]:** Tuan Speaker, terima kasihlah atas jawapan Yang Berhormat Pembantu Menteri yang begitu terperinci. Saya cuma ingin bertanya, apakah Kementerian mempunyai bantuan khusus untuk anak-anak muda yang terlibat dalam gig ekonomi?

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Silakan, YB Menteri.

**Pembantu Menteri Belia dan Sukan [Datuk Fairuz bin Renddan]:** Untuk yang, makluman Yang Berhormat daripada Usukan, seperti yang saya akan katakan tadi, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai Skim Jaya Usahawan Belia (Syabas) untuk membantu belia-belia di serata daerah. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Moyog.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk Speaker, soalan saya soalan No. 7.

## **PERUNTUKAN TAHUNAN YANG DISEDIAKAN DAN DISALURKAN KEPADA AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH.**

- \*7. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah jumlah peruntukkan tahunan yang disediakan dan disalurkan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabah dalam kerajaan dan menyokong kerajaan serta penjelasan mengapa peruntukkan yang sama tidak diberikan kepada ADUN-ADUN pembangkang.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** YB Menteri, silakan.

### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Sri Dr. Ruddy bin Awah]:**

Datuk Speaker, selamat pagi, salam sejahtera, salam Sabah Maju Jaya. Menjawab soalan daripada ADUN N.26, Datuk Darell. Datuk Speaker, sebagai makluman ahli Yang Berhormat daripada N.26 Moyog dan juga Dewan yang mulia ini. Pada tahun 2024, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (KPLBS) telah diberi peruntukan khas sebanyak RM188.2 juta untuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, DUN Sabah dalam Kerajaan. Ini adalah merupakan keputusan Dasar Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Terima kasih. Terima kasih, Pembantu Menteri. Kawan lama. Saya ingin tanya, dari peruntukan itu, sebab soalan saya ingin meminta dengan terperinci. Adakah peruntukan ini diberi di kawasan Pembangkang dan juga kepada ADUN Pembangkang? Dan jika tidak, kenapa tidak? Kenapa saya soal ini, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pernah jawab dahulu juga sebab ramai masih tidak faham biarpun kami sudah kasih faham. Mereka kembali kerap kali kepada kami, meminta peruntukan pembangunan.

Adanya juga kami masih tolong, *we find other donors*lah. So *let's make this clear*. Di Dewan ini, kita *clear*kan dan supaya sebelum pilihan raya ini, manalah tahu Yang Amat Berhormat ada satu *enlightenment* ataupun satu polisi baru. Maka, pilihan raya, selepas pilihan raya yang akan datang, siapa sahaja yang jadi Ketua Menteri

dia mesti melaksanakan peruntukan kepada semua DUN sebab akhirnya yang untung bukan wakil rakyat kawasan itu. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, silakan.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan tambahan daripada ahli daripada Moyog. Sebenarnya Kerajaan tidak meminggirkan kawasan ADUN-ADUN yang diwakili daripada Pembangkang. Kita memberi peruntukan untuk kepentingan rakyat dan terus disalurkan kepada Pejabat Daerah untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada keperluan-keperluan yang mungkin wakil-wakil rakyat Pembangkang ingin memohon kepada Kerajaan, kita tidak ada masalah untuk menerima dan juga mempertimbangkan. Yang penting ianya adalah untuk kepentingan rakyat kita. Jadi, saya minta jika ada keperluan wakil-wakil rakyat Pembangkang boleh memohon secara terus kepada saya. Terima kasih.

#### **Soalan Tambahan**

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Terima kasih. Datuk Speaker, tambahan sedikit? Terima kasih Yang Amat Berhormat, dengan itu bukannya baik kalau kita juga memanggil wakil ADUN Pembangkang dalam Jawatankuasa Pembangunan di setiap daerah yang diwakili oleh Pembangkang juga supaya dia pun boleh mengup, mengup, *you know* membawa masalah di kawasan ADUN itu. Terima kasih.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Perkara ini akan diperhalusi dan saya akan melihat sama ada keperluan itu ada atau tiada. Kita terbuka dalam hal ini.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, Senallang.

#### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Saya ingin bertanya tadi itu peruntukan daripada Kerajaan Negeri disalurkan ke kawasan Pembangkang dan

saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat bahawa peruntukan daripada Persekutuan, khususnya di kawasan-kawasan di mana bila contohnya ya, saya ke Kuala Lumpur, kelulusan ada daripada Kuala Lumpur, sama ada di Sepanggar, sama ada di Darau, sama ada di Tanjung Aru.

Tapi, malangnya pemakluman pun tidak ada daripada pihak Kerajaan yang berwajib sama ada MPKK, sama ada pejabat daerah. Terkadang itu ada juga di pejabat-pejabat daerah yang telah melakukan usaha ini ialah pihak Pembangkang membawa supaya bantu rakyat Sabah. Peruntukan itu daripada semenanjung, bukannya daripada Kerajaan Negeri. Tapi, malangnya kadang-kadang itu koordinasi, ya. Jadi soalan saya, Yang Amat Berhormat sedar tak? Ataupun, kalau sedar apakah langkah-langkah untuk mempermudah supaya kelancaran pembangunan yang ada. Terkadang itu pembangunan bukan hanya yang sekarang. Contohnya di kawasan saya sendiri, pembangunan berapa juta untuk rumah PPRT, lesap duit. Saya bagi kelulusan. Tidak tahu ke mana, untuk sekarang ini rakyat yang ada duduk di kontena. Sudah empat tahun duduk di kontena.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih, ahli daripada Senallang. Isunya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita pun secara ikhlas saya nyatakan, kadang-kadang di pihak Kerajaan atau di wakil rakyat Kerajaan Negeri pun kita tidak tahu. Tapi, saya minta kalau ada Pegawai Persekutuan, kita sampaikan ini. Kita tidak tahu pun, apa lagi. Tapi walau bagaimanapun, kita akan maklumkan Pejabat Kemajuan Negeri Sabah supaya melaporkan dan memaklumkan setiap wakil rakyat di mana peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Warisan dalam Kerajaan Perpaduan. Saya orang pun dalam Kerajaan Perpaduan. Tetapi, ada sesetengah kawasan termasuk di kawasan saya sendiri, saya tidak dimaklumkan. Ini saya ingat kelemahan di pihak pengurusan Pejabat Kemajuan Negeri dan juga mungkin di pejabat daerah. Jadi, kita ambil ini sebagai satu teguran yang perlu di, di apa nama, perkemaskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya, saya hairan Yang Amat Berhormat. Kalau Yang Amat Berhormat tidak sedar tentang perkara ini, sedang projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan daerah, diurus tadbir juga oleh Pegawai Daerah. Takkan Pegawai Daerah tak maklumkan Jabatan

Ketua Menteri, walaupun kita tahu ada koordinasi. Contohnya, pembangunan Persekutuan yang ada. Tapi, semua Pegawai Daerah tahu. Kadang-kadang kita ada kelulusan sebelum Kerajaan Persekutuan dia ada, kena ada. Dia punya *qualification* projek dia. Sama ada ini sesuai atau pun tidak kesannya. Saya harap supaya perkara ini juga diselaraskan dengan Pegawai-pegawai Daerah yang ada. Terima kasih banyak.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ya, Tuan Speaker. Kita minta Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memberi maklum kepada semua Pegawai Daerah supaya...

**24/04/2024 - RAKAMAN 7 [11:00 PAGI – 11:10 PAGI] – [ZURINA] - RAMENAH – NUR FATIN**

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** ...setiap peruntukan yang disalurkan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri mesti dimaklumkan kepada wakil rakyat. Sama ada dia wakil rakyat pembangkang ataupun wakil rakyat Kerajaan. Saya harap ini dapat diambil tindakan. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat ADUN Dilantik, Datuk Amisah Yassin.

**Datuk Amisah binti Yassin [ADUN Dilantik]:** Assalamualaikum. Soalan No.8.

#### **INISIATIF DAN INOVASI KERAJAAN BAGI MENARIK MINAT ORANG RAMAI KE PERPUSTAKAAN.**

- \*8. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI:**
- a) apakah perpustakaan masih berkesan dalam menjana minat membaca di kalangan masyarakat; dan
  - b) apakah inisiatif dan inovasi pihak kerajaan dalam menarik minat orang ramai datang ke perpustakaan.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

## **Jawapan**

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik serta Dewan yang mulia ini, Perpustakaan Negeri Sabah mempunyai satu ibu pejabat, 25 perpustakaan cawangan dan empat perkhidmatan tambahan, 62 perpustakaan desa, sembilan perkhidmatan bergerak dan empat buah bas disnet. Menurut laporan pelaksanaan inisiatif hala tuju Sabah Maju Jaya, Tuan Speaker. Bagi Pelan Pembangunan SMJ 2021-2025, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perpustakaan Negeri Sabah telah menunjukkan perpustakaan masih berkesan dalam menjana minat membaca di kalangan masyarakat.

Pada tahun 2023, sasaran Perpustakaan Negeri Sabah bagi inisiatif hala tuju Sabah Maju Jaya berkenaan ditetapkan sebanyak satu juta penggunaan perpustakaan di seluruh negeri Sabah. Namun, Perpustakaan Negeri Sabah telah mencapai sasaran 3.281 atau 3,281,502 penggunaan perpustakaan, iaitu 328%. Sasaran bagi Program Galakan Membaca pada tahun 2023 adalah 2,500 program. Perpustakaan Negeri Sabah telah berjaya, Tuan Speaker melaksanakan 9,612 program. Bermakna 384% sepanjang tahun 2023. Antara program yang telah dianjurkan adalah Jom Baca bersama 10 minit peringkat negeri Sabah. Dan ini Alhamdulillah, telah dilaksanakan semalam di peringkat seluruh negara dan termasuklah kita di Sabah yang bersama dirasmikan dan disempurnakan Yang di-Pertua Mutiara GRS Datuk Seri Penglima Datuk Hajah Julia Salak semalam, bersama dengan para pembaca di Perpustakaan Negeri Sabah Tanjung Aru.

Tuan Speaker, selain daripada itu Minggu Perpustakaan 2023 telah diadakan pada akhir bulan Jun serta aktiviti sempena cuti sekolah turut diadakan di seluruh perpustakaan. Perpustakaan Negeri Sabah juga Tuan Speaker, telah menyasarkan 100,000 pengguna. Penggunaan digital tahun 2023 bagi seluruh perpustakaan cawangan dan telah mencapai sasaran berkenaan, iaitu 245,167, bermakna 245% penggunaan kemudahan digital telah kita capai. Alhamdulillah.

Menerusi Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) tahun 2024, sasaran bagi jumlah penggunaan perpustakaan telah dinaikkan kepada dua juta Tuan Speaker. Pencapaian setakat Mac 2024 adalah sebanyak 724,150, ertinya 36% jumlah penggunaan setakat ini. Sasaran jumlah Program Galakan Membaca adalah



sebanyak 2,500 dan setakat bulan Mac 2024 adalah 1,641 program, Tuan Speaker, ini 74% telah dilaksanakan. Sasaran bagi penggunaan kemudahan digital pula, 100,000 penggunaan setakat bulan Mac 48,388, iaitu 48% penggunaan di seluruh perpustakaan cawangan Sabah.

Pada tahun ini, Perpustakaan Negeri Sabah telah membuat perancangan Tuan Speaker, bagi mengadakan program untuk menarik lagi minat orang ramai di seluruh Negeri Sabah berkunjung ke perpustakaan. Antara program yang telah dirancang 2024 termasuklah program Quran Hour, Festival Sastera Kanak-kanak Peringkat Negeri Sabah yang telah berlangsung semalam. Pesta Buku, Minggu Perpustakaan, Pesta Buku Borneo dan selain itu aktiviti galakan membaca akan diadakan di seluruh perpustakaan cawangan dari masa ke masa terutama semasa musim cuti sekolah. Jumlah peserta aktiviti galakan membaca pada tahun 2023 adalah seramai 1,193,491 orang peserta dan setakat Mac 2024 216,794 orang peserta. Sekian, Tuan Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan, ADUN Dilantik.

#### **Soalan Tambahan**

**Datuk Amisah binti Yassin [ADUN Dilantik]:** Soalan tambahan, Datuk Speaker. Adakah Perpustakaan Sabah membuat kolaborasi dengan agensi-agensi dalam dan luar negeri dalam memperkasa perpustakaan?

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Tuan Speaker, memang ada Tuan Speaker. Kita mengadakan kolaborasi dengan Petronas dengan mewujudkan Petrosains di Perpustakaan Ibu Pejabat, Perpustakaan Negeri Sabah, di mana Petrosains ini memberikan anak-anak kita selain daripada berkunjung untuk membaca buku tetapi menyaksikan program-program sains dan program ini sangat berjaya dan Kementerian Sains dan Teknologi (KSTI) telah berkolaborasi dengan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Keningau dengan mewujudkan pusat sains dan ini juga sangat luar biasa sambutannya di kalangan masyarakat, khususnya anak-anak pelajar. Kementerian KSTI juga mewujudkan muzium sains dan kita juga berkolaborasi dengan NPO Corporation Mill Library Asacas Centre di Jepun kemudian dengan Jabatan

Pendidikan dan juga dengan The United State Embassy American Honour. Itu antara rakan kolaborasi kita . Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Nabawan.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Datuk Speaker, soalan saya nombor 9.

**USAHA KERAJAAN MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN BAGI MENGURANGKAN KADAR PENGANGGURAN, KEMISKINAN SERTA PENGHIJRAHAN.**

\*9. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah usaha pihak kementerian untuk membantu pihak kerajaan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di negeri ini sekaligus mengurangkan kadar pengangguran, kemiskinan serta penghijrahan ke semenanjung atau ke luar negara.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Jawapan**

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]:** Terima kasih Tuan Speaker, dan terima kasih atas soalan daripada Nabawan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Nabawan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, sudah tentulah untuk menjana ataupun mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, sektor perindustrian adalah sangat-sangat penting. Ianya adalah satu tunjang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara atau negeri malah ianya turut akan menjadi antara penyumbang untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat. Kemasukan pelaburan-pelaburan berimpak tinggi ke Sabah, terutamanya pelaburan langsung asing daripada syarikat seperti SK dan Kibing sedikit sebanyak telah memberikan manfaat kepada rakyat melalui peluang pekerjaan akan diwujudkan.

Menyedari akan kepentingan untuk membawa masuk pelaburan ke Sabah dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran, kemiskinan serta penghijrahan ke

Semenanjung ataupun ke luar negara. Kementerian saya akan terus mempergiatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan masuk ke negeri Sabah bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Komitmen Kementerian saya untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui pelaburan telah diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif yang telah dirancang oleh Kementerian saya antaranya adalah seperti berikut:

- I. Menjalankan aktiviti-aktiviti promosi pelaburan khususnya daripada agensi seperti Invest Sabah Berhad melalui misi pelaburan dan lawatan kerja ke luar negara bagi memperkenalkan peluang-peluang pelaburan di Sabah.
- II. Menganjurkan forum pelaburan dan persidangan bertaraf antarabangsa bagi memberi pendedahan kepada pelabur asing berhubung potensi pelaburan dalam sektor...

**24/04/2024 - RAKAMAN 8 [11.10 PAGI - 11.20 PAGI] – [SALEHA] - MOHELENA - NORMA**

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]:** ...sektor ekonomi yang telah dikenal pasti seperti ah, Ekonomi Biru. Ketiga, menyelaraskan dan memudahkan cara cadangan-cadangan pelaburan di Sabah secara efisien dan efektif. Keempat, memperkasakan infrastruktur dan utiliti khususnya di taman-taman perindustrian agar ianya kondusif kepada pelabur. Selain itu, Kementerian saya juga akan terus bekerjasama dengan pihak Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ) bagi pelaksanaan salah satu program di bawah program menoktahkan miskin tegar di negeri Sabah, iaitu Program MY SMJ Kerja Industri bagi mengambil kerja, pekerja di kalangan ahli isi rumah untuk ditempatkan di syarikat-syarikat besar yang melabur di negeri ini. Pada masa yang sama, Kementerian saya juga sentiasa menggalakkan rakyat Sabah yang sedang bekerja di Semenanjung Malaysia atau luar negara untuk kembali ke negeri ini bagi mengisi kekosongan jawatan yang ada terutamanya bagi mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Inisiatif ini diyakini akan mampu mengurangkan *brain drain* di negeri ini dengan izin. Diharapkan agar usaha seperti ini untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Sabah dapat kita membantu untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan seterusnya mengurangkan kadar

pengangguran, kemiskinan serta penghijrahan rakyat Sabah ke Semenanjung dan luar negara. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan Nabawan.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selain memberi peluang pekerjaan ah, kepada belia-belie kita ini terutama sekali daripada pelabur-pelabur asing ini ah, contohnya SK Nexilis dan juga Kibing Solar. Adakah mereka merancang untuk menaja ataupun *sponsor* belia-belie kita ini untuk mengikuti yang berpotensi ini untuk mengikuti kursus ah, asas dan juga teknikal? Kerana kita tahu pelabur-pelabur asing ini kebanyakan kerja-kerja teknikal yang belia-belie kita ini tidak ada ah *skill* itu. Terima kasih.

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]:** Terima kasih soalan tambahan dari Ahli Yang Berhormat Nabawan. Memang betul apakah inisiatif yang ah, antaranya yang paling utama yang kita telah ambil adalah untuk menggalakkan pihak pelabur. Apabila mereka datang ke Sabah untuk membuat kilang so, kita minta mereka ambil pekerja anak Sabah dan bukan sahaja untuk kerja di sana sahaja dan dengan kemahiran mereka sendiri tapi kita hantar mereka hantar mereka ke kalau SK Nexilis hantar ke South Korea. Kalau Kibing hantar ke China untuk masuk ke kilang-kilang yang berkemahiran tinggi untuk belajar. Sudah tiga empat kali kita hantar anak-anak Sabah pergi ke China dan South Korea untuk menerima belajar kemahiran-kemahiran tersebut. So, sudah tentunya selepas mereka *complete the study* ataupun kursus-kursus itu mereka kembali ke kilang kita ada di KKIP sudah tentunya ianya adalah amat memanfaatkan mereka. Sekian.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Soalan tambahan Senallang.

## Soalan Tambahan

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Datuk Speaker, setelah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kita menarik seramai mungkin pelabur datang ke Sabah tapi saya juga ah, ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada kita mempunyai dasar, kalau tiada dasar, buat dasar. Di mana setiap pelaburan yang datang ke Sabah sama ada ianya daripada luar negara ataupun dalam negara, kita tekankan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada peluang pekerjaan itu bagi dengan anak Sabah. Tadi Yang Berhormat sebutkan Kibing 1500 tapi dari Kibing *only forty percent plus* sahaja anak-anak tempatan dapat kerja ya. Apa jenis pekerjaan? Kita tidak mahu kerani. Kita tidak mahu *assistant* itu, *assistant* ini. *We want them to play a very important role*, contohnya di Kimanis. Kita ada Petronas di situ. Sebahagian besar bukan anak-anak tempatan di situ dan saya juga minta supaya dasar Kerajaan Negeri Wilayah Sabah perlu ada memastikan *exploration of gas, exploration of oil*. Itu milik kita. Begitu juga syarikat-syarikat yang melabur di dalam wilayah Sabah kita harus mempunyai dasar *insist*. Sarawak tidak ada pegawai Petronas selagi *passport* dia tidak akan bagi. Kenapa kita tidak boleh gunakan itu sebagai satu dasar untuk membolehkan supaya anak-anak Sabah beratus ribu yang berada di Semenanjung itu mencari nafkah hidup mereka? Adakah pihak Kerajaan di masa akan datang ataupun yang sekarang sudah ada dasar, ya? Kita bukan hanya tarik pelabur datang tapi pekerja bukan orang kita ya, *50 percent*.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat Senallang. Sebenarnya untuk Kibing dan SK Nexilis ah, sebenarnya untuk dasar memang kita sudah ada dasar untuk, untuk ah, memastikan pelabur yang datang untuk buat kilang sekurang-kurangnya *eighty percent* kena adalah anak tempatan dan untuk makluman Yang Berhormat Senallang untuk Kibing ah, sebenarnya bukan 40 peratus. *Not 40 percent. It's 86 percent* adalah anak Sabah, untuk SK Nexilis sama juga *86 percent* anak Sabah dan untuk mungkin ada soalan ah, tambahan. *I give more details* untuk *profesional technician, profesional technician* Sabah 95, 95 anak Sabah *expert 91. Yes, almost 50/50 but we need sometimes for the expert profesional technician to teach our local technician. It's takes sometimes. What we call is a "Skill Transfer", technology transfer. So, kita perlukan, saya akan memantau untuk memastikan lebih lagi anak-anak Sabah kalau boleh 99 percent or 100 percent* anak Sabah untuk kerja di kilang.

*No, no let me finish and kalau boleh saya bagi makluman tambahan dengan adanya perindustrian seperti ini, saya ambil laporan dari Jabatan Statistik. Izinkan saya bagi ini penting. Dari 2017 penduduk yang bekerja *employed person in our State is around 1.77 million, 2018 is around 1.8 million to 1.9 million, 2019 1.9 million to 1.99 million, 2020 oleh kerana COVID 1.9 million jatuh ke 1.8 million. 2021 is the worst COVID melanda, overall around 1.83 million to 1.8 million jatuh dari 1.9 during before COVID sekarang 1.8 ah 1.8 during 2021. 2022 coming back we have 1.88 million until 1.99 million, 2023 first two quarter 2.03 million dan 2.05 million.* Ianya menunjukkan dalam satu dua tahun yang kebelakangan ini kita telah menambah pekerja di Sabah *around 200, 150 thousand to 200 thousand.* Ini adalah satu usaha daripada Kerajaan melalui membangunkan sektor perindustrian. So, ini sudah tentulah kadar pengangguran dari *nine percent* sekarang jatuh ke *7.5 percent.* So, *this is trend, positive trend* yang kita sudah tentulah per ah harus bersatu hati untuk memberi sokongan untuk memastikan sektor perindustrian terus kita kekal dalam satu tahap yang sangat positif.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Soalan saya tadi itu sama ada Kerajaan wilayah Sabah mempunyai dasar, *policy* ya? Saya tahu ada pekerjaan yang ada, pasal kita kena faham tentang kalau tidak ada dasar *they will not comply, just like Petronas. Just like you give subsidy electric they benefit,* dia bagi kerja kepada kita tapi kita bagi banyak duit. *I just give you example* yang Kibing ini *glass, you know glass* ini industri ini kalau kita tidak buat panel solar *you know panel itu downstream, but glass* ini untung syarikat itu jauh banyak dan saya harap dalam jangka panjang supaya *downstream* kita katakan hiliran ini supaya jauh banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak kita *but, you must have the “dasar” to ensure...*

**24/04/2024 - RAKAMAN 9 [11:20 PAGI - 11:30 PAGI] – [NABILA] - NADIA – AZRIN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *...that law must be followed.* Now kadang-kadang kita tengok Petronas contohnya ini tempatan bukan hanya pelabur yang datang daripada luar ya. Kita tidak tahu contohnya pelabur yang berada di tempat-tempat lain sama ada Nexilles sama ada di Sipitang, anak-anak tempatan yang kita tekankan. *They must be a policy.*

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]:** Ya. Terima kasih, Yang Berhormat Senallang. Tuan Speaker, memang kita ada telah meletakkan satu dasar untuk pelabur-pelabur untuk masuk ke Sabah untuk buat kilang 80%. Jadi saya sudah letakkan dan kalau boleh kita akan meningkatkan. Oleh kerana kita nakkan ada *skill transfer*, so kita buka sikit sebanyak ruang untuk mereka masukkan *aspect* untuk apa *teach our local technicians and engineers*. Dan untuk apa dasar *downstream*, memang betul apa yang saya telah dalam penggulungan kelmarin saya ada dalam Dewan yang mulia ini, saya sudah meletakkan satu komitmen besar untuk Kiding Solar Industry di Sabah adalah berpotensi sangat-sangat besar dari pasir silika ke kaca solar, kaca solar ke solar panel. Memang betul saya sokong-sokong banyak. Ini adalah usaha Kerajaan untuk membangunkan khasnya untuk sektor tertentu itu solar. So, saya mempelawa, mengambil peluang ini untuk mempelawa dan menjemput pelabur-pelabur asing di seluruh dunia untuk datang menerokai peluang untuk melabur khasnya untuk solar panel dan saya yakin, *god willing*...

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** YB Menteri?

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]:** ...*god willing*, saya percaya ianya boleh dibuat ianya boleh dibuat dan kita sudah berjaya menghasilkan kaca solar dan ianya boleh *go downstream*. *But I need more need some more time to develop the whole industry, the whole ecosystem*. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sesi soal jawab telah pun selesai.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** (suara tidak jelas) ...insentif.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Setiausaha.

**Setiausaha Dewan:** Ucapan penggulungan perbahasan ke atas masalah yang telah dicadangkan pada 22 April 2024.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri Sains Teknologi dan Inovasi untuk menyambung semula ucapan penggulungan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Dengan sekali lagi menjunjung kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas ucapan Dasar Kerajaan saya menyambung penggulungan saya dengan berikut.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Kukusan, Kementerian ini sedang merancang untuk membangun Pusat Data Geospatial Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Sabah untuk mengkaji dan mengenal pasti untuk mengkaji dan mengenal pasti keperluan R&D di bawah domain STI. Pusat data ini akan menjadi platform jaringan strategik perkongsian maklumat dan perkhidmatan antara agensi dengan penggunaan sumber yang cekap dan optimum berteraskan dasar dan undang-undang dan akan memudah cara serta membantu Kerajaan membuat keputusan secara mampan dalam bidang bina khas kepada keperluan dan potensi Sabah. Data ini Tuan Speaker akan memperkasakan perkongsian maklumat dan perkhidmatan dengan penggunaan sumber yang cekap dan optimum berteraskan dasar dan undang-undang. Perkongsian data *geospatial* akan memudah cara dan menggalakkan...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Pencilahan.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Boleh Yang Berhormat?

Yang Berhormat Menteri, Sarawak akan mewujudkan satu *data centre*, iaitu Tier IV. Apakah Kerajaan Negeri Sabah juga berhasrat, tidak berhasrat untuk mewujudkan *data centre* Tier IV? Sebab data Tier IV ini memang apa ini menjadi igauan negara-negara seluruh dunia. Sebab data ini boleh menjamin kelangsungan pembangunan sebuah negeri. Jadi kalau Sarawak sudah memplan untuk mewujudkan *data centre* sedangkan di Sabah ini kita ada Sabah Net. Sabah Net ini pun di bangunan yang tidak *secure*. Seharusnya data ini *must be secure* dalam satu beberapa bangunan yang sepertinya kalau di negara Eropah, bangunan dia kalis bom, ditembak dibom pun tidak meletup. Jadi, apakah kita berhasrat menuju ke arah itu?



**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih Yang Berhormat Lamag, dan memang pun ini antara usaha kita ke arah berkenaan dan pegawai-pegawai kita ada membuat lawatan ke Sarawak untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan maklumat berhubung dengan apa yang telah mereka laksanakan untuk kita belajar dan kalau dapat kita laksanakan di sini dan ini antara usaha kita.

Tuan Speaker, pada tahun 2020 Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi telah membiayai pembelian Bosch Rexroth Cyber Physical Training System 14.0 yang ditempatkan di SSTC sebagai *platform* bagi latihan industri 4.0 di Sabah. Inisiatif ini adalah perintis yang amat tepat kerana Malaysia menerusi Dasar Kebangsaan Industri 4.0 akan dikenali Industry4WRD penting dalam mentransformasi landskap industri di negeri ini dalam dekad seterusnya dalam memastikan modal insan dapat dilatih dan beradaptasi dengan persekitaran teknologi 14.0 serta penyerapan teknologi 14.0 di kalangan pihak industri. Kajian kemungkinan untuk pembangunan 14.0 Advancement Centre di Sabah Skill and Technology telah selesai disediakan dan sedia untuk dilaksanakan.

Tuan Speaker, salah satu usaha dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembasmian kemiskinan di Sabah adalah melalui keusahawanan sosial dan inovasi sosial yang diambil berat oleh KSTI. Inisiatif ini adalah selari dengan Sosial Development Goals (SGD) dalam memastikan pembangunan sosial dan komuniti yang mampan. Berikut merupakan beberapa senarai usahawan sosial dan *startup* yang berjaya mengimplimentasikan SGD dalam perusahaan mereka.

Pertama Tuan Speaker, Agridata Portal Sdn Bhd (Start Up). Latar belakang peniagaan Start Up ini bertujuan untuk meningkatkan kepercayaan bekalan makanan di Sabah dengan memperkasa ekosistem pertanian di negeri tersebut. Mereka mencipta aplikasi inovatif, AgriFund, yang membantu petani mendapatkan pembiayaan dan geran untuk kos operasi pertanian dari pelbagai pemberi geran dan institusi kewangan. Aplikasi ini Tuan Speaker, memudahkan pengurusan perniagaan petani kita dengan menyimpan dokumen secara digital. Jumlah pendapatan dan pelaburan Agridata Portal Sdn Bhd telah menerima pelaburan daripada Gobi Ventures dan Khazanah Nasional melebihi satu juta ringgit pada tahun 2023 dan mempunyai lebih daripada 2,000 pelanggan untuk aplikasi AG-Fund.

*Success story* yang kedua, LDG Corporation SE. Latar belakang perniagaan, sebuah perusahaan sosial dari Sabah yang diiktiraf oleh Kementerian Pembangunan, Usahawan Dan Koperasi Malaysia (KUSKOP) dan mendapat sokongan daripada pihak KSTI dan SCENIC. Mereka telah memperkasa 30 artisan muda berbakat dari pelbagai kawalan kawasan luar bandar seperti Keningau, Ranau dan Menggatal. Misi mereka adalah untuk mengubah sisa plastik yang dibuang menjadi produk pelancongan seperti barang kemas yang bermotifkan Sabah. Di samping itu, mereka juga terlibat dalam penanganan isu pengumpulan sisa di Sabah, terutama dalam komuniti terpinggir seperti kampung setinggian atas air.

Sehingga kini LGD Corporation telah memperolehi pendapatan kasar sehingga 90 ribu ringgit pada tahun lepas. Mereka juga telah menerima pelaburan dari pelbagai pihak termasuk KSTI dan SCENIC untuk memperkuat dan memperluas usaha mereka. Ada beberapa lagi dan saya akan teruskan. Tuan Speaker...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri boleh tanya sikit? Yang Berhormat telah menyatakan beberapa syarikat usahawan yang telah mendapat manfaat dari segi aplikasi yang ada ini. Pembuatannya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa adakah pihak rancangan ataupun sedarkah Yang Berhormat bahawa contohnya dalam sektor pelancongan ya yang ada pada hari ini, satu hotel...

**24/04/2024 - RAKAMAN 10 [11.30 PAGI -11.40 PAGI] - [RUPIKA] - TERESA – NUR FATIN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** .....yang ada dimiliki oleh orang Sabah yang berada di Sabah, restoran-restoran yang ada, sistem yang ada. Kita tahu bahawa kita menarik seramai mungkin pelancong, yang paling banyak dari China hampir lebih daripada berapa juta. Tapi penggunaan *transaction* yang ada mereka menggunakan Alibaba, Alipay bukan Alibaba, Alipay. Maka dengan itu, tidak menggunakan ringgit, contohnya di Semporna kita mempunyai pelancong yang begitu ramai. Bolehkah pihak Kerajaan wilayah Sabah, pemerintah yang ada Kerajaan, untuk memastikan supaya menyediakan sistem yang ada di dalam perhotelan, di dalam sektor-sektor pelancongan, *resort* yang ada supaya manfaat jauh lebih banyak ya. *Transaction* penggunaan ringgit bukan penggunaan

yuen *currency* China yang ada. Mereka makan restoran bukan kita punya milik, *transaction is done by them* ke China, hotel yang ada. Bila saya tanya kepada hotel, duduk di situ pelancong tapi dalam hotel itu *dorang* ini tidak makan di hotel, *dorang* makan di restoran *where they can pay* menggunakan Alipay yang ada, *transaction is done*. So, kalau *transaction done locally* menggunakan apa aplikasi seperti ditambah baik sistem yang ada di Sabah. Saya yakin ia akan ini bukan hanya mendapat hasil cukai yang ada, bahkan juga pendapatan kepada usahawan-usahawan bukan hanya dalam pembuatan, sektor pelancongan yang begitu penting yang saya ingat terbesar juga di peringkat wilayah Sabah ini. Terima kasih banyak.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih, Yang Berhormat Senallang. Kita akan memperincikan cadangan berkenaan dan kalau dapat dimasukkan dalam sistem yang kita akan sediakan seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Lamag tadi dan juga...

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Boleh tambah sikit, Yang Berhormat Menteri? Betulnya kita mahu tidak mahu realiti dia semua negara menuju ke arah negara elektronik, iaitu manusia tidak lagi membawa *cash*, tetapi membawa *handphone* untuk transaksi. Jadi, semuanya ini memerlukan data dan saya berharap Kerajaan Negeri melalui Kementerian boleh mewujudkan data maklumat yang lengkap, seperti mewujudkan mungkin Sabah Pay. Kalau di China, ada Alibaba Pay kita kena ada Sabah Pay. Jadi, semua pembayaran gaji, *pigi* elaun, *pigi* pekerja-pekerja luar asing ini pun masuk di situ. Jadi, tidak lagi apa ini mereka boleh setiap transaksi itu ada keuntungan dia untuk Kerajaan Negeri, tidak lagi mereka menggunakan apa ini, seperti apa ini penghantaran duit melalui kaunter-kaunter *private sector* dan sebagainya. Dia melalui sistem yang kita ada dan itu boleh mewujudkan beribu-ribu keuntungan daripada data-data yang kita bekalkan. Terima kasih.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Cadangan baik daripada Yang Berhormat Lamag. Sebenarnya sebahagiannya sudah pun dilaksanakan di peringkat Kerajaan, ada bayaran-bayaran melalui digital. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Kalau begitu boleh, zakat pun tidak lagi pakai kaunter bergerak. Kita *online* bayar.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Ya, zakat pun sudah *online*, wakaf pun sudah *online*, Alhamdulillah. Surat nikah pun *online* sudah sekarang (suara ketawa).

Terima kasih, saya sambung Tuan Speaker. KSTI telah mengambil inisiatif untuk merancang dan memasang kemudahan Internet di kawasan luar bandar dengan menggunakan teknologi satelit VSAT. Inisiatif ini bertujuan mengurangkan jurang digital terutama di kawasan pedalaman bagi mempercepat transformasi digital di Sabah. Melalui kolaborasi dengan UPPM, JKKK, MCMC dan KSTI sejumlah 300 lokasi telah dikenal pasti.

Sejumlah 67% atau 202 lokasi kini telah dipasang dengan satelit VSAT Starlink dan dinikmati oleh penduduk di kawasan pedalaman dengan akses Internet yang disediakan oleh Sabah Net.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Karambunai, selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah negeri berteknologi, adalah menjadi fokus utama Kementerian untuk meningkatkan dan memperluaskan liputan Internet terutamanya kawasan luar bandar dan terpencil di negeri ini dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan ini banyak ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat. Beberapa rangka kerja telah pun dirancang seperti pembinaan menara baharu, penaiktarafan menara sedia ada kepada perkhidmatan 4G, perluasan penyediaan perkhidmatan gentian optik dan penyediaan jalur lebar satelit.

Setakat Februari 2024, antara projek yang telah dilaksanakan yang telah dilaporkan oleh MCMC, 647 buah menara yang dirancang, 281 telah siap. Jauh lagi, 4,486 stesen pemancar yang telah dirancang, 4,473 telah dinaiktaraf 4G. 208,926 daripada 303,569 premis telah tersedia dengan gentian kelajuan *gigabytes* dan 138 lokasi

perkhidmatan jalur lebar VSAT di bawah MCMC, 23 VSAT di bawah KSTI telah pun siap sepenuhnya.

Bagi perluasan rangkaian 5G, sebanyak 467 tapak telah beroperasi daripada 595 tapak yang dirancang. Dengan semua usaha ini dimaklumkan bahawa setakat suku keempat tahun 2023, peratusan liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk, di negeri Sabah telah pun meningkat kepada 90.59% berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pada suku kedua 2020. Manakala peratusan liputan 5G di kawasan berpenduduk Sabah telah mencapai 61.1%.

Pihak Kementerian mengambil maklum atas kelewatan projek JENDELA yang telah dihadapi di negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian sedang memantau isu kelewatan ini melalui Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Infrastruktur Teknologi Digital Negeri Sabah. Kementerian ini melalui MCMC telah banyak membuat libat urus dengan beberapa agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan demi memastikan semua kekangan yang dihadapi..

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Menteri, boleh mencelah? (suara ketawa)

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** ...oleh pembina menara dapat melaksanakan projek JENDELA dapat diatasi.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Terima kasih. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri memang berhasrat untuk menganjak soal digital *device* ini untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat negeri Sabah, lebih-lebih lagi di pendalaman, di mana selalu kita melihat *viral* di Youtube, macam-macam, iaitu budak-budak sekolah tidak mendapat jaringan Internet dan sebagainya sehingga menggunakan berbagai-bagai cara untuk mencapai Internet.

Jadi apakah Yang Berhormat Menteri juga menyedari bahawa sebetulnya kesesakan Internet ini bukan hanya di luar bandar, kadang-kadang kita di rumah pun terputus talian, tidak ada *blur* macam kita di luar kawasan. Kadang-kadang kita

dalam kereta, dalam bandar bercakap tiba-tiba *offline*. Jadi, ini merupakan satu masalah dan perlu ditangani dan diatasi dengan sebaik mungkin, sebab hari ini dunia digital ini bukan hanya untuk berkomunikasi, tetapi diguna pakai untuk berniaga, untuk apa ini, menambah pendapatan masyarakat yang menggunakan perniagaan *online* dan sebagainya. Jadi, perkara ini perlu dijadikan *priority* untuk memastikan digital di negeri Sabah ini membangun sama dengan negeri-negeri yang lain. Terima kasih.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih, Yang Berhormat Lamag. Ini yang akan menjadi fokus kita dan keutamaan kita seperti mana yang diharapkan oleh semua. Masalah kita berhubung dengan kelajuan, kelesuan dan kadang-kadang *stuck* ini. Menurut taklimat daripada MCMC antaranya ialah masalah, kita sudah sedia menara. Masalah *telco* sendiri berbeza, *telco* penggunaan kita, jenisnya, akan berbeza lah kekuatan berkenaan.

Yang kedua, geografi kita dan yang ketiga *blind spot* atau tidak buta atau titik lompong, bukan titik buta dan inilah yang perlu kita atasi dan kita hadapi dengan berbincang dengan *telco* satu...

**24/04/2024 - RAKAMAN 11 [11.40 PAGI - 11.50 PAGI] - [GRACIA] – THEODORA J. - NORMA**

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Yang kedua, memastikan pusat-pusat yang berhadapan dengan *blind spot* akan mendapat *internal building coverage* dan insya-Allah, ini juga menjadi fokus kita. Terima kasih atas cadangan berkenaan.

Tuan Speaker, sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Bongawan, status pelaksanaan Projek JENDELA di DUN Bongawan adalah seperti berikut.

Kita ada empat menara dicadangkan. Dua buah menara telah pun siap dan beroperasi. Empat menara yang dirancang, dari empat menara yang dirancang.

Untuk makluman, pembinaan menara di SK Ulu Lumagar, YB Bongawan. SK Lingsan Lama sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap dan beroperasi daripada suku keempat 2024.

Kesemua stesen, 39 stesen pemancar yang dirancang telah pun dinaiktaraf kepada 4G. 668 daripada 1543 premis telah pun tersedia dengan gentian. Ini masih separuh, lebih separuh, kurang separuh dan kita akan mempercepatkan, Yang Berhormat. Bagi peluasan rangkaian 5G sebanyak tiga daripada lima tapak telah beroperasi.

Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Bugaya, status pelaksanaan Projek JENDELA di DUN Bugaya adalah seperti berikut:-

Dua buah menara telah pun siap dan beroperasi daripada tujuh. Jauh masih ada lima lagi buah menara yang dirancang. Untuk makluman, pembinaan menara di kampung Tonggulangan, kampung Bukit Sakong dan kampung Lihak-Lihak sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap dan beroperasi pada suku ketiga 2025.

Kesemua 52 stesen pemancar yang telah dirancang telah pun dinaiktaraf 4G, 2968 daripada 3035 telah pun tersedia. Ini hampir lengkap dengan gentian kelajuan *gigabyte*.

Bagi keluasan rangkaian 5G, sebanyak empat daripada lima tapak telah beroperasi. Sukacita saya maklumkan kepada Yang Berhormat Gum-Gum, status pelaksanaan Projek JENDELA di DUN Gum-Gum adalah seperti berikut:-

Lapan buah menara yang dirancang masih dalam pelaksanaan. Untuk makluman, pembinaan menara di Pulau Libaran, SK Jaya Bakti, Kampung Sinar Baru, SK Sungai Tiram, Kampung Baru Batu 18, Kampung Wawasan Desa, Pulau Selingan dan Taman Sri Labuk dijangka siap beroperasi secara berfasa pada suku ketiga 2025.

Kesemua 87 stesen pemancar yang telah dirancang telah pun dinaiktaraf 4G. 2477 daripada 2547 premis telah pun tersedia dengan gentian. Pada peluasan rangkaian 5G sebanyak empat (4) daripada tujuh (7) tapak telah beroperasi.

Yang Berhormat, bagi SK Semawang pula, sekolah ini termasuk dalam projek *Point of Presence* (PoP) Fasa dua yang kini sedang dalam pelaksanaan. Selain daripada Pelan JENDELA, pihak Kementerian Komunikasi juga akan melaksanakan projek yang memfokuskan kepada kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di negeri ini, iaitu PoP yang telah saya sebutkan tadi.

Projek ini menyediakan infra jalur lebar menggunakan kaedah PoP hab gentian optik dan mampu meningkatkan kesalinghubungan digital. Pada fasa satu, kesemua 67 projek ini telah pun disiapkan.

Fasa dua, kini sedang dalam pelaksanaan di mana sebanyak 12 daripada 636 PoP telah siap dan beroperasi. Manakala, selebihnya masih dalam pelaksanaan sehingga tahun 2023.

Di samping itu, sebanyak 118 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) yang kini dikenali sebagai Pusat Sebaran Maklumat Nasional. Sudah diubah daripada PEDi kepada NADI telah pun siap dan beroperasi sepenuhnya. Sehubungan itu, bagi merealisasikan inisiatif satu DUN satu NADI, kerajaan melalui MCMC sedang giat melaksanakan penambahan sebanyak 14 buah PEDi lagi.

Kalau di negeri, kita namakan e-Desa.

**Datuk Haji Yakubah Khan [Karambunai]:** Yang Berhormat menteri. *(suara bertindih)*

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** ...baru di negeri Sabah. *(suara bertindih)*

**Datuk Haji Yakubah Khan [Karambunai]:** Mohon laluan. Adakah pihak Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan TELCO? Pengusaha-pengusaha pengendali telefon ini? untuk diwajibkan membuat perkhidmatan di setiap menara yang dibina. Jangan berlaku seperti apa yang terjadi di Sarawak. Pihak Kerajaan membina menara di seluruh negeri Sarawak namun, tidak ada TELCO yang memberi perkhidmatan di kawasan tersebut.



Jadi, ianya, baik kita jadikan panduan agar tiang itu tidaklah menjadi gajah putih. Jadi, saya harap Kementerian dapat melakukan sesuatu ke arah yang ini. Terima kasih.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih YB daripada... *(suara bertindih)*

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** YB. YB Menteri. Mohon mencelah boleh?

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Boleh. Boleh.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Terima kasih YB. Berkaitan dengan Perkhidmatan Jalur Lebar ini, saya tidak silap pada Kerajaan yang lalu, ketika Yang Berhormat Karambunai menjadi menteri, pernah dinyatakan bahawa akan dibina satu menara di Pulau Traung Lait.

Jadi, saya ingin bertanya kepada YB Menteri, status apa? Langkah usaha itu?, kerana yang sebelum ini *viral* ialah anak Sabah panjat pokok tapi pernah saya alami di kepulauan Sekong, seorang bapa dengan sampan dengan anaknya. Pelajar UNISEL. Pergi ke tengah lautan untuk mendapatkan *coverage* Internet itu. Jadi, mohon penjelasan daripada YB Menteri. Terima kasih.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih. Karambunai. YB Karambunai dan Sekong. Yang Berhormat Sekong dan saya ambil maklum cadangan Karambunai dan ada juga beberapa libat urus kita laksanakan bersama dengan TELCO dan ini juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tanjung Kapur semalam dan berhubung dengan Traung Lait.

Pulau Traung Lait itu saya akan lihat dan mungkin kalau tidak ada menara kita boleh cecutkan dengan *Vsat*, *starlink* dan apa-apa yang berhubung dengan anak-anak khususnya PoP seperti mana saya sebutkan tadi.

Tuan Speaker, 14 buah NADI atau PEDi baharu di negeri Sabah seperti mana saya sebut tadi, PEDi ini, pusat banyak, menjadi Pusat Digital untuk ekonomi di sah dan sangat berjaya dilaksanakan oleh MCMC.

Satu, kampung Kobong, Kudat. Kampung Rosok, Kota Belud. Di Sandakan, Mawar Center. Millenium di Tawau. Kampung Sentosa, Tawau. Kampung Rampayan Menggatal, Kota Kinabalu. PPR Kionsom, Kota Kinabalu. Kota Kinabalu ada empat, lima Kota Kinabalu. Kampung Gellam-Gellam, Semporna. Kampung Muhibbah, Ranau. Sinulihan, kampung Sinulihan Baru, Keningau.

Tuan Speaker, dalam membangun ekonomi negeri melalui Pensijilan Halal Malaysia, Kerajaan melalui Majlis Ugama Islam Sabah dengan kerjasama USM Malaysia, (UUM) Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan akan membangun Hub Halal Sabah khususnya kepada industri mikro, yang berkonsep tiga modul mengikut kesesuaian industri.

Model pertama Fasiliti Berpusat di mana model ini berperanan sebagai *one stop center* yang merangkumi kemudahan fizikal dan khidmat kepakaran pra persijilan tentang permohonan, penyediaan dokumen dan pematuhan syarak setelah mendapat sijil halal pasca pensijilan yang dibangun bersama makmal halal dan inkubator halal.

Model kedua, Spatial Model Ruang di mana ia menempatkan beberapa buah premis bagi pengusaha industri kecil yang tidak mempunyai tempat pemprosesan sendiri. Hub ini memberi peluang kepada pengusaha yang telah mempunyai produk sendiri untuk memproses produk dengan menggunakan kemudahan peralatan asas seperti dapur, *oven* dan lain-lain.

Model ketiga ialah Satelit Halal Hub di mana interaksi pengurusan halal di antara para pengusaha dan konsultan, pembimbing halal di buat secara *online*. Hub ini menyediakan khidmat nasihat halal, bimbingan, kursus dan lain-lain.

Kerajaan melalui Majlis Ugama Islam Sabah selaku pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di negeri ini berusaha dengan sebaik mungkin bagi memastikan pembangunan wakaf ini dipertingkatkan se...

**24/04/2024- RAKAMAN 12 [11:50 PAGI – 12:00 TENGAH HARI] - [MOHD NOOR]  
- SITI JUBAIDAH - AZRIN**

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** ...seiring dengan peredaran masa. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah memperkenalkan Wakaf Tunai yang dilancarkan pada September 2022. Keistimewaan Wakaf Tunai serendah RM1.00 di mana para pewakaf boleh memilih kategori perwakafan yang diinginkan seperti Wakaf Tunai Am, Tunai Kesihatan, Pembangunan dan Tunai Pendidikan. Ia boleh dilaksanakan oleh Potongan Gaji, QR Code, Infaq Pay seperti mana yang dicadang oleh Yang Berhormat Lamag tadi, Wakaf Pay. Ditimbulkan oleh Yang Berhormat Karambunai, berhubung dengan wakaf kenderaan klinik dan ini adalah wakaf daripada An-Nur Corporation, KPJ yang dilantik oleh SSM, harganya RM350,000 oleh Wakaf An-Nur dan kita menambah RM48,000 daripada Majlis Agama Islam Sabah.

Berkenaan dengan mesin dialisis atau pusat dialisis di Tebobon, Menggatal. Pusat ini mempunyai, insya-Allah akan mempunyai 12 mesin dialisis dan akan diselenggarakan bersama dengan NKF, yang mesin ini akan beroperasi 4, 4 pusingan, ertinya 48 peserta atau pesakit dapat menikmati atau menjalani dialisis ini. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) mengambil berat untuk memperkasa pendidikan di negeri ini selari dengan arus negara pendidikan perdana dengan merancang penyediaan prasarana Tadika JHEAINS yang baru di Petagas Putatan, Bongawan Papar, Taman Lok Kawi Papar dan Merotai Tawau. Seterusnya, menyediakan prasarana baru Sekolah Agama Negeri (SAN) di Petagas Putatan, Tebobon Kota Kinabalu, tempat YB Sepanggar, YB Karambunai, Pekan Telupid, Kampung Karanaan, Ranau, Pekan Sook dan Pekan Merotai Tawau dan juga prasarana Sekolah Menengah baharu di Kota Belud, Sandakan dan Tawau. Kita juga akan menaik taraf SAR Kirokot Apin-Apin Keningau dan SAR Kampung Bahagia Nabawan, menjadi Sekolah Agama Negeri di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS), insya-Allah.

Disebutkan oleh Yang Berhormat Kunak semalam berhubung dengan keadaan Sekolah Menengah Tahfiz Kunak di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) yang memerlukan keperluan asas, saya mengambil maklum dan akan meminta supaya Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) melaksanakan tugasnya untuk membantu pelajar ini. Dalam usaha memartabatkan keperluan penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan terurus, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) telah melancarkan beberapa inisiatif digital untuk kemudahan jabatan awam dengan kerjasama Jabatan Komputer Negeri Sabah iaitu e-Kariah, e-Masjid, e-Persempadan Kariah Masjid, e-Pengaduan, e-Penceramah, e-Khutbah, e-Mualaf, Sijil Digital Mualaf, Tauliah Perkahwinan melalui e-Digital, Sijil Digital Kahwin, Sijil Nikah dan Sijil Kad Nikah.

Begitu juga dalam usaha memperkemas perjawatan semua kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) khususnya jawatan vot terbuka yang telah dipersetujui pada dasarnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPAN) untuk dinaik taraf dan distruktur semula seperti mana juga dicadangkan oleh Yang Berhormat, ADUN Dilantik, Yang Berhormat Aliakbar, Dr. Aliakbar. Kerajaan juga merancang membina pejabat Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) yang baharu di Keningau, Ranau, Tuaran, Kalabakan, Membakut, begitu juga menaik taraf fasiliti bagi aktiviti ibadah masyarakat Islam. Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) dalam perancangan untuk membina masjid baharu di Kalabakan, Kota Belud, Kemabong dan Sandakan (Batu 10, Batu 32) dan juga Masjid Sembulan yang lama.

Sepertimana yang diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, saya yakin semua inisiatif, mudah-mudahan dapat dilaksanakan merupakan, ia jika dilaksanakan, ia akan menjadi salah satu pemangkin kepada pembangunan dan kesejahteraan kita semua. Saya ingin mengambil kesempatan ini, mengucapkan Selamat Aidilfitri, Salam Syawal kepada semua Maaf Zahir Dan Batin dan selamat menyambut Pesta Kaamatan Kotobian Tadau Tagazo Do Kaamatan. Saya mohon menyokong, Tuan Speaker.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tadi tentang masjid tadi disebutkan

masjid, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang beberapa langkah yang telah kita ambil perhatian khususnya satu di Masjid Kota Kinabalu dan saya telah waktu itu, kita telah merancang untuk memberi peruntukan kepada Masjid di Kota Kinabalu, *escalator*.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Masjid apa? Masjid Negeri Sabah?

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Masjid Negeri Sabah. *Escalator* untuk membolehkan supaya kena saya sedar dan tahu, Datuk Speaker, yang pergi masjid pagi-pagi ini dan setiap kali ialah orang-orang dewasa, yang tua. Tapi, kalau mereka naik tangga terlampau tinggi sangat, jadi bermasalah. Maka dengan itu, seperti apa yang berlaku di Masjid Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur. *There must be an escalator*, untuk membolehkan dipermudahkan untuk mereka beramal. Yang kedua, tentang masjid di daerah Semporna. Tanah dah ditimbus dah untuk pembinaan dia dan saya telah sediakan peruntukan dalam lingkungan RM30 juta untuk membolehkan pembinaan masjid. Kerana baru-baru ini pun bila masjid yang baru, masjid yang kita *renovate*, orang sampai ke jalan raya nak sembahyangnya itu kerana tidak mencukupi untuk menampung keperluan. Dahulu kita sembahyang hari raya di padang pekan daerah Semporna. Jadi, saya telah luluskan untuk peruntukan RM30 juta sebenarnya, tapi tidak tahu sama ada itu masih dalam apa ini, perhatian pihak Kerajaan Sabah untuk membolehkan ianya dapat diteruskan. Terima kasih banyak.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Mengenai Masjid Negeri itu memang ada perancangan kita dan sekarang kita tengah buat kajian, apakah dengan adanya *escalator* berkenaan? Akan merosak struktur Masjid Negeri. Kerana ini, akan menjejaskan struktur berkenaan. Tetapi apabila boleh, dapat ada, ada jalan tidak merosakkan sebahagian struktur masjid berkenaan, kita boleh laksanakan. Kalau tidak, plan kedua kita adalah *lift* dan ini sedang dikaji oleh JKR manakala masjid baru Semporna saya akan rujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Sabah (JHEAINS) nanti.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *Later* di, di Masjid Kota Kinabalu ini, ya. Saya ingat saya telah kenal pasti, iaitu bila saya buat

lawatan, di belakang itu, *not in front*, strukturnya akan rosak kalau sekiranya di depan tapi saya sedar dan tahu bahawa ada laluan di situ, *it doesn't affect the design and structure* yang ada.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya yakin kalau itu dapat dilihat secara teliti oleh pihak Kementerian Kerja Raya, mungkin itu akan mempermudah setiap jemaah untuk menunaikan ibadah mereka. Terima kasih banyak.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih, kita akan minta nanti JKR melihat perkara berkenaan. Kalau kita banding dengan Putrajaya, Putrajaya wujud benda tu bersama dengan bangunan. Ini bangunan dulu baru benda tersebut. Terima kasih, Tuan Speaker. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, YB Menteri. Seterusnya, saya menjemput, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Bismillahhirahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya. Tuan Speaker, Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana diberi peluang untuk membentangkan ucapan penggulungan bagi pihak Kementerian Kerja Raya Sabah di Dewan yang mulia pada tengah hari, pada pagi ini. Saya dengan hormat dan penuh takzimnya menjunjung kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah atas ucapan dasar Kerajaan sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah ke-16 pada 18 April 2024 yang lalu.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang melibatkan Kementerian Kerja Raya Sabah. Segala cadangan dan pandangan dan teguran oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, amat dihargai dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Isu-isu yang dibangkitkan termasuklah berkaitan pembangunan

infrastruktur sama ada jalan raya, bekalan air, pembentungan dan terminal feri sama ada secara umum atau spesifik. Oleh itu, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan isu dan cadangan mahupun pandangan yang telah dibangkitkan...

**24/04/2024 - RAKAMAN 13 [12:00 TENGAH HARI – 12:10 TENGAH HARI] - [NOREERA] – DARRYL JUDE – NUR FATIN**

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Tersebut. Ahli Yang Berhormat dari Senallang telah bertanya tentang status peruntukan sebanyak 400 juta ringgit untuk pembaikan jalan, kerja-kerja penyelenggaraan jalan berturap di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senallang, bagi tahun 2023, peruntukan untuk pembaikan dan penyelenggaraan diagihkan untuk jalan-jalan negeri luar bandar, menaik taraf jalan SRT 2 dan SRT 3 ke SRT 1, jalan-jalan majlis perbandaran dan majlis daerah serta jalan pertanian.

Jumlah geran daripada *Federal* ataupun Kerajaan Persekutuan yang diterima adalah sebanyak 625 juta ringgit. Manakala caruman daripada Kerajaan Negeri adalah sebanyak 350 juta ringgit. Berdasarkan data yang kita terima pada tahun 2023, sebanyak sepanjang 710 kilometer keadaan jalan negeri adalah dalam keadaan kategori teruk. Manakala 126 kilometer dalam keadaan sangat kritikal. Ini memakan belanja dianggarkan sekitar 1.8 bilion ringgit. Jadi, dengan caruman dan geran yang ada sebanyak hampir 1 bilion, kita mempunyai defisit dalam mengatasi ataupun menyempurnakan atau melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Bila mendengar tadi itu disebutkan hanya 350 juta daripada Kerajaan Negeri yang ada. Sebenarnya saya melihat dahulu bila saya selaku Menteri Kewangan, ada 300 juta daripada Kerajaan Negeri, saya tambah 100 juta dan ini duit Kerajaan Negeri bukan daripada Pusat ya. *MARRIS is another one*, itu dari *Federal*, *MARRIS* itu dari *Federal* untuk tambah baik beberapa kawasan-kawasan *but this is not federal road, it's state road* yang ada.

Cuma saya bila mendengar tadi hanya 35 juta, 350 juta tapi saya telah bagi peruntukkan tambahan 100 juta untuk membolehkan duit daripada Sabah untuk

tambah baik jalan-jalan, bukan hanya di *district level*, di luar bandar untuk membolehkan supaya kemudahan ini dapat menampung keperluan rakyat di peringkat akar umbi.

Daripada jumlah itu, 350 itu tadi, ada 50 juta itu tambahan daripada 400 juta yang kita bagi peruntukkan setiap saban tahun. *How much is the money spent? I know the kilometer you mentioned just now.* Saya tahu bahawa ada beberapa panjang jalan, *but* dari segi peruntukan yang kita sediakan, berapa daripada perjumlahan itu yang telah diguna pakai untuk membaik jalan-jalan raya yang ada di seluruh wilayah Sabah ini? Terima kasih banyak.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, hampir setiap tahun peruntukan caruman yang kita terima daripada negeri 350 juta dicampur dengan 625 juta daripada Kerajaan Persekutuan menjadikan *total* dalam 975 juta sehingga 1 bilion ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *Listen*, saya sebut tadi itu, dahulu ada 300 dan saya tambah 100. Maknanya ada 400 juta itu *but I don't know you said 350 only.*

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya. Kalau data tahun lepas, peruntukan daripada caruman daripada Kerajaan Negeri adalah sebanyak 350 juta.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *Not 400?* Saya ingat *the* ini kena.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Data yang saya dibagi adalah 350 juta ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Okey, okey, tidak apa.



**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Adalah 350 juta ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya jelas perkara ini dan saya akan tengok daripada segi sudutnya. Pasal waktu itu Menteri Kewangan, saya lihat 400 juta, *I told them I said* sediakan 400 juta untuk dan *the other* 50 juta tidak tahu ke mana.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Okey, jadi sebagaimana yang saya nyatakan tadi.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Boleh sambung sikit Yang Berhormat?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Mungkin Yang Berhormat pun maklum di Sabah ini, ada empat kategori *maintenance* jalan. Satu, di bawah peruntukkan *Federal* untuk *federal road*. Kedua, daripada Kerajaan Negeri. Ketiga, daripada *Federal* juga, iaitu melalui MARRIS. Malangnya, MARRIS ini bukan dikelolakan oleh Jabatan Kerja Raya tapi di Sabah ini memang istimewa. *The only state* Kementerian Kewangan menjalankan aktiviti mengelola, mengendali naik taraf jalan raya. Jadi, inilah antara penyebab kenapa jalan raya kita ini lintang pukang, kritikal sebab Kementerian Kewangan pun mengendali jalan raya, melantik konsultan dan menafikan hak Jabatan Kerja Raya. Minta komen, Yang Berhormat.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya. Sebagaimana Yang Berhormat Lamag telah nyatakan tadi, kita ada peruntukan daripada Persekutuan *direct* untuk konsesi penyelenggara jalan persekutuan. Yang itu lebih kurang ada kalanya 70 juta, ada kalanya lebih 100 juta. Itu dibayar *direct* daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia. Yang saya sebutkan sebentar tadi, 975 juta adalah gabungan daripada sumbangan MARRIS, *Federal Government* dan juga 350 juta daripada negeri.

Berkenaan dengan pelaksanaan jalan-jalan dari sud... dari urusan teknikal, dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kewangan mengurus urusan perbelanjaan yang telah diberi.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Mungkin Yang Berhormat tidak menyelidik peruntukkan untuk MARRIS ini, Kementerian Kewangan telah melantik kontraktor siapa ini untuk jalan-jalan Majlis Daerah tetapi Yang Berhormat boleh tanya semua Majlis Daerah tidak maklum, memaklumkan bahawa kontraktor ini tidak menjalankan apa-apa tugas. Dia cuma *claim*, Kerajaan bayar dan JKR, kalau Yang Berhormat *check* bahawa dan maklumkan bahawa yang mengelola projek ini, iaitu melalui konsultan dibayar lima perpuuhan tidak tahu berapa juta satu tahun. Jadi, inilah malangnya kita Kementerian Kerja Raya tidak ada hak untuk MARRIS, MARRIS ini tapi dikelola oleh Kementerian Kewangan.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lamag sebentar tadi adalah merujuk kepada penyelenggaraan jalan Majlis Daerah dan juga Pejabat Daerah (MCDC). Ia dikendalikan secara *direct* melalui Kementerian Kewangan, namun Kementerian Kerja Raya juga menerima laporan tentang prestasi mereka dan kalau kita dapat *feedback* daripada... daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Kalau saya tidak silap, Kekal Mewah Sdn. Bhd.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, ya, ya. Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Ini perlu ditelitilah, Yang Berhormat sebab Kekal Mewah ini prestasi dia tidak baiklah.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Saya mengambil maklum komen yang diberikan oleh ADUN Lamag sebentar tadi. Ahli Yang Berhormat daripada Sindumin telah meminta supaya kerja, pakej kerja WP 1 dan WP 2 Projek Pan-Borneo dipercepatkan. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, antara tindakan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan Kerja Raya Sabah adalah seperti berikut.

Kementerian akan memastikan pemantauan yang berkesan dan teliti terhadap setiap pakej kerja. Ini termasuk pemantauan terhadap kemajuan spesifikasi dan penyelesaian isu tapak dengan kadar segera, penilaian semula program kerja kontraktor dan kerjasama rapat bersama semua pihak yang terlibat termasuklah kontraktor, juruperunding, pihak utiliti dan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk menyelesaikan isu yang menyebabkan kelewatan kerja.

Kemajuan kerja fizikal di tapak pada ketika ini adalah sebanyak 64% bagi WP 1 dan 49% bagi WP 2. Setelah penelitian semula jadual kerja kontraktor dan mengambil kira lanjutan masa terbaharu, pakej-pakej ini dijangka siap pada Jun 2025 bagi pakej WP 1 dan April 2025 bagi WP 2. Berhubung isu batu yang tidak selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan, Pihak JKR tidak menetapkan spesifikasi penggunaan batu pasir sungai tidak boleh digunakan di dalam pembinaan. Apa yang ditekankan adalah batu yang digunakan telah memenuhi syarat dan spesifikasi yang ditetapkan dan pihak kontraktor tertakluk kepada *procedure standard*, *quality assurance* dan *quality control* di tapak.

Pasukan penyeliaan sentiasa memastikan setiap bahan yang digunakan dalam pembinaan diuji dan diperiksa sebelum kebenaran meneruskan pembinaan diberi kepada pihak kontraktor. Mengenai aspek keselamatan, pihak Kementerian akan mengarahkan pihak kontraktor untuk memperbaiki pengurusan trafik di tapak terutamanya di Pakej 1 dan 2 dengan menyediakan papan tanda yang lebih jelas dan mengambil tindakan awal sekiranya terdapat tanda-tanda kerosakan jalan.

**24/04/2024 - RAKAMAN 14 [12:10 TENGAH HARI - 12:20 TENGAH HARI] - [CHARITY] - AZYATUL – NORMA**

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Kementerian akan memastikan kontraktor sentiasa mematuhi spesifikasi dan *standard* keselamatan yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Sindumin turut membangkitkan isu konsesi yang lambat mengambil tindakan setiap kali terjadinya masalah jalan raya. Dalam hal ini, pihak JKR Sabah sebenarnya boleh memberikan notis ketidakpatuhan kerja atau *non-compliance report* bagi pelaksanaan kerja tampalan lubang yang lewat dilaksanakan oleh syarikat konsesi, iaitu satu hari untuk jalan protokol dan tiga hari untuk jalan bukan protokol.

Ahli Yang Berhormat dari Kemabong telah bertanya tentang jalan-jalan di bawah seliaan JKR yang mengalami kerosakan akibat kejadian banjir di kawasan Kemabong yang belum dibaiki oleh pihak konsesi. Bagi jalan Tenom-Kuala Tomani, iaitu di jajaran yang bersebelahan dengan Sungai Padas, kerja pembersihan banjir lumpur sehingga menjejaskan parit tepi jalan dan paip pembentung di Jalan Tenom-Kuala Tomani telah dibuat..

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Pencelahan YB.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya minta.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Boleh saya habiskan? Sebentar saja.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Minta, minta izin dengan Yang Berhormat sama ada tadi itu, saya ingin bertanya, sama ada *the Pan Borneo* punya isu *settle already*?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Okey, kalau.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Atau ada lagi? Kalau ada.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Saya selesaikan, ah.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Okey.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Kemabong. Senallang boleh bertanya tentang Pan Borneo.

Mana tadi.

Namun begitu, hakisan tebing sungai semakin teruk dan memerlukan kerja pembaikan berskala besar. Lencongan jalan bersifat sementara di kawasan terlibat telah dibuat di tapak. Manakala, cadangan kerja pembaikan berskala besar tersebut diangkat untuk kelulusan.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri, Menteri Kerja Raya. Persoalan kami di Kemabong dan Tenom, apabila setiap kali banjir, contohnya banjir yang terbesar pada tahun 2021 dan 2022.

Selepas banjir, enam bulan langsung tidak diselenggara jalan-jalan. Nama jalan itu adalah Jalan Kampung Paal Seberang, Jalan Kampung Kalasan Ehubai. Saya telah kerap kali minta pihak JKR untuk membaiki. Selepas satu tahun, baru mereka perbaiki. Jadi, ini sangat mengecewakan rakyat dan juga memalukan sayalah sebagai wakil rakyat..

Yang kedua, iaitu jalan-jalan yang di bawah seliaan ataupun Konsesi Kekal Mewah. Kita minta mereka untuk menjalankan kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan yang rosak tapi mereka lambat *respond*. So, dulu saya pernah cadang supaya Konsesi Kekal Mewah ini diletakkan di bawah JKR supaya sekali gus memudahkan pihak-pihak YB, masyarakat dan sebagainya termasuk wakil rakyat untuk meminta pihak JKR bertindak kepada mereka.

So, yang... yang ketiga itu, untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan ini, saya mohon kepada pihak Kementerian Kerja Raya ataupun Kerajaan supaya projek-projek penyelenggaraan membaiki jalan raya ini, berilah peluang kepada

kontraktor-kontraktor di peringkat daerah, iaitu kelas F kah, G , E kah dan sebagainya kerana selama ini apa yang saya lihat projek-projek ini diberi kepada satu, dua kontraktor dan kontraktor-kontraktor kelas F ini tidak berpeluang. Inilah apa ini, rintihan oleh pemegang-pemegang lesen kelas F kerana apabila mereka tidak dapat projek untuk *renew* lesen mereka, sukar mahu dapat. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, kepada Ahli Yang Berhormat dari Kemabong, berkenaan dengan kejadian jalan rosak apabila berlaku sesuatu bencana alam, selalunya prosedurnya apabila ada kejadian tanah runtuh ataupun jalan putus dihanyutkan oleh banjir, kerja kecemasan seperti menutup jalan buat sementara waktu, *clearing*, *traffic management plan* dan *diversion* dilakukan.

Selepas itu, kesan kerosakan itu akan diselidik. Sekiranya hanya memerlukan kerja-kerja yang bersifat *general* ianya akan dilakukan dalam kadar yang cepat. Namun demikian, sekiranya kerosakan yang dialami adalah bersifat *major*, maka penyelidikan reka bentuk perlu dilaksanakan dan ini mungkin memakan masa untuk diperbaiki semula.

Walau bagaimanapun, kenyataan.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Saya, saya punya maksud Berhormat Menteri, hanya bersih kembali saja. Selenggara saja. Tidak ada yang rosak, cuma tidak boleh dilalui oleh kerana kena taru/terletak di atas asfal itu terlalu tinggi. Itu saja maksud saya.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, itu sepatutnya cepatlah dilakukan. Saya ambil maklum dan akan dapatkan *feedback* daripada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan *response time* daripada pihak konsesi, kita juga mengambil maklum dan akan buat, dapatkan *feedback* daripada mereka. Ya, YB Senallang.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan, saya juga membangkitkan beberapa perkara tentang Pan Borneo.

Pertama, dari segi *existing road*, penggunaan dia. Yang Berhormat telah nyatakan tentang bagaimana jalan yang ada di Sabah ini banding dengan Sarawak, dia punya *kewiden is not as wide as* di Sarawak, di peringkat itu. Cuma saya telah bagi pandangan, *for the*, yang, *for the new package* yang ada. Satu *bulk/bab*, ya. Yang *existing road* yang ada, pasal kita kena pampasan tanah cukup banyak, 1.2 bilion untuk ambil tanah saja di Sabah ini. Di Sarawak, 33 bilion, *million* saja.

Jadi, satu pakej yang akan datang, ya. *There's a new package*. Kerajaan harus mengambil langkah untuk pastikan supaya jangan lagi gunakan laluan yang baru, contohnya kalau kita lihat yang ke, dari Penampang ke Papar. Dari Papar, saya ingat ke Sipitang juga laluan itu laluan yang baru, bukan laluan jalan yang lama. Saya tahu kita akan *cause congestion*.

Tapi, sekurang-kurangnya satu *bulk/bab* boleh kita mempercepatkan pembinaannya dia, pasal kita menggunakan. Seperti di Tawau. Laluan dari Tawau ke Semporna itu, itu baru punya. *The old road*, cuma kita *extend* saja, bagi luas saja dan dah siap, hampir siap. Ya, kerana itu merupakan satu kaedah.

Kedua dari segi kontraktor ini. Yang Berhormat Menteri, kita tahu dalam laporan audit seperti yang saya sebutkan, sebahagian besar syarikat-syarikat Yang Berhormat bertugas dalam PDP. Audit katakan gagal memenuhi syaratnya, ya. Dari segi kewangannya, mungkin dari segi pelaksanaannya dan saya yakin bahawa *the* perjalanan saya ke Sipitang, banyak lagi tertangguh walaupun 50%, 60% jalan mungkin berjalan dengan baik.

Adakah pihak Kerajaan mempunyai dasar bila mana kegagalan syarikat ini melaksanakan tugas, *terminate them*. Kerana saya sedar ada di antara syarikat-syarikat ini yang tidak berupaya melaksanakan bagi dengan sub-kontraktor. Buat apa dengan bagi subkontraktor kalau mereka *main contractor doesn't have the means, the man power*, kemudahan untuk melaksanakan jalan raya Pan Borneo yang ada.

Di Sarawak, *the main contractor doing it*. Kalau pun ada pengagihan, *that sub-kontraktor is qualified and they can produce a very good quality of road*. Jadi, saya mencadangkan masa akan datang, yang sekarang ini pun dalam melaksanakan mesti mempunyai dasar. *They failed*. Kita tidak mahu lambat-lambatkan pelaksanaan Pan Borneo. Terima kasih banyak.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Err...

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Bagi memberi *respond* kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh ADUN Senallang sebentar tadi. Pertama, tentang *alignment* ataupun jajaran Pan Borneo. Sebagai. Kelmarin saya ada nyatakan kata dasar/dasar-dasar.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya ada permintaan bolehkah? Bolehkah jawab dulu saya punya soalan-soalan perbahasan sebelum pergi ke Senallang?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Habis sudah.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Sebab giliran saya belum selesai.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Sudah selesai tadi. Apa lagi yang belum saya jawab?

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Yang...

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Kontraktor kelas F?

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Peluang kepada membaik pulih, lesen-lesen kelas F itu belum lagi ada kena jawab.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Okey, itu nanti.



**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Mungkin.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Saya akan selidik, kaji tentang syarat-syarat lantikan konsesi. Kalau tidak silap saya, dalam lantikan mereka sepatutnya ada kerja-kerja yang perlu diberi kepada lesen-lesen kelas F.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Tidak pernah. *Diaorang* tidak pernah.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Yalah. Saya kaji dulu terma lantikan mereka, sekiranya ada dan saya akan dapatkan maklum balas kenapa ianya tidak *executed* atau tidak di-*implemented*. Ya? Okey.

Balik kepada ADUN Senallang, berkenaan dengan jajaran Pan Borneo. Semalam ataupun kelmarin saya telah nyata.

**24/04/2024 - RAKAMAN 15 [12:20 TENGAH HARI - 12:30 TENGAH HARI] – [EVY CHARLYN] - RAMENAH – AZRIN**

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

...kan pada dasarnya pelaksanaan projek Pan Borneo Sabah adalah menaik taraf jalan raya Persekutuan yang sedia ada. Jalan raya Persekutuan yang sedia ada itu bermula untuk Sabah bermula daripada Sindumin, ke Sipitang, ke Papar, Ke Putatan sampailah ke aaa, depan SESB ni itu jajaran dia, jajaran sebenar dia dan dalam spesifikasi menaik taraf jalan Persekutuan daripada satu lorong dua hala kepada dua lorong dua hala ianya melibatkan *geometrical design* untuk memenuhi spesifikasi jalan yang direka bentuk. Jadi dalam menetapkan jajaran berdasarkan naik taraf jalan Persekutuan yang sedia ada. Maka, kita telah melakukan makmal pengurusan nilai yang dihadiri oleh pelbagai pihak daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan juga negeri. Jadi ada jajaran yang masih menggunakan jajaran yang sedia ada, ada jajaran yang kita *introduce by pass* disebabkan oleh impak sosial dan sebagainya. Jadi, keputusan untuk menggunakan jajaran ini telahpun diputuskan untuk pelaksanaan Pan Borneo Fasa 1, satu A dan satu B daripada Sindumin sehinggalah ke Balung di Tawau.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk, Datuk Speaker, Datuk boleh minta penjelasan, jalan yang telah, jalan baru ini untuk Pan Borneo, adakah mereka *contribute* kepada apa ini banjir yang sangat serius di Penampang?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Dalam makmal pengurusan nilai, perkara ini telah dikaji. Keadaan sebelum pelaksanaan Pan Borneo, semasa pembinaan Pan Borneo dan selepas siapnya lebuhraya Pan Borneo dan sepatutnya kalau mengikut hasil daripada perbincangan di makmal pengurusan nilai sepatutnya ianya adalah minima ya sepatutnya adalah minima.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Tetapi tidak minima, kan? Setuju tak? Dia tak minima, *quite serious*.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Apa yang terjadi mungkin disebabkan oleh sewaktu pembinaan *reposition* yang sepatutnya *inplace it's not being carried out. Violation of procedure*.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *So there was negligence* lah.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** *It's could be*.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Adakah itu satu peluang bagi orang yang dapat, *I mean* yang telah mengalami kerosakan pada rumah mereka untuk membuat tuntutan mahkamah kepada Kerajaan ataupun kontraktor?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** *Everybody has they own right and they have to develop they case*. Okey saya balik kepada...

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Datuk Speaker...

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Sekejaplah sekejap, saya *settle* YB Senallang dahulu, nanti saya apa ini *diverted*.

Berkenaan dengan pemilihan kontraktor, pemilihan kontraktor, saya tidak ingin apa ini *argue* Laporan Audit 2019. Kita, saya sudah baca ada teguran yang dilaksanakan dan pemilihan kontraktor pada waktu PDP ada dua peringkat ya satu apa yang kita panggil tiga ahli *command* projek, dan satu lagi kontraktor-kontraktor yang telah melalui prakelayakan yang telah ditetapkan dan daripada tiga ahli *command* projek tersebut, dua sudahpun siap manakala satu telah *determinate*, namun demikian *package* itu *package* 15 telah juga berjaya disiapkan dan cadangan daripada Yang Berhormat Senallang tentang apabila kemajuan kerja yang telah ataupun sedang dialami oleh sesuatu kontraktor berada dalam keadaan yang tidak baik ataupun sakit dalam *contract* kita ada proses-proses untuk *determine contract* untuk *termination*. Ada satu tahap di mana kita perlu bagi peringatan dan akan tiba satu saat di mana *termination could be carried out*, tetapi *termination is termination cost money*, *termination cost time*, kecuali perkara ini tidak dapat dielakkan, maka *we will suggest for termination* okey. Jadi,...

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Datuk, Datuk Speaker, minta penjelasan. Terima kasihlah jawapan menteri mengenai dengan masalah rakyat di kawasan WP1, tapi bila saya melihat, saya tidak menyalahkan siapa cuma pemantaun barangkali, soal tanggungjawab komitmen. Banyak simpang-simpang ini yang sepatutnya saya tidak tahu tugas siapa, sama ada Kerajaan ataupun kontraktor. Tapi bila kita tanya JKR, maksud saya ialah simpang-simpang ke kampung di bawah sepanjang jalan lebur raya Pan Borneo itu tidak diurus dengan baik. Bila kita tanya JKR, ini tanggungjawab kontraktor, bila kita jumpa kontraktor, dia kata ini JKR. Jadi akhirnya ADUN yang baiki kerana rakyat tidak boleh tunggu kerana bila jambatan itu rosak, bila simpang itu rosak, batu berlobang, jadi kita rakyat tidak boleh tunggu siapa yang, jadi saya minta, saya terima kasih supaya ini diberi keutamaan juga Yang Berhormat dari segi *design* dan juga kerja *professional*. Saya tidak tahu sama ada ini sudah masuk dalam *design*. Saya melihat sepanjang jalan daripada Benoni hingga ke Sindumin, jalan itu tidak ada *shoulder*. Jalan terus pagar. Tidak ada ruang untuk *aaa*, saya balik boleh kata seminggu sekali balik, banyak kawasan yang *no shoulder*. Maknanya pagar terus jalan dan memang tidak ada ruang sama ada ini sudah *approve* ataupun sengaja dibuat sebegitu sementara ya dan lagi satu siapa yang bertanggungjawab untuk memindah tiang eletrik dan juga paip air ini. Apakah dibagi kepada subkontraktor ataupun *main* kontraktor itu? Kalau dilihat jalan lebur raya di kawasan WP1, WP2, masih ada tiang elektrik tengah jalan, masih ada paip

yang terbentang dan ini menimbulkan kerosakan, menyusahkan. Jadi *aaa*, bagaimana, apakah proses ini? Bilakah ini akan berakhir? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Okey, terima kasih kepada ADUN Sindumin. Saya mengambil maklum tentang cadang *aaa*, aduan ataupun keluhan berkenaan dengan simpang yang tidak diurus dengan baik, saya akan dapatkan maklum balas terhadap perkara ini dan berkaitan dengan tiada *shoulder* dan sebagainya juga akan dikaji semula tapi, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini...

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Menteri, Menteri *give me a chance connected...*

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

*Let me finish this first. Then you can sambung. Aaa*, untuk makluman dalam penyediaan reka bentuk Pan Borneo ini, *roof safety audit in stages* telah dilaksanakan. Jadi sepatutnya, sepatutnya, sekiranya ini semua *dicomply, this should not happen. But anyway, I will take note and I will give a feedback.*

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Okey, terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih, Datuk Menteri. Berkaitan dengan apa yang diusul oleh Sindumin, bolehkah Menteri *confirm* pada saya kenapa, *aaa* adakah *street light, road street light* juga dipasang dalam semua Pan Borneo, jalan Pan Borneo ini dan kenapa tidak kalau tiada. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Jawapannya tidak, jawapannya tidak dan kenapa tidak, memang dalam *contract* asal tidak ada kecuali di *major enter section and major junction.*

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *But the*, bukankah wajar, ataupun *they should think about putting it.*

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

*The cost.*

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *Ya, but still dangerous for people, kan? Automatically road safety akan you know will be compromised.*

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, perkara ini nanti kita akan ambil maklum dan bangkitkan kepada Kerajaan Persekutuan. Kemudahan *utilities* ada di dalam *contract* kontraktor. Ini juga merupakan satu cabaran dalam pelaksanaan ataupun *progress* pembinaan projek lebuh raya Pan Borneo, di mana *coordination* yang efisien diperlukan di antara pihak kontraktor dan juga pihak *utilities*. Ini adalah antara punca kenapa terjadi *delay in some of the progress work* dalam *packages*. Namun demikian, pihak JKR dan juga projek *management consultant* sedang berusaha untuk *iron out* untuk perkara-perkara berkaitan dengan pemindahan *utilities*. Usukan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Tun Said [Usukan]:** Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini yang Menteri JKR Persekutuan telah mengumumkan bahawa beberapa *package* akan dilaksanakan...

**24/04/2024 - RAKAMAN 16 [12:30 TENGAH HARI - 12:40 TENGAH HARI] - [ADRIAN] - MOHELENA – NUR FATIN**

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Tun Said [Usukan]:** Saya ingin tahu apakah ia termasuk pakej daripada Serusup ke Kota Belud tu? Sebab daripada Kota Belud sekarang ke Rampayan sudah okey, tetapi pakej itu belum lagi satu.

Kedua, saya juga ingin tahu nanti kalau semua siap projek Pan-Borneo ini, siapa yang kendalikan *maintenancenya*? Apakah syarikat swasta ataupun Kerajaan sendiri?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan ADUN Usukan, untuk status terkini pakej-pakej Pan-Borneo yang melibatkan kawasan apa yang dipanggil sebagai *north-west*, jajaran *north-west* yang bermula daripada Serusup dan berakhir di Simpang Mengayau. Baru-baru ini, pada bulan Mac, surat setuju terima pelantikan kontraktor yang berjaya telah diberi kepada tiga pakej iaitu Pakej 12, Pakej 13 dan Pakej 14, iaitu di kawasan atas Rampayan sehinggalah ke Simpang Mengayau.

Manakala Pakej 9 yang bermula daripada Serusup ke apa nama tu, sebelum Kota Beludlah, itu sedang dalam proses pemerolehan. Jadi, dan satu lagi Pakej 11 juga dalam proses pemerolehan. Sama dia ada beberapa peringkat proses pemerolehanlah. Jadi, komitmen yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan adalah untuk *target* surat setuju terima untuk kesemua baki 16 lagi Pakej Pan-Borneo Fasa 1 sebelum akhir Jun tahun ini.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk Menteri, Datuk Menteri, *water ponding*, saya tidak fasih dalam jalan raya tapi kita tahu ada *water retention*, *water ponding* bila hujan *which causes accident*. Selain daripada tiada *street light*, malam kalau *drive* hujan, *their will very dangerous isn't it? Water ponding*. So, adakah cara untuk mengurangkan ataupun *to ensure that there is no water ponding retention* di *road* baru ini?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Dalam reka bentuk sepatutnya tidak ada *water ponding* but ah, kita dalam realiti, dalam pembinaan jalan-jalan raya *aspal* adalah *flexible pavement*. *Sometimes, the settlement minus, localise settlement may happen*. So, what they need to do is actually immediately need to rectify that one. Sekejap ya, Senallang. Saya jawab dulu pada Usukan tentang apa tadi soalan terakhir pasal *maintenance of the road*. Ya, apabila siap saja pelaksanaan pakej Pan-Borneo ini, Kerajaan akan melantik syarikat untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan tersebut. Cuma *method* dia macam mana akan dibincangkan di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Perbahasan juga saya bangkitkan tadi dah pun dijawab, sekiranya kontraktor itu *track record* mereka dalam laporan audit pun dah sebut ya, dalam buku ni pun, *very thick, fail financially* tapi dari segi pelaksanaan, saya berharap dalam pakej yang baru juga seperti yang saya bahaskan. Saya harap Kerajaan Sabah jangan berganjak, *no compromise. Don't repeat the same kind of mistake. Learn from the history* yang ada. Kadang-kadang kita buat kerja ni tak *learn from the history*. Pembinaan lebuhraya yang ada di Sabah ini, RR pun tidak ada, *street light* dia punya lampu pun tidak ada. *Is not comprehensif*. Itu yang saya sebut. *Comprehensive development of Sabah. It must in plan* perlu merangkumi keseluruhannya. Bukan hanya

*shouldnya*, dari segi RR nya perlu ada kerana kita tidak mahu Pan-Borneo *is a highway*. Orang tidak boleh lalu lagi keluar daripada itu. Ke mana tandas dia? Ke mana tempat rehat dia? Kadang-kadang kita tak berfikir tentang keperluan pengguna-pengguna yang ada. Saya ingat Yang Berhormat perlu dari segi perkara ini juga diambil perhitungan oleh Kerajaan Pusat dalam bukan hanya melantik kontraktor *no fail*. Saya akan pantau. Saya dah maklumkan di Parlimen, depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *I will check* kalau sekiranya *the same contractor you point, I'll question it*. Ini yang penting kepada kita. Jangan berulang. Saya berharap pakej-pakej yang ada ni bukan setakat apa yang disebutkan di sini. *It must be comprehensive* sediakan. Jangan tidak sediakan. *It is their responsibility to provide all* bukan hanya *street light*, bukan hanya R&R kerana di Semenanjung semuanya R&R pun ada. Terima kasih banyak.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Ya, ADUN Senallang saya mengambil maklum dan ingin memaklumkan bahawa untuk lantikan pakej-pakej yang akan dianugerahkan sebentar lagi adalah telah melalui prakelayakan yang telah ditetapkan syarat-syaratnya. Dan berkenaan dengan R&R tadi, ingin saya terangkan juga tentang ciri-ciri Lebuhraya Pan-Borneo Sabah. Ianya tidak, ianya adalah satu jalan persekutuan yang tidak ada tol. Jadi, apabila ianya satu lebuhraya yang tidak ada tol, dia keluar masuk dalam perjalanan jalan tersebut adalah dianggap agak terbuka berbanding dengan *toll road* kalau kita ke Semenanjung, lebuhraya *toll road* dia masuk ke satu tempat keluar satu tempat. Jadi, kalau selepas satu jarak, 150KM atau 300KM ia memerlukan R&R tetapi dalam Lebuhraya Pan-Borneo Sabah, daripada Sindumin ke Kota Kinabalu jaraknya 200 lebih kilometer sahaja. *Doesn't* waran *and* R&R secara fizikal kerana pemandu, pengguna jalan raya boleh singgah di mana-mana pekan antara satu *point* ke satu *point* daripada Sindumin ke Kota Kinabalu.

Namun demikian, kita ada menerima ah, cadangan tentang keperluan R&R dan ini kita akan bincang dengan Kementerian Kerja Raya untuk memastikan apabila R&R itu dibuat, R&R itu juga akan dapat beroperasi bukan sebagai satu apa ni, projek gajah putih di tepi jalan yang tidak digunakan ya.

Datuk Speaker, ini macam penggulungan Pan-Borneo pula. Saya teruskan...

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Datuk Speaker, boleh tak minta laluan? Saya takut dekat nak habis ini. Pasa Semporna ini, ramai pelancong datang dan jauh ini. Terlalu sesak, bukan di jalan raya bahkan di laut pun sekarang ini penuh sesak. Cuma di Semporna ini, sekarang ada jalan maut daripada batu 25 sampai batu 35 itu, dekat Nagus, dekat Nagus. Saya tengok berlaku tahun baru-baru ini pun yang berlaku pelancong daripada Singapura dan sebelum itu daripada China itu dan kalau dapat ini tolong tengoklah segera yang mungkin. Sekarang Semporna sesak ni. Cuma saya nak tempat itu di *upgradelah*. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Saya mengambil perhatian terhadap perkara tersebut dan akan berbincang dengan Jabatan Kerja Raya Sabah.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Menteri, satu soalan lagi berkenaan Pan-Borneo. Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Datuk Menteri.

Saya ingin bertanya kepada Datuk Menteri sama ada pihak Kementerian Kerja Raya terlibat secara langsung dalam pembinaan Station Charging EV di merata-rata tempat di Pan-Borneo ni sebab kita akan mempunyai *gas station* ataupun *petrol station* tapi sekiranya pihak Kementerian tidak terlibat secara langsung adakah pihak Kementerian bersedia untuk *engaged* dengan syarikat swasta supaya Station Charging EV ini terletak di tempat-tempat yang diperlukan ataupun di tempat yang strategik supaya industri ini boleh *sustainable*lah. Kalau tidak ada kereta EV, saya ingat mungkin banyak sudah ada kereta EV tapi di Lebuhraya Pan-Borneo ini kalau tidak ada, susah itu. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Kita selesaikan dulu masalah elektrik baru kita pasang, baru dia bikin EV punya stesen.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** (Tergelak) Terima kasih, Datuk Speaker. Ya, kita menyambut baik cadangan tersebut. Namun demikian dan kita mengalu-alukan cadangan tersebut tapi kita kena lihat dari segi *feasibility* dan *practicality*. Saya, pada bulan November tahun lepas



sempat buat lawatan kerja ke Shanghai dalam lebuhraya yang kita singgahi di R&Rnya memang semua ada EV Charging Station.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk, sebentar tadi Datuk Menteri sebut R&R itu mungkin tidak diperlukan di Sabah. Jadi, kalau di Semenanjung, banyak *petrol station* di sebelahnya ialah Station Charging EV. Jadi kalau boleh, letak dalam rancanganlah supaya ada tempat yang sudah *earmark* kalau bukan banyak...

**24/04/2024 - RAKAMAN 17 [12:40 TENGAH HARI - 12:50 TENGAH HARI] - [ARINA] - NADIA – NORMA**

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** ...tanah itu tanah swasta. Kalau bukan mungkin mereka digunakan untuk pembinaan komersialkah. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Kita alu-alukan sebarang cadangan yang membawa kebaikan kepada rakyat dan pengguna. Saya sambung ahli Yang Berhormat Sekong bertanya tentang senarai projek di DUN Sekong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tujuh projek di dalam kawasan DUN Sekong yang telah disenaraikan di dalam Program Menaik Taraf Jalan Raya SRT 2, SRT 3 Jabatan Kerja Raya dan Non Qualified Road PBT di Sabah untuk tempoh sepuluh tahun. Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Darau, terdapat sebanyak lapan buah jambatan di sepanjang jalan Tuaran Bypass. Kesemua jambatan tersebut adalah merupakan jambatan kekal, iaitu *steel girder concrete deck*. Bagi jambatan berkenaan, tiada aduan yang diterima berkaitan kes kecurian *bolt and nut* sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh ADUN Darau dalam perbincangan. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh maklumkan kepada pihak JKR di mana secara *specific* jambatan yang telah dicuri *bolt and nut*, jambatan tersebut. Mungkin di jambatan di bawah kawalan PBT. Mungkin. Berkaitan dengan permohonan untuk menaik taraf jambatan kayu di kampung Kalansanan, kampung Muhibbah dan kampung Cenderamata, ia bukan merupakan aset di bawah Kementerian ini. Walau bagaimanapun, pihak JKR bersedia memberi bantuan dari segi khidmat teknikal dan pelaksanaan projek tersebut sekiranya diperlukan.

Ahli Yang Berhormat Liawan memohon agar jalan-jalan di kawasan DUN Liawan dinaik taraf. Untuk makluman Yang Berhormat Liawan, beberapa jalan yang disebutkan memang telah dikenal pasti oleh pihak JKR Sabah dan disenaraikan dalam pangkalan data JKR untuk dicadangkan dalam senarai permohonan *Rolling Plan* yang akan datang dan akan diberi keutamaan.

Berhubung dengan isu kerosakan jalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Karamunting bagi Jalan Sapi-Nangoh ke Kinabatangan, Sukau, ia berpunca daripada keadaan geologi tanah dan diburukkan lagi dengan isu lebih had muatan oleh kenderaan berat yang melalui jalan tersebut. Struktur jalan raya sedia ada di laluan berkenaan sudah melangkaui jangka hayat dan kaedah penyelenggaraan biasa kurang berkesan, selain peruntukan yang ada adalah terhad.

Untuk makluman, pihak JKR sebelum ini telah mengambil inisiatif untuk mengadakan kempen keselamatan jalan raya dan membangkitkan isu lebih had muatan kepada pihak polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Manakala penguatkuasaan kenderaan lebih had muatan adalah di luar bidang tugas pihak JKR. Namun demikian, Kementerian akan berhubung dengan Kementerian berkaitan bagi tujuan yang telah dicadangkan.

**Puan Rina binti Jainal [Kukusan]:** Yang Berhormat Datuk Menteri, boleh saya mencelah sedikit? Mengenai jalan tadi, adakah saya ingin bertanya juga ya jika ada di Jalan Kalabakan maksud saya ya. Maksud saya walaupun Jalan Kalabakan ni bukan di kawasan saya tapi inilah jalan yang kita gunakan bagi kita yang mahu naik ke Kota Kinabalu. Jadi macam Jalan Kalabakan ini juga masalah yang kita lihat adalah banyak lori-lori balak yang melalui jalan tersebut dan ini hampir sebenarnya yang menjadi punca kerosakkan Jalan Kalabakan. Jadi adakah ini juga berkait daripada Jalan Karamunting tadi, adakah berkait juga dengan Jalan Kalabakan yang lebih muatan? Adakah juga laporan-laporan telah dilaksanakan dan bolehkah ini di apa nama dicuba diatasi sebab apa yang saya lihat kekerapan lori-lori balak ini terlalu kerap melalui Jalan Kalabakan dan ini memang sebenarnya mempengaruhi merosakkan struktur jalan dan sebagainya. Kadang-kadang di hari Ahad cuti umum pun lori-lori balak ini terlalu aktif bergerak. Jadi mohon perhatian.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Ya. Kita mengambil maklum tentang perkara tersebut dan memang itu adalah antara cabaran yang dihadapi dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan. Namun dalam sebagaimana yang saya katakan tadi tentang kawalan had lebih muatan kepada pengguna jalan raya ini adalah di luar bidang kuasa JKR dan JKR akan bekerjasama dengan Kementerian atau Jabatan yang berkaitan.

Berkaitan dengan cadangan atau permohonan Yang Berhormat Telupid agar *bajet* daripada JKR melalui pelaksanaan Pan Borneo untuk membina suatu transit pusat sehenti di Telupid, peruntukan berkenaan adalah tidak tersedia. Peruntukan yang diluluskan adalah terhad kepada naik taraf Jalan Persekutuan sedia ada sahaja. Walau bagaimanapun, JKR akan memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Pusat.

**Datuk Jafry bin Ariffin [Sukau]:** Datuk mohon mencelah. Saya mohon kalau boleh saya mahu tanya sama ada Kementerian berhasrat untuk memperbaiki jalan daripada Kampung Jaya Baru ke Simpang Sukau yang mungkin Yang Berhormat Menteri pun sudah lalui. Saya tengok Menteri pun merasa tu jalan miring sikit. Jadi kalau boleh sama ada Kementerian berhasrat untuk memperbaiki jalan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Hasrat tu sentiasa ada tapi peruntutannya.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Ya untuk..

**Datuk Jafry bin Ariffin [Sukau]:** Peruntukan boleh diminta. Dusahakan kalau mahu.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Untuk *stretch* daripada Kampung Jaya Baru kepada simpang Sukau, itu kerosakannya adalah disebabkan oleh satu jalan sudah melebihi had reka bentuk, kedua *impeachment failure* sudah terjadi. Jadi kalau sekadar tampal-tampal saja, ianya adalah bersifat sementara. Namun demikian hasil daripada lawatan saya dan perjumpaan kita dengan Menteri Kerja Raya Malaysia, Kementerian Kerja Raya

Malaysia telah meluluskan arahan kerja untuk memperbaiki *stretch* tersebut bagi tempoh sederhana kerana sebenarnya jalan tersebut juga terlibat dalam pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo. Namun kita berpendapat bahawa walaupun *target* ataupun unjuran Kementerian Kerja Raya Malaysia pelaksanaan Pan Borneo bagi kawasan tersebut dijangka bermula bulan Jun dan siapnya tiga atau empat tahun, pengguna jalan raya tidak boleh menunggu tiga atau empat tahun dari sekarang. Jadi sementara pembinaan jalan Pan Borneo nanti dilaksanakan tetapi jalan yang sedia ada juga telah diluluskan untuk kerja pembaikan menggunakan teknologi yang telah diterima.

Namun demikian, satu cabaran kita ini adalah had lebih muatan oleh sama ada kalau di *area* Kinabatangan daripada sawitlah. Jadi kita minta kerjasama dari pihak-pihak yang berwajib untuk cuba juga mengawal had lebih muatan ini merosakkan jalan yang ada. Kementerian menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat Bugaya tentang isu keselamatan jalan raya. Kementerian melalui Jabatan Kerja Raya sememangnya mempunyai program keselamatan jalan raya yang telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia yang ke-12. Di dalam Program Keselamatan Jalan Raya ini mempunyai skim kecil dengan pelaksanaan secara berperingkat untuk merawat lokasi kerap berlaku kemalangan termasuklah di kawasan seperti sekolah SMK Bugaya dan SK Simunul.

Dalam pada itu, Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan penambahbaikan skim keselamatan jalan raya yang merangkumi kemudahan pejalan kaki untuk meningkatkan keselamatan pejalan kaki berdasarkan kepada tahap konflik antara pejalan kaki, kenderaan serta ruang untuk melintas dengan selamat serta menyediakan kemudahan tepi jalan yang menarik untuk menggalakkan *mode alternative* pengangkutan seperti laluan berbasikal yang selamat.

**Tuan Haji Jamil bin Haji Hamzah [Bugaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya ada juga saya tekankan berkaitan dengan lampu jalan yang ada di Jalan Bugaya dan juga Jalan Kemiri. Kalau kita perhatikan sudah hampir 60 tahun sudah kita merdeka, jalan-jalan tersebut belum ada dia punya lampu jalan. Jadi kalau malam memang begitu gelap. Terutamanya keadaan yang teruk sekarang ni Jalan Bugaya yang mana laluan lori yang mengangkat batu kuari dan menjadi

lalu utama lori. Kalau kita perhatikan di kawasan tersebut hampir setiap setengah jam, kalau waktu paginya lori yang membawa batu-batu, batu kuari lalu di sana. Jadi jalan tu memang berlubang. Kalau malam lagi dia gelap memandangkan tidak ada lampu jalan. Jadi kalau kereta yang baru lalu di...

**24/04/2024 - RAKAMAN 18 [12:50 TENGAH HARI – 01:00 TENGAH HARI] – [NELLY] - TERESA – AZRIN**

**Tuan Haji Jamil bin Haji Hamzah [Bugaya]:** ...mana yang tidak tahu keadaan jalan tersebut, memang membahayakan. Terima kasih, mohon jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan masalah.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Saya mengambil perhatian tentang aduan lampu jalan dan akan berbincang dengan jurutera daerah Semporna, agak memeranjatkan juga kerana 60 tahun tiada lampu jalan.

Tuan Speaker, saya beralih kepada isu air, Kementerian menyedari akan pentingnya air sebagai asas dalam kehidupan kita. Menyedari akan hakikat ini, Kementerian akan berusaha sehabis daya untuk menangani isu-isu berkaitan keperluan air di negeri ini melalui plan jangka pendek dan jangka panjang serta tindakan-tindakan kecemasan yang perlu dilaksanakan. Secara khusus ahli Yang Berhormat Sukau telah membangkitkan isu SOP aduan yang dibuat pengguna air dari segi proses apabila Jabatan Air Negeri Sabah menerima aduan melalui *Careline Incident Report, Superintendent Officer Representative* atau SOR, akan mengeluarkan arahan kepada pihak kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan, kerja-kerja pembaikan tersebut termasuklah *mobilization and demobilization of equipment, site clearing, detecting, leak and traffic control*. Tindakan hendaklah dilaksanakan dalam masa dua jam selepas arahan diterima oleh SOR.

Kerja-kerja pembaikan kerosakkan pelbagai saiz paip air tertakluk kepada keadaan cuaca selepas menerima maklumat aduan ataupun pelaporan yang lengkap dan teratur di mana tempoh pelaksanaan adalah seperti berikut:

- a) Pembaikan paip berdiameter 600 milimeter ke bawah dalam tempoh satu hari;
- b) Pembaikan paip melebihi 600 meter milimeter diameter selama dua hari.

Ingin juga saya mengambil kesempatan dalam penggulungan ini untuk menyatakan nombor *Careline* Jabatan Air kerana saya sering menerima aduan tentang jawapan panggilan-panggilan yang tidak berjawab, rupanya antara sebab-sebab kenapa panggilan tidak berjawab kerana nombor yang mereka gunakan adalah nombor yang *not in service anymore*, jadi dalam kesempatan ini saya ingin memaklumkan dewan yang mulia ini, dan mungkin nanti boleh ambil oleh pihak media, *Careline* Rasmi, Jabatan Air Negeri Sabah adalah 088-326-888 ya, 088-326-888.

Berhubung dengan persoalan yang diutarakan oleh YB Senallang berkaitan dengan status empangan...

**Datuk Jafry bin Ariffin [Sukau]:** Datuk speaker, mohon mencelah.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya.

**Datuk Jafry bin Ariffin [Sukau]:** Pasal dari laporan tadi , sama ada Menteri ataupun Kementerian, SOP memang ada kalau berdasarkan penjelasan daripada Menteri sebentar tadi, satu jam selepas *anu* ambil tindakan, tapi dalam kes yang telah saya ungkit pada perbahasan saya. Pengadu, membuat aduan sebelum hari raya, hari ini hari raya ke-14, sudah ke-14kah masih belum diambil tindakan. Jadi saya sama ada Menteri maklum kakitangan yang di bawah mengikut SOP itu ataupun macam mana, minta penjelasan.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, terima kasih kerana menyentuh perkara ini dan saya sudah jangkakan memang ini terjadi kerana ini antara cabaran yang saya hadapi selaku Menteri di Kementerian ini, berhadapan dengan segelintir penjawat awam sama ada di jabatan-jabatan yang berada di bawah Kementerian ini yang kurang menunjukkan prestasi kerja cemerlang, jadi ini saya sudah maklumkan kepada semua pengarah di bawah

Kementerian ini untuk memastikan bahawa kualiti kerja perkhidmatan penjawat awam ini perlu ditingkatkan dipastikan lebih efektif dan efisien.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk Menteri, *just* mencelah sekejap terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih, Datuk Menteri. Beberapa sidang lalu pun *I think* Menteri sudah jawab , *but I'm wondering and if you can ask your officers* kenapakah *water pressure* atau *there's low water pressure in my constituency* and juga macam ada catuan *some rationing of water* setiap jam 7.00 malam hingga ke 5.00 ataupun 6.00 pagi. *In some areas not all but some areas. So, I think everywhere*lah *but im wondering why can't this be solved? I think our last seating was a few months ago but* hari ni pun still same problem *in fact in this morning* pun sama juga masalah di kampung saya, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, berkenaan dengan catuan bekalan air dan juga keadaan ataupun situasi tekanan air rendah memang terjadi, kita tidak nafikan kerana satu permintaan air dengan produksi air yang ada sekarang adalah dalam keadaan satu margin yang agak tipis, dan diburukkan lagi pula oleh kadar tidak berhasil air, *non-revenue water* yang agak tinggi yang berpunca daripada antaranya paip-paip lama, kebocoran dan yang lebih mencabar adalah kecurian sambungan haram paip-paip air oleh setinggalan-setinggalan tempatan yang begitu *rampant* di kawasan Sepanggar, dalam usaha kita untuk menstabilkan bekalan air, kita pada langkah pertama yang telah kita lakukan adalah jurutera air daerah Kota Kinabalu, Tuaran dan Papar cuba melakukan apa yang kita katakan *balancing of the pressure* dari satu tempat ke satu tempat dan itu langkah pertama. Langkah kedua adalah untuk kita memutuskan kecurian-kecurian air yang dilakukan ini walaupun ianya merupakan satu usaha yang bukan satu kali buat selesai masalah ianya terpaksa dilakukan secara berterusan dan berkala, namun kita telah bersetuju untuk melaksanakan *vendor scheme* satu *pilot project* yang saya telah nyatakan dalam persidangan yang lalu, satu *pilot project* yang mana kita meletakkan *static tank* dan melantik vendor untuk kawasan-kawasan kampung setinggalan mendapat air bagi mengurangkan kejadian mencuri air ataupun sambungan haram.

Jadi adanya *vendor scheme* tersebut, pembaziran air hasil daripada sambungan haram itu dapat kita minimakan jadi air yang ada dalam sistem masih boleh balik kita

perolehi. Langkah ketiga pula nanti adalah untuk kawasan di sekitar Kota Kinabalu, Putatan ini adalah untuk kita menaikkan balik level tangki-tangki simpanan atau pun *reservoir* yang ada di sekitar KK yang pada waktu ini, berkeadaan air masuk dan air keluar. Air masuk air keluar, dia tidak ada satu *level healthy* yang mana air masuk dan keluar ada *margin*.

Ini yang kita akan cuba lakukan, dengan siapnya Telibung 2 Fasa 2 loji rawatan air berkapasiti 80 juta liter sehari sepatutnya masalah ini sudah dapat kita legakan. Namun demikian, kita masih menghadapi cabaran apabila paip utama daripada loji baru tersebut belum sempat belum siap lagi dilaksanakan dan kita menganggarkan akan dapat kita siapkan sebelum hujung tahun ini. Jadi itu apabila disiapkan akan dapat hasil daripada tambahan 80 juta liter sehari daripada kapasiti juga 80 juta liter sehari di Telibung 1 Fasa 1.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Terima kasih. *Good answer* tetapi *are you able to assure* bahawa penyelenggaraan ataupun pembaikan paip penggantian paip-paip lama ini akan dibuat secepat mungkin, *because* ramai orang walaupun kami pihak Pembangkang tiada peruntukan, orang minta saya beli mereka tangki, *so is there anywhere you can solve this to help the people you know so that diorang punya mind would be clear and then they can focus on being more productive rather than worry* pasal keadaan semasa mereka di rumah kerana tidak dapat mandi, tidak dapat buat ini dan itu *because there is no water*. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Kita berusaha keras untuk melakukan ataupun memulihkan keadaan tekanan bekalan air di sebelah...

### **RAKAMAN 19 [1:00 TENGAH HARI – 1:10 TENGAH HARI] - [HASTRINA] - THEODORA – NUR FATIN**

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Tuan, Kota Kinabalu dan juga Putatan. *I hope by the completion of the main pipeline along the Package 8 of Pan-Borneo, that's mean from Telipok to Telibong, then we would have the impact of 80 MLD. By then, once we have enough water for the KK north then the KK area and Putatan area, would be relief...*



**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk Menteri. *In connection... I understand...* (suara bertindih)

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** *At the same time... at the same time... with the three hundred million loan...* (suara bertindih)

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *Loan* (suara bertindih) (ketawa)

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** *Yet to activated and then we can improve on the replacement soft pump replacement of some old pipe and hopefully...*

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *But, Datuk Menteri, is that need to concern that's old pipekan, the longer we wait, I don't know this but I can just assumelah bahawa the health quality of that water maybe compromised.*

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** *It should not be by right. Ya, It's should not be by right but sometimes during the... they is any broken pipe or any lickejurse, if the compresstion just come in but by right should be flush out before sent out to the consumers. But then again this all... the human factors that we need to improvise from time to time.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Yang Berhormat Menteri, Datuk Speaker. Saya juga terlibat membahaskan tentang ketirisan ini dalam persoalan bukan hanya elektrik bukan juga bekalan air, dan ini yang saya sudah pun nyatakan dengan Yang Berhormat, paip-paip yang sedia ada yang sudah lama. Mungkin itu dah hampir lebih daripada 50 tahun dan kalau kita berdasarkan ketirisan pencurian itu, jauh besar lagi ketirisan paip yang bocor.

Saya maklumkan dengan Yang Berhormat tentang contoh bila saya lalu ke Lahad Datu, ke Tawau. Kadang-kadang itu, tanah itu mendap. Pasal apa dia mendap, pasal paipnya bocor. Di Sarawak, hari ini mereka berbelanja merancang untuk menukar paip-paip yang lama. Dan ini saya pun telah sebutkan dalam Yang Berhormat Mohd Noor. Mantan Perdana Menteri tanya saya, *how much it cost?*

*Overall, electric, water, road, 90 billion.* Tukar paip-paip, saya ingat saya cadangkanlah, jangka pendek *just to shoulted it.*

Kalau boleh Yang Berhormat, saya cadangkan supaya *road map where forward* untuk air ini. Bukan setakat dari segi *source*, nanti mungkin Yang Berhormat akan jawab soalan saya yang tentang dam itu. Tapi saya harap bukan hanya dam bekalannya tetapi *distribution is very important, you have the supply but distribution* tidak dapat disusun dengan baik itu lebih *digijust, waste stage*. Saya ingat kena dikira berapa jumlah Yang Berhormat tentang panjangnya paip. Sama ada di Kota Kinabalu, sama ada di Sandakan, *town-town* yang ada.

Pada hari ini perlu kita sediakan sebaik mungkin termasuk elektrik. Kadang-kadang saya nampak, saya daripada Tuaran, daripada Kota Belud tiang elektrik masih *it should be on the ground already*. Patut tanam di bawah tanah, tapi kita tadi pun Yang Berhormat sebut oh... *it this not apart in parcel of what we have done*. Nanti *besok*, nanti Pan-Borneo siap, kita korek lagi, tergendala lagi, *traffic jammed* lagi, susah lagi. *My idea is very comprehensive*. Itu yang saya sebut berulang kali. Dalam perbahasan ataupun soalan saya *comprehensive approach*. (suara bertindih)

**Tuan Speaker:** Apa, apa isu yang sebenarnya ini, Yang Berhormat?

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Isunya yang paip tadi. Macam juga disebut oleh Moyog dan saya pun sudah maklumkan dalam perbahasan bagaimana supaya ketirisan ini bukan hanya pencuriannya, saya harap walaupun tidak ada tindakan yang sekarang dalam akan datanglah. Minta Yang Berhormat untuk atasi masalah ini.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Untuk makluman ADUN Senallang dan juga Dewan yang mulia ini, untuk paip lama, AC paip di Negeri Sabah kita masih ada lebih kurang, lebih 1000 kilometer lagi dan ADUN Lamag juga pernah menjadi Menteri Kerja Raya Sabah juga mengetahui cabaran untuk kita, sekiranya ingin menukar paip lama ini sekali gus. Namun demikian, program penggantian paip-paip lama ini sedang berjalan daripada tahun ke tahun dan arr...

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Boleh. Masalah air ini memang perlu ditangani dengan sebijaksana mungkin. Sebab paip air dia memang ada yang dari musim British dan selama ini negeri Sabah hanya bergantung dengan, apa ini air. Air sungai, kita tidak ada empangan. Satu-satunya negeri yang tidak ada empangan air. Yang air bertakung berjuta-juta liter dan sekiranya berlaku kemarau apakah, maka kita masih boleh membekalkan air.

Apabila bergantung dengan air sungai. Sungai kering, airpun tidak ada. Kalau diganti pun kita punya apa ini, loji-loji air tapi paip air juga tidak diganti, sama saja. Air tidak juga boleh dibekal. Sebab itu saya kata, Kementerian perlu mencari satu perancangan yang paling drastik dengan apa cara sekalipun air ini perlu ditangani. Sama ada berbincang dengan Kerajaan Pusat dan sebagainya tapi Kerajaan Pusat ini apabila kita tidak migrasi antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berhubung dengan pengendalian air maka dia akan membantu secara yang dia mampu, yang dia boleh bantu. Tetapi kalau negeri Sabah bermigrasi dengan *agreement* dengan Kerajaan Persekutuan, macam di Kelantan dia bagi. Dia bagi sudah 7 billion untuk membangun air. Jadi, apakah mekanisma lagi Yang Berhormat rasa boleh kita selesaikan masalah air di Sabah ini?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya. Saya melihat Jabatan Air dan Kementerian Kerja Raya sebenarnya mempunyai pelan jangka panjang untuk mengatasi masalah bekalan air di negeri Sabah. Cuma, mungkin cabarannya adalah dari sudut pelaksanaannya.

Maka dengan itu, saya dengan Kementerian sedang menyediakan kertas kabinet tentang hala tuju air Sabah yang meliputi *production* air, *distribution* air sehinggalah ke *billing*. *Is a total solution* kerana kalau *managing the water resources* kita perlu tengok pengaruh ataupun kesan daripada *climate change* dan juga kesan daripada aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pembukaan ladang sawit yang mungkin mengganggu ekosistem, kriteria tadahan di sesuatu kawasan. Malah ada beberapa loji kita *intake* kita yang lama sudah mengalami kekeringan air disebabkan oleh kesan daripada aktiviti ekonomi dan juga *climate change distribution*, sebagai mana saya katakan tadi. Antara cabarannya adalah NRW dan di Sabah ini adalah mendapat tambahan daripada kejadian kecurian air yang agak *rampant* ya. Dan, *of course* dari segi *billing* juga kita perlukan satu mekanisma yang cekap kerana ada banyak akaun-akaun

yang tertunggak yang tidak berbayar dan ini merugikan Jabatan Air dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** YB Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Mendengar tadi, saya tahu Yang Berhormat sediakan, baik. Itu satu langkah yang baik. *Comprehensive approach to Cabinet.* Cuma saya sedar dan tahu bahawa Yang Berhormat juga berhadapan dengan masalah kewangan. *That is your main problem, is not so much the plan.* Tapi dari kewangan. Saya ingat RM300 juta itu pun saya sudah apa ini, bangkit di Parlimen, mahu berunding, buat apa mahu runding kasi saja *pigi* Kerajaan Negeri. Sudah bagi tidak boleh pakai. *You cannot use it, so I think...* Saya ingat Kerajaan Negeri harus mengambil langkah yang drastik. Kes begini, *essential items.* Kita dalam belanjawan enam bilion, hasil. Kenapa kita daripada enam bilion tidak boleh pakai satu bilion contohnya. Keutamaan, *essential.* Bukan hanya air, elektrik. Kalau kita bagi keutamaan yang lain-lain itu akan menjadi masalah. Kerana ini dirasa oleh rakyat, bukan hanya di bandar di luar bandar lagi parah.

Jadi saya berharap kalau sekiranya Yang Berhormat nanti bincang di Kabinet kalau tidak ada jalan, nanti saya maklumkan ada jalan dia. *How do you can raise fund, you can be raise.* Saya bayar hutang Kerajaan dahulu RM1 bilion pun *I can raise fund.* Terima kasih banyak.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** YB Menteri, mohon.

**Tuan Speaker:** Boleh kasi tahu saya macam mana cari duit tu YB? (Speaker ketawa)

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** YB Menteri, mohon laluan. Terima kasih YB Menteri, terima kasih Tuan Speaker. Kerajaan Negeri sekarang ini dalam usaha menangani masalah air di kawasan utara KK dan juga Putatan dengan 18 projek

pada tahun ini. Dan di Sandakan juga ada krisis air, sebagaimana dalam perbahasan saya. So, apakah pendekatan Kementerian untuk membantu rakyat Sandakan dalam menghadapi krisis air di Sandakan? Terima kasih.

**24/04/2024 - RAKAMAN 20 [1:10 TENGAH HARI – 1:20 TENGAH HARI] - [ROHANI] – SITI JUBAIDAH - NORMA**

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**  
...ya saya baru mahu baca jawapannya. Terima kasih kerana mengingatkan kembali.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjung Aru]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**  
*Let me finish with him first.*

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjung Aru]:** Tentang tadi *tu*. Tadi *tu* yang *water tank low pressure in KK*. Just minta penjelasan sikit *ja*. Bolehkah Datuk Menteri? Terima kasih Datuk Speaker. Datuk Menteri, tadi *you* ada sentuh pasal *the water reserved in KK, now situation* adalah masuk, keluar terus adalah yang dahulunya dia memang ada *low pressure* di KK, saya rasa tadi sentuh KKlahkan. Itu menyebabkan kenapa ada *water rationing in KK*lah. *Because their so enough pressure, so, first of all*, dia punya *pressure* itu *you are trying to fill it back* ma kan. Tadi *you* ada sentuhlah. *So, how much is that water? How come the reserve water? How much it is? How long are we gonna to how long the... it will gonna take for you to refill that reason because that will keep the pressure for KK punya area, maybe in Penampanglah, or in Putatan*. Ini pertamalah, *first*.

Kedua, macam mana itu *water reserve* boleh hilang. Selama ini kalau, *my understandinglah, the water reserve is always there, so that the water goes and supply and the pressure is there. So, all these one is always been water reserve and suddenly*, tadi Menteri ada cakap itu *water reserve* tiada sudah, sekarang *try to fill* inlah. *How will that happen?* Ini nombor dualah.

So, Ketiga *tu* masih ingat...

**Tuan Speaker:** ...mula-mula *you bilang* satu isu, lepas *tu* dua isu, sekarang tiga isu sudah.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjung Aru]:** Datuk Speaker, dulu ada orang *prob* tentang ada orang jual air tu. Saya mintalah kalau ada itu *outcome* sudah. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Okey. Soalan pertama, bila kita sedang berusaha keras, *actually our target is in May but i don't want to be quoted but sometimes when i was have confidence in making statement, suddenly another technical issues come up. Yeah, but we are trying very hard to resolve that problem and than why it happen, no reserve, i believe some negligence was done before hand. Okey, and then on the prob of the siasatan* tentang penjualan air, Jabatan Air ada melakukan siasatan tetapi ada *outcome we will give you in writing*.

Okey, untuk Sekong, mengenai ketiadaan air di pasar umum, masalah ini adalah disebabkan oleh kebocoran paip yang berlaku selepas meter Jabatan Air Negeri Sabah. Dalam kes seumpama ini, pembaikan adalah tanggungjawab pemilik bangunan, iaitu Majlis Perbandaran Sandakan. Kementerian dimaklumkan bahawa MPS sedang membuat kerja-kerja pembaikan paip di dalam premis ini. Manakala isu ketiadaan air di Lapangan Terbang Sandakan pula, menurut Jabatan Air Sandakan, mereka tidak menerima sebarang aduan mengenai perkara ini namun akan mengambil perhatian ke atas isu yang telah dibangkitkan.

Selain daripada projek penambahan kapasiti Loji Rawatan Air Segaliud Sandakan, sebagai langkah alternatif bagi memastikan kemudahan air untuk rakyat daerah Sandakan berterusan, satu lagi projek dalam pelaksanaan, iaitu Projek Menaik taraf Sistem Bekalan Air termasuk Tangki Simpanan Air Utama di Sandakan dan satu lagi dalam proses perolehan, iaitu *to investigate the existing bow hole and design to construct new raw water source for hilltop and Sibuga water treatment plant*. Jadi kita berharap, dengan ada dua inisiatif ini akan dapat menangani masalah bekalan air di Sandakan dalam jangka masa panjang nanti.

Menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Papat dan Sungai Manila berkaitan program menaik taraf paip-paip air yang usang, projek menaik taraf sistem bekalan air termasuk tangki simpanan Sandakan sedang dilaksanakan sejak Julai 2023 untuk tempoh pelaksanaan selama 36 bulan sehinggalah Julai 2026. terdapat skop dalam kontrak projek tersebut, iaitu kerja-kerja penggantian paip usang kepada paip baharu bersaiz 200 milimeter. Skop kerja tersebut akan melibatkan penggantian paip-paip lama di kawasan Batu 10 bagi sepanjang 16 kilometer. Setakat ini pihak kontraktor yang dilantik telah melaksanakan 53% penggantian paip baharu dan apabila siap kelak, kawasan-kawasan yang terjejas sebelum ini akan mendapat bekalan air yang berterusan tanpa gangguan.

Selain itu terdapat juga satu kontrak penyelenggaraan yang dibahagikan kepada kawasan Sandakan, Kinabatangan dan Beluran, iaitu *maintenance repair and routine maintenance of water pipeline at Sandakan, Kinabatangan and Beluran district* dengan kos berjumlah RM38 juta. Kontrak ini berada dalam status pelaksanaan dan telah bermula pada 15 April 2024. Maka dengan adanya kontrak tersebut, sekiranya berlaku kerja-kerja keperluan, kerja-kerja untuk membaiki dan menyelenggara paip di kawasan Sandakan, Kinabatangan dan Beluran, ianya dapat dilaksanakan dengan lebih awal dan lebih cepat berbanding sebelumnya.

Bagi menjawab isu yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat Darau, kawasan Kalansanan dan kawasan Kampung Warisan merupakan antara salah satu kawasan yang menghadapi kadar kehilangan air tidak berhasil yang tinggi akibat penyambungan haram. Mengikut rekod Jabatan Air Negeri Sabah, bilangan akaun berdaftar di kedua-dua kawasan tersebut adalah sebanyak 786 di mana kedua-dua kawasan ini terletak di penghujung sistem saluran bekalan air. Pengeluaran air di kedua-dua kawasan tersebut adalah sebanyak 3.5 juta liter sehari, manakala permintaan air adalah sebanyak 0.5 juta liter sehari. Bagi menangani isu ini, tindakan operasi pemotongan haram dan pengeluaran kompaun telah dibuat ke atas pihak yang melakukan penyambungan haram.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Boleh Yang Berhormat sikit? apakah Yang Berhormat melalui Kementerian, mungkin mencadangkan kepada Kerajaan supaya mungkin dasar Kerajaan Negeri kita diubah, iaitu apabila kita tidak

boleh membekalkan air bersih kepada penduduk-penduduk yang kampung dia tidak di gazet, maka di situlah lubang apa ini pencurian air sedangkan di negara-negara seluruh dunia mereka membekalkan air walaupun ke mana-mana, yang penting pengguna dia membeli air. Jadi kita boleh mengurangkan *non-revenue water* ini secara total. Tidak ada lagi yang menyambung, memotong paip kita, menyambung kita. Ini supaya satu strategi yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa air ini terus dapat dibekalkan selagi ada manusia di situ. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Terima kasih ADUN Lamag. Sebenarnya cadangan tersebut adalah merupakan keputusan yang baharu diluluskan oleh pihak Kabinet Negeri Sabah baru-baru ini yang mana keputusan untuk kita melaksanakan vendor memasang tangki statik dan melantik vendor untuk mengendalikan bekalan air tersebut. Ada empat kawasan yang akan kita mulakan, satu di Kampung Brunei Sepanggar dan tiga lagi di sekitar kawasan Sepanggar dan Kota Kinabalu. Dengan harapan apabila ini berkesan, maka kebocoran air yang tidak berhasil itu akan dapat kita kurangkan. Dan Pengarah Jabatan Air Negeri Sabah juga baru-baru ini telah mengadakan satu lawatan kerja ke Manila melihat kawasan *squatters* bagaimana kawasan *squatters* mendapat bekalan air di Manila tersebut. Jadi kita tengok, kaji buat perbandingan mana yang sesuai dengan keadaan.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Cuma Enakmen kita perlu diubahlah, itu sahaja.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Iya.

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya berkenaan dengan pelantikan vendor-vendor pembekal air ini. Apakah nanti apabila program, projek ini dilaksanakan, ianya tidak akan menyebabkan kenaikan harga tarif air di tempat-tempat berkenaan?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Iya, untuk skim vendor, mereka mempunyai tarif air yang berlainan daripada tarif air



*registered consumers*. Namun demikian, kita sudah membincangkan tarif air yang dikenakan adalah satu tarif yang boleh mampu kerana jika tarif tersebut terlalu tinggi bezanya maka ketidakmampuan mungkin wujud dan kembali kepada kegiatan yang cenderung untuk mendapatkan bekalan air secara haram. Iya, kita cuba daripada empat *pilot project* ini sejauh mana keberkesannya untuk mengatasi masalah ataupun dapat mengurangkan kerja-kerja NRW daripada penyambungan haram.

**24/04/2024 - RAKAMAN 21 [1:20 TENGAH HARI - 1:30 TENGAH HARI] – [NUR NATASHA] – DARRYL JUDE – AZRIN**

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** ...ram yang sebegitu *rampant* sekarang.

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak pasti sama ada program *vendor* ini adalah langkah terbaru sebab sebelum ini, saya rasa dulu pernah di sebelah Sepanggar di Kampung Numbak ada projek sebegini, dan saya dapati tarif air pada masa itu memang agak tinggi dan tidak, agak membebankan seluruh kampung. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya. Untuk langkah yang kita perkenalkan ini, tarifnya tidaklah terlalu tinggi dan jika kita bandingkan contohnya di Pulau Gaya. Pulau Gaya ada orang-orang kampung yang membeli air di darat di Kota Kinabalu dengan kadar yang agak tinggi dan tarif yang kita kenakan ini, yang akan kita kenakan tidak mencecah begitu harga begitulah, ya.

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Berhormat Menteri, mungkin mekanisme guna tangki ini baik juga, tetapi di luar-luar negara maju, mereka menggunakan *reload*, *reload card*, iaitu jadi pencurian tidak ada. Mana-mana yang membeli menggunakan air satu hari RM20.00, dia *reload*lah RM20.00. Kalau dia mahu guna RM50.00, RM50.00lah. Kalau kita guna, ini sepatutnya sudah dicadang semasa saya dulu tetapi tidak dapat dilaksanakan. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh teruskan usaha ini untuk memastikan bahawa kecurian air memang dapat ditanganilah apabila kita gunakan ini.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Memang ada pendekatan untuk mengenakan sistem *reload prepaid, prepaid* air bagi kawasan-kawasan tertentu seperti di Pulau Gaya, di penempatan Telipok, di penempatan Kinarut dan juga di Sandakan dan ini kita akan tengok keberkesannya nanti, ya. Kadamaian tidak ada. Jawab bertulis. Kemabong juga sudah keluar, Liawan keluar.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Balik kepada.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya sebenarnya dalam perbahasan pun saya ada sentuh. Di kawasan Sepanggar, kegunaannya bukan hanya seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Ada pencurian *non-revenue* tapi juga saya sebutkan penggunaan dia dari segi industri yang ada. Kerana di situ KKIP ada, di situ ada UMS ada, di situ ada banyak kemudahan-kemudahan yang bukan hanya penduduk masyarakat.

Sama ada rancangan bukan setakat *how you best distribute this but* itu yang saya juga soal tentang *dam* yang ada supaya bekalan ini mencukupi. Bukan setakat keperluan, *demand* tapi *supply must be enough*. Kalau kita tidak ada bekalan mencukupi, bagaimana kita nakkan Kibinglah, Nexuslah? Mereka banyak menggunakan air, bukan sikit. Maka dengan itu, kita bagi keutamaan kepada industri pelabur asing tapi orang kita dahagakan air. Apakah pihak Kerajaan mengambil perkara ini sebagai satu langkah untuk memastikan dalam jangka masa yang kita tahu kita tarik pelabur, ya, seramai mungkin *but* jangan hanya tarik pelabur *but end of the day, you failed to provide the necessity*.

Bukan hanya bekalan elektrik, bekalan air yang ada, pekerja yang ada. Saya ingat saya harap supaya bekalan air ini di *factor in* di segi kawasan-kawasan yang amat memerlukan dan persoalan dia. Selain daripada *dam* yang saya cadangkan itu yang saya bangkitkan di Papar ya, bagaimana keadaan dia pada hari ini? Adakah pihak

Kerajaan mengambil langkah *source is very important* kerana hujan saya jangka Datuk Speaker, banjir akan datang di Sabah ini, ya. Jauh teruk daripada Dubai ini.

Di Tawau, *I can tell you environmental changes* yang ada, *we must get ready*. Air hujan kita takung *by volumes by tons*. Ini kekayaan yang diturunkan tapi kita tidak gunakan dan *we don't have any dam*. Sarawak saya sebut dalam perbahasan, sekarang ini 7 bilion hasil bukan hanya eletrik, air tidak ada masalah air di Sarawak, tidak ada masalah elektrik di Sarawak. Oleh kerana mempunyai *dam* yang ada. Terima kasih banyak.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:**

Ya, untuk menjawab persoalan ataupun cadangan daripada ADUN Senallang, sebenarnya pada hari pertama jawapan lisan, saya telah menyatakan bahawa kita sedang mengkaji tentang *feasibility* untuk mendapatkan air daripada *hydropower dam* yang sedang dalam pembinaan di Upper Padas sekarang ini, dan juga *Kaiduan dam* dan juga *Papar dam*.

Jadi ini juga antara isu-isu ataupun perkara-perkara yang akan dimasukkan dalam kertas kabinet untuk membincangkan Pelan Hala Tuju Air di negeri Sabah. Memang kita memerlukan empangan air bagi mengurus *water resources* kita dalam jangka masa panjang. Saya setuju bahawa penting untuk kita mempunyai jumlah air yang mencukupi agar kita boleh memajukan negeri kita melaksanakan pelan-pelan industri di negeri kita.

Saya balik kepada penggulungan berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Moyog, masih terdapat dua projek yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan* sebelum ini yang akan dilaksanakan dalam RMK ke-12, iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar Kampung Maang, Kampung Limbanak, Kampung Sugut dan sekitarnya, dan Projek Bekalan Air Luar Bandar Kampung Moyog Atas dan kawasan sekitarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Moyog serta Dewan yang mulia ini, Jabatan Air Negeri Sabah telah mengemukakan senarai keutamaan cadangan Projek Pembangunan Bekalan Air Negeri Sabah kepada pihak Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk

pertimbangan kelulusan dalam *Rolling Plan* Keempat tahun 2025 pada 31 Januari 2024 yang lalu.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bongawan, persempadanan daerah pentadbiran bukanlah isu atau halangan dari segi pengagihan air, khususnya kawasan liputan pengagihan. Jabatan Air Negeri Sabah akan tetap menyalurkan bekalan air terawat mengikut sistem rangkaian paip sedia ada tanpa mengambil kira sama ada kawasan tersebut berada dalam daerah Membakut atau daerah Papar.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Balung, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah melalui Program Bekalan Air Luar Bandar Negeri Sabah Rancangan Malaysia ke-12 telah meluluskan projek bekalan air luar bandar, sistem bekalan air di Apas dan kawasan sekitarnya dalam Rolling Plan 3 Rancangan Malaysia ke-12. Projek Bekalan Air Luar Bandar Sistem Bekalan Air di Balung dan kawasan sekitarnya, diluluskan dengan anggaran kos 328 juta ringgit dan kini berada dalam status pelantikan juruperunding.

Pemuktamadan terma dan rujukan bagi pelantikan juruperunding sedang dijalankan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan dijangka akan memulakan kerja-kerja kajian dan reka bentuk bermula pada suku kedua pada tahun ini. Saya beralih kepada isu berkaitan pembentungan Ahli Yang Berhormat dari Elopura menyentuh tentang masalah sistem pembentungan di Sandakan.

**Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]:** Mohon. Datuk Speaker, mohon mencela sikit. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sebelum beralih kepada pembentungan, saya ingin bertanya lagi pasal air ya. Sebab kemarin saya ada bahaskan pasal air terutama sekali di beberapa buah kampung seperti kampung bekalan air kampung apa nama Sungai Memanjang, Sungai Monyet, Kuala Gum-Gum, Sungai Beruang, Banting.

Ini Yang Berhormat Menteri, ada paip sudah ini tetapi belum ada air lagi dan *stand* yang untuk pasang meter pun sudah ada. Jadi saya bertanya pada Yang Berhormat Menteri, bila sebenarnya bekalan air bersih ini disalurkan kepada

kampung-kampung yang saya sebutkan tadi? Bila? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Datuk Speaker, boleh saya jawab sekali? Sebelum ini Yang Berhormat Menteri, saya pernah bertanya mengenai Loji Rawatan Air Kampung Tanjung Labian yang sehingga kini masih lagi belum beroperasi dan sebelum ini kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri pernah, kan? Jadi, boleh Yang Berhormat Menteri bagi penjelasan mengenai perkara itu?

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Okey. Untuk kedua-dua persoalan daripada ADUN Gum-Gum dan ADUN Silam, izinkan saya membalas secara bertulislah.

**Tuan Speaker:** Tungku, Tungku.

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Hoi, panjang ini. Saya beralih kepada isu berkaitan pembentungan Ahli Yang Berhormat dari Elopura menyentuh tentang masalah sistem pembentungan di Sandakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Taman Indah Apartment, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sabah, Sandakan telah memeriksa dan mengenal pasti punca masalah terhadap paip pembentungan dan cadangan penyelesaian. Pam yang tidak berfungsi dan rosak adalah disebabkan.

**24/04/2024 - RAKAMAN 22 [1:30 TENGAH HARI - 1:40 TENGAH HARI] - [FARHANNA] - AZYATUL – NUR FATIN**

**Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Oleh kecurian dan keadaan pam yang telah uzur. Bagi mengatasi masalah kecurian, pihak JPPS Sandakan akan meningkatkan sistem keselamatan seperti melaksanakan pemantauan di waktu malam dan menaik taraf pagar dan sistem keselamatan agar isu kecurian dapat dikurangkan.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sabah akan melaksanakan kerja penyelenggaraan pam secara berkala agar pam dapat berfungsi dengan baik. Bagi pam yang dalam pembaikan pihak JPPS akan memastikan pam tersebut dibaiki dan

dipasang semula mengikut masa yang telah ditetapkan dan sekiranya gagal maka pihak kontraktor akan diambil tindakan.

Tuan Speaker, isu terakhir daripada KKRS, iaitu isu terminal daripada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah yang dibangkitkan oleh ADUN Sri Tanjung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini belum ada perancangan untuk menaik taraf Terminal Feri Tawau disebabkan terminal ini mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan masih mampu memenuhi kapasiti bagi menampung jumlah penumpang dan juga pelancong.

Untuk makluman, kapasiti yang sedia ada adalah seramai 3000 setiap hari. Manakala, *average* pengguna yang ada pada hari ini adalah sekitar 500 hingga 600 orang sehari sahaja.

Bagi cadangan untuk menaik taraf kelajuan feri yang sedia ada, ianya bukan dibawah bidang kuasa Kementerian. Namun, perkara ini boleh dikemukakan kepada operator feri terminal untuk dipertimbangkan oleh operator feri.

Tuan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan amat menghargai komitmen serta penyertaan aktif dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya Sabah.

Walau bagaimanapun, tidak semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di Dewan mulia ini dapat dijawab pada persidangan kali ini. Oleh itu, Kementerian saya mengambil perhatian dan akan menjawab beberapa isu yang dibangkitkan secara bertulis kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat.

Akhir kata saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dan selamat menyambut Pesta Kaamatan 2024.

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Satu jam setengah. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim @Nordin]:** Datuk Speaker, Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dipertemukan di Dewan yang mulia ini untuk memenuhi tanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat khususnya dan kemakmuran negeri Sabah amnya. Semoga kita dianugerahi kesihatan yang baik untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Terlebih dahulu, saya dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas ucapan Dasar Kerajaan sempena dengan pembukaan rasmi Mesyuarat Penggal Kelima Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Keenam Belas.

Datuk Speaker, pada tahun 2024, Kementerian ini memberi fokus utama kepada program pembangunan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, khususnya dalam pembasmian kemiskinan penduduk di luar bandar. Kementerian saya akan terus memperkasa dan memantapkan pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan di luar bandar sebagai usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk di luar bandar.

Sehubungan dengan itu, Kementerian saya melalui Pelan Hala Tuju Sabah Maju Jaya akan terus memperhebatkan pelaksanaan Program Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ) bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan menyediakan kemudahan kediaman yang lebih selesa dan selamat kepada penduduk luar bandar yang amat memerlukan, iaitu agihan sejumlah 20 unit Rumah Mesra SMJ setahun pada setiap 73 kawasan Dewan Undangan Negeri.

Seterusnya, bagi memperkasa pentadbiran daerah, Kerajaan Negeri telah meluluskan kewujudan Pejabat Daerah Kecil Sukau dan menaikkan taraf Pejabat Kecil Paitan kepada pejabat daerah penuh. Begitu juga dengan kepada pejabat daerah penuh. Pewujudan pejabat daerah kecil baharu dan penaikan taraf pejabat daerah kecil ke pejabat daerah penuh akan dapat memantapkan peranan sebagai

pentadbiran daerah untuk membantu rakyat luar bandar dan memudahkan urusan masyarakat luar bandar bagi mendapatkan perkhidmatan Kerajaan.

Datuk Speaker, Kementerian saya tidak sahaja memberi tumpuan dalam pembasmian kemiskinan di lapan daerah miskin tersebut tetapi juga memberi tumpuan kepada seluruh-seluruh daerah di negeri Sabah dalam menangani isu kemiskinan.

Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian saya amat prihatin dengan isu kemiskinan tegar di negeri ini dan telah mengambil pelbagai strategi, inisiatif dan bantuan kepada seluruh daerah dengan memberi sokongan bagi meningkatkan *access* kepada peluang ekonomi untuk mengatasi isu pembasmian kemiskinan.

Antaranya;

Satu, pembinaan enam buah Pusat Kemahiran Masyarakat sebagai pembangunan, pusat pembangunan dan latihan keusahawanan, iaitu di Daerah Sipitang, Ranau, Semporna, Menumbok, Matunggong dan Kota Kinabalu dengan tujuan untuk membantu meningkatkan potensi kemahiran golongan miskin.

Kedua, pembinaan sebelas buah Pusat Keusahawan Desa yang dilengkapi dengan bangunan bengkel dan peralatan-peralatan mesin, daerah Beluran, Kota Belud, Kudat, Pitas, Lahad Datu, Ranau, Matunggong, Nabawan, Penampang, Keningau dan Kuala Penyu. PKD adalah bertujuan untuk membuka peluang kepada golongan usahawan di bawah bimbingan KPLBS bagi meningkatkan pengeluaran produk dan mengembangkan perniagaan mereka.

Ketiga, program keusahawanan berasaskan pertanian seperti penanaman *sacha inchi* dan pisang Sabah di daerah Ranau dan program penternakan burung walit secara bersasar mengikut keperluan dan kesesuaian di daerah tersebut, iaitu di daerah Pitas serta Daerah Kecil Banggi. Datuk Speaker, program-program kursus kemahiran dilaksanakan kepada masyarakat luar bandar adalah misi Kementerian untuk mensejahterakan masyarakat luar bandar, melalui usaha-usaha pembasmian kemiskinan dan melahirkan usahawan yang berjaya serta dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, pendapatan diri dan keluarga.



Kelima, Program Satu Daerah Satu Produk (SDSP) merupakan program untuk meningkatkan ekonomi usahawan luar bandar yang dijalankan secara berkelompok atau di premis sendiri. Program ini telah menggalakkan pengeluaran produk di setiap daerah masing-masing sebagai *flagship* produk bagi sebuah kampung daerah tersebut.

Keenam, pihak MESEJ atau Mini Estet Sejahtera adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkat isu kemiskinan di kawasan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi. Program ini merupakan pendekatan pembasmian kemiskinan secara holistik, meliputi penyediaan perumahan sementara dan komponen ekonomi, iaitu perusahaan, perladangan dengan tanaman komoditi, iaitu kelapa sawit dan getah.

Ketujuh, Aktiviti Ekonomi Tambahan atau AET sebagai aktiviti tambahan kepada...

**24/04/2024 - RAKAMAN 23 [1:40 TENGAH HARI - 1:50 TENGAH HARI] – [INTAN AZWANA] - RAMENAH - NORMA**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim @Nordin]:** ... peserta-peserta MESEJ dan golongan e-Kasih yang bukan sahaja ada yang bukan peserta MESEJ *tu* untuk menambah pendapatan mereka ketika tanaman komoditi dalam MESEJ belum matang atau belum mendatangkan hasil. Kelapan, Program Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA) bertujuan untuk membekalkan air bersih di kawasan kampung terpencil yang jauh daripada capaian sistem retikulasi Jabatan Air Negeri Sabah dan sembilan, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA), bertujuan untuk menampung pembekalan tenaga elektrik luar bandar yang tidak dapat diliputi melalui sistem talian grid SESB.

Isu-isu dibangkitkan oleh ADUN, Datuk Speaker, dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas keprihatinan dengan mengambil bahagian dalam perbahasan Ucapan Dasar Kerajaan pada kali ini. Khususnya, ke atas soalan-soalan atau komen-komen yang diajukan kepada Kementerian saya. Tentu sekali, soalan-soalan atau teguran-teguran tersebut akan membantu Kementerian saya untuk meningkatkan lagi prestasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih cekap dan efisien.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat dari N.66 Bugaya. Kementerian saya telah melaksanakan pelbagai kursus kemahiran, untuk meningkatkan pendapatan penduduk di DUN Bugaya. Kementerian saya juga telah meneruskan program pelaksanaan Rumah Mesra Sabah Maju Jaya (SMJ). Sejak 2022 sehingga kini, sebanyak 60 unit Rumah Mesra telah dibina dan dalam pelaksanaan di Dewan ataupun di DUN N.66 Bugaya.

Selain dari itu, Kementerian melalui Pejabat Daerah Semporna telah merancang pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan, iaitu seperti berikut. Satu, menyediakan kursus kemahiran seperti pembuatan kek, mi dan kursus kemahiran berasaskan pertanian yang sesuai dan boleh meningkatkan taraf kursus hidup ataupun meningkatkan taraf hidup golongan e-Kasih. Dua, untuk mengenalpasti dan membuka tanah-tanah yang tidak diusahakan untuk Program Keterjaminan Makanan atau *food security*. Ketiga, membantu menyelaraskan bantuan peruncitan, bengkel kereta, dan bantuan nelayan untuk peningkatan pendapatan. Keempat, mengadakan taklimat dengan agensi-agensi yang berkenaan bagi memberi panduan dan pendedahan kepada golongan berdaftar dengan pengkalan sistem e-Kasih tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Dan melaksanakan *profiling* kepada e-Kasih ataupun ahli e-Kasih bagi menentukan tahap kemiskinan.

Datuk Speaker, menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari N.10 Usukan. Sukacita saya maklumkan bahawa pengkalan data sistem e-Kasih adalah di bawah kawalan dan seliaan unit pelaksanaan dan penyelarasan Jabatan Perdana Menteri (ICU), Jabatan Perdana Menteri (Penyenaraian nama-nama) dalam pengkalan data ini diperolehi daripada Pejabat Daerah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu DBKK, Majlis Perbandaran). Dalam proses untuk memuktamadkan senarai ini, pihak ICU JPM akan melakukan verifikasi di lapangan untuk menentukan kesahihan maklumat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.46 Nabawan dan N.19 Pantai Manis, berkaitan dengan pelaksanaan Program Rumah Mesra Sabah Maju Jaya berdasarkan pengumuman kerajaan negeri pada tahun 2022, iaitu membina sebanyak 1500 unit, iaitu sebanyak 20 unit setiap DUN. Setakat hari ini, sebanyak 4500 unit rumah telah dan sedang dalam pembinaan.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat DUN N.19 Pantai Manis, sebanyak 60 unit Rumah Mesra SMJ telah dan sedang dalam pembinaan di DUN N.19 Pantai Manis.

Kriteria sasaran penerima Rumah Mesra SMJ telah ditetapkan dalam terma rujukan pelaksanaan Program Rumah Mesra SMJ, iaitu satu daftar dalam pangkalan data e-Kasih atau mangsa bencana banjir, kebakaran, tanah runtuh taufan atau, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah atau, keempat Rumah Daif. Golongan penerima tersebut hendaklah dimuktamadkan dalam mesyuarat Focus Group Daerah (FGD).

Ya Datuk Speaker, sekali lagi saya menjunjung kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas Ucapan Dasar Kerajaan sempena dengan pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah yang ke-16. Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Selamat Menyambut Hari Kaamatan, *Kotobian Tadao Tagayo Kaamatan* kepada semua meraikannya dan tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Pekerja yang akan disambut pada 1 Mei 2024. Datuk Speaker, saya mohon, mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar untuk menggulung.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** *Sorry*, yang tiada di Dewan saya akan *skip* dan kirim itu jawapan secara bertulis. *It's that okay? Because otherwise too long...*

**Tuan Speaker:** Kalau dia tak ada dalam Dewan *you* mahu bagi bertulis *it's up to you*.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Okey. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Tapi kalau dia *general you have to*.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** *Yes. It's a back around. Ya.*

**Tuan Speaker:** Okey.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Datuk Speaker, saya menjunjung kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas Ucapan Dasar Kerajaan yang telah disampaikan di Dewan yang mulia ini pada 18 April 2024. Ucapan dasar yang cukup terperinci dan holistik merangkumi pertumbuhan dan pembangunan *social economy* Negeri Sabah.

Datuk Speaker, seperti mana dalam Ucapan Dasar Tuan Yang Terutama tahun 2024 merupakan tahun yang sangat penting bagi kerajaan negeri untuk memastikan inisiatif dan program yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dan juga Pelan Sabah Maju Jaya dilaksanakan secara efektif dan efisien agar pembangunan yang dirancang dapat dimanfaatkan. Apatah lagi, Rancangan Malaysia ke-12 mendekati, mendekati penghujung penghujung, penghujungnya. Justeru, Kementerian saya sentiasa komited untuk memastikan sasaran kerajaan di bawah portfolio Kementerian dicapai.

Tambahan pula, Tahun Melawat Malaysia menjelang 2026 Kementerian saya akan memastikan strategi dan persediaan para pemain industri pelancongan di tahap yang tinggi. Pada masa yang sama, alam sekitar dan warisan budaya yang merupakan aset terutama pelancongan negeri terpelihara dan dipulihara. Sektor pelancongan Datuk Speaker, tahun 2024 akan mampu memelihara kesan. Okey, pemuliharaan sektor pelancongan selepas pandemik COVID-19. Ini terbuka, ini terbukti pada dua bulan pertama tahun ini ketibaan pelancong ke Sabah adalah berjumlah 500...

**24/04/2024 - RAKAMAN 24 [1:50 TENGAH HARI - 2:00 PETANG] - [JULIAN] - MOHELENA – AZRIN**

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** ...32 227 orang dengan anggaran perbelanjaan pelancong berjumlah RM1.22 bilion. *The first two months of this year visit of tourist also tourism we receive* RM1.22 bilion. Tanda ini menunjukkan peningkatan sebanyak 45 peratus

berbanding tahun 2023. Dengan peningkatan ini saya yakin ketibaan pelancong yang disasarkan pada tahun ini akan tercapai.

Datuk Speaker, jaringan pehubung perhubungan udara akan tetap menjadi agen agenda utama Kementerian saya. 95 peratus, *95 percent* ketibaan pelancong ke negeri ini adalah daripada rangkaian rangkaian perhubungan melalui pengangkutan udara. Pada tahun 2024 perjalanan pelancongan terutama di negara Asean dijangka akan meningkat.

Justeru itu, Kementerian saya giat melaksanakan beberapa strategi untuk meningkatkan *frequency* penerbangan. Antaranya dengan membuka laluan penerbangan yang baharu, ke pintu-pintu utama ke negeri ini termasuk Tawau dan Sandakan. Ini juga secara langsung akan memudahkan untuk mempromosi pelancongan di pantai, *wait wait*, maaf *I skip one page, okey*, maaf, secara langsung akan memudahkan untuk mempromosikan pelancongan di pantai timur.

Datuk Speaker, pada tahun ini, Kementerian saya melalui Lembaga Pelancongan Sabah sedang dalam peringkat perbincangan bersama syarikat penerbangan untuk membuka destinasi daripada negara India, Vietnam, Australia dan beberapa lagi negara Asean.

Pada ketika ini juga, Lembaga Pelancongan Sabah sedang menganjurkan *Sabah Roadshow* di Uzbekistan selama satu minggu untuk mempromosi serta membuka pasaran baru Timur Tengah. Kementerian ini sentiasa memastikan usaha memperkembangkan industri pelancongan diteruskan dan dipergiatkan melalui kerjasama dengan negara-negara atau rakan-rakan sejawat luar negara, termasuk pihak-pihak berkuasa pelancongan berkenaan.

Kerjasama dan jalinan kerja ini amat penting, maka adalah wajar Kementerian ini mengadakan lawatan-lawatan kerja di destinasi-destinasi yang berpotensi. *That is why Ministry, my Ministry is always trying to arrange to visit the country state list, do not open up to Sabah many of them had never heard of the name Sabah, so we promote our slogan yang baru Visit North Borneo yang Sabah juga.*

**Tuan Speaker:** *Next time you bring me along to visit themlah ah.*

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Speaker, mohon mencelah.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** (Ketawa) *so this helps a lot because now we are expanding*, kita sudah buka laluan kepada *South East Asia in Asean* tetapi, *we want to open now to the new country, new destinasi* sebagai Amerika *in all this ah, small European countries, who have never heard of Sabah, so we are trying to promote. It is not because we like to go makan angin, it's because we have to work hard to pour more diversify to our incoming tourist. Thank you.*

**Tuan Speaker:** *I don't mean you makan angin, I just want to follow you.* Yang Berhormat Menteri, ada ingin mencelah? Kalau YB benarkan.

**Tuan Justin Wong Jung Bin [Sri Tanjong]:** *YB Minister, can I?*

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Justin Wong Jung Bin [Sri Tanjong]:** Mohon mencelah.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Oh, *sorry sorry. Okey, silakan.*

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** *Thank you. Thank you, Datuk Speaker, thank you, Datuk Menteri.*

Ah, berkaitan dengan penerbangan terus, ya memang benar ada penerbangan terus ke Lapangan Terbang Tawau pada tahun ini, saya ucapkan tahniah kepada YB Menteri. Tapi setujukah YB Menteri, bahawa penerbangan terus ke lapangan terbang ini sebenarnya tidak memberi manfaat kepada bandar Tawau? Sedangkan pelancong yang datang dari China tu mereka cuma datang untuk pulau saja.

Jadi, sama ada pihak Kementerian bersedia untuk membuka bukan sahaja pasaran dari ah, Asia Utara tetapi juga *neighbouring countries* negara-negara jiran seperti Indonesia. Tawau adalah sempadan yang paling dekat dengan Indonesia dan kita mempunyai feri datang dari Tarakan. Jadi, saya berharap Datuk Menteri boleh ah,

pertimbangkan dan mungkin melawat. Saya tidak pasti sama ada Datuk Menteri sudah melawat Indonesia atau tidak, tapi bolehlah melawat ah, Tarakan ataupun Indonesia untuk membantu Tawau, kita orang Tawau. *Thank you.*

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Memang *origin* Tawau, *now in KK*. Okey, Yang Berhormat dari Sri Tanjong. Sepatutnya Kementerian saya melalui STB, *we have plan to develop Tawau tourism* Tawau. So, begitulah saya nampak. Kita pun tahu itu *overseas flight* apabila mereka datang ke Tawau cuma berminat pergi lawat Semporna, *diving only*. *They excluded Tawau.*

*So, the plan is we are now actually in the process of discussing with the President of Majlis Perbandaran Tawau. We hope that we can build ah, very long bridge, not bridge I am sorry eh, jeti. Build a long jetty, where we invite all the ferry operator, they can come collect our pelancong. They come from China, mana-manakah they can stay in Tawau. Jangan datang Tawau pun terus jalan sahaja.*

*Tawau economy is not benefited from this pelancong, we know. So if they have a place to sit they know how to go to Semporna because quickers yang lebih cepat, maybe it takes 15 minutes only. We take the ferry from Tawau jeti to Semporna, very fast, they would enjoy themselves diving kah, makan kah, lawat kah, Semporna. Malam they can come back by ferry again. In that way we can boost the hotel, the food and beverage, all these are in Tawau.*

*So, we are trying to also develop one place in Tawau, belum lagi saya sedia untuk maklum this way. One step project tourism project is still develop then we have more reason why pelancong datang ke Tawau, stay two days before they go to pulau or they come back pulau and stay in Tawau. This is the plan that we are doing.*

**Tuan Justin Wong Jung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Menteri, *can I have a quick respond on your answer? Just now you mention your Kementerian is going to study or to build one tourist jeti in Tawau. Ah, do you think that is viable considering the distance from Tawau, Tawau Town to Semporna. It actually even more far than from Tawau Airport.*

*So, I am just wondering instead of just relying on just one single market, which is from China. Is your Ministry prepared to go to our neighbouring country? Start from our neighbouring country first. Like Indonesia, I am sure be ah, before this all these direct flight happen, we already have one direct flight from Tarakan to Tawau which means, the Indonesian, they actually want to come to Tawau. So, I am just wondering whether you are prepared or your Ministry is prepared to study on this potential market from our neighbouring country? Start from our neighbouring country first. Thank you, Datuk Menteri.*

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Thank you, Yang Berhormat. Actually bukan sahaja pelancong dari China tetapi all over the world we welcome them. There are a lot of scientist, they are very interested to come to Semporna also to study about underworld. We have encounter many of ...

**24/04/2024 - RAKAMAN 25 [2:00 PETANG – 2:10 PETANG] - [ANNETY] - NADIA – NUR FATIN**

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** ...tetapi *for them to do that, they need to don't just come to Tawau and then go to Semporna terus. We want them to stay back. Study also what happen underneath the water in Tawau water also. As far as the pelancong is concern dari Indonesia, dari Philippines all these welcome to come. Not that I will only welcome China tourist. In fact, if we have that, apa itu jeti, making it easier for tourist because it's very congested in Semporna. I know it have a economy in Semporna but it's very congested. So, we would like to have a alternative place where the tourist can stay you see. But, anyway this is still under studying by my Sabah Tourism Board. They will do the study. They will be coming into proposal and then suggestions. We have now project not only that actually, I don't mind even saying now we are also doing a proposal to expand our Tourism Sports Products in Sandakan. We are doing that. But later on I will answer. Okey, can I continue please?*

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Tuan Speaker, boleh...



**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** (Ketawa) *I don't*. Okey, Datuk Yusof.

**Tuan Speaker:** Duduk dulu.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Tahniah Yang Berhormat Menteri kerana berusaha dan unjuran berusaha untuk membawa banyak pelancong dan membawa *promote* Sabah yang dijangka tahun ini 300 000 akan datang dan ada usaha lagi kalau dicongak 300 ah, 3 juta minta maaf. 3 juta tahun ini. Kalau dicongak bahagi 12, purata satu bulan 250 000. Kalau 250 000 sebulan bahagi 30 ada 8333 orang. Selalunya mereka duduk tujuh hari. Kalau tujuh hari maknanya *at anytime they are always 58 331 tourist in the city or in the State. And then if you use bus 40 seaters, we need about 1458 busses to carry them. Of course not all in the bus.* Cuma yang saya minta bila melawat, buat promosi keluar negara jangan bawa Sipadan saja. Jangan bawa Sandakan saja. Kita minta *equal distribution*. Ada Tenom, ada Sipitang, ada...

**Tuan Speaker:** Speaker orang Sandakan.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Ya. Oh, mungkin dia lebih itu. Ah, jadi saya minta *I don't need many*. Sipitang kalau kami dapat daripada 1458 bas itu, saya cuma minta empat bas saja satu hari. Untuk makan sate, jadi empat bas ertinya empat kali 40, 160 *tourist*. Mungkin seorang boleh makan satay. Boleh buat situ. Ini saja kami minta dan *of course* kalau boleh kita ah, Alhamdulillah, syukur tapi jangan Sipitang tertinggal, Tenom tertinggal. Akhirnya, tertumpu kepada Semporna ah, Senallang punya kawasan, tertumpu kepada Kudat, Kundasang, jadi kami mahu juga. Membakut mahu, Kuala Penyu mahu, Klias mahu. Jadi, inilah. Jadi, apakah rancangan adakah siap sedia pakej ataupun ada orang yang *in charge* untuk promote yang ini supaya dibagi-bagi pelancong itu ke kawasan-kawasan ini. Terima kasih.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew ]:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Sebelum ini Yang Berhormat Menteri, sekejap ah. Yang Berhormat dari Sulabayan dan ah, Yang Berhormat dari Tungku ingin mencelah. Kalau Yang Berhormat Menteri berikan laluan itu, nanti Menteri boleh bagi jawapan sekali gus. Okey.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Ya. Okey. *Finish first*lah ah, Yang Berhormat Sindumin. Sebab mereka berdiri dulu (ketawa) *I saw them*.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Mahu jawab dulu sekarang?

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Okey. *Just just one sentence* ya. Yes. Kementerian kita *especially the Sabah Port, Tourism Board they are planning*. Jika mana-mana kawasan ada rancangan *you think that is good to promote for the tourism for that kawasan, please come and see our Sabah Tourism Board. We are now in the move of moving and trying to get not only we want tourist from outside overseas, we also want tourist domestic tourist from our own country. From Semenanjung, from Sarawak and from Sabah also. So, all this in the package and thinking*. Okeykah? *That's enough*, berhenti. Okey, Datuk *can I continue? I continue* ya. Okey.

Datuk Speaker...

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Tungku?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Okey.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ah...

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Yang Berhormat Sulabayan, duduk dulu. Tunggu dulu ah. Tungku tunggu sama, Tungku dulu.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Yang Berhormat Menteri, saya hargai inisiatif yang Kementerian Yang Berhormat Menteri buat dalam usaha untuk memperkenalkan industri pelancongan kita ke luar negara. Namun, ada sesuatu perkara yang menyedihkan berlaku pada baru-baru ini. Saya harap pihak Kementerian Yang Berhormat dapat mengambil satu langkah ataupun peraturan yang baik. Di mana semasa ketiadaan Menteri dan Pembantu Menteri, berlaku kemalangan yang melibatkan pelancong luar. Kemalangan maut dan Menteri dan Pembantu Menteri berada di luar negara pada masa itu dan saya tahu ini barang adalah suatu benda yang malang bagi kita. Tetapi sepatutnya pada masa akan datang, Menteri dan Pembantu Menteri harus bergerak berasingan supaya nanti kalau berlaku perkara-perkara begini sama ada Menteri ataupun Pembantu Menteri boleh mengendalikan kes-kes seperti tersebut. Terima kasih.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tungku. *Noted. We take we look into this one and thank you for your suggestion.* Bolehkah saya teruskan? Teruskan? Semua mahu pulang sudah. (ketawa). *I try to cut this short* ah.

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Patut saya dibagi ruang pula mencelah tadi. Ya. Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Saya melihat ini sektor pelancongan ini begitu penting dan telah di perkara kedua ditekankan dalam Ucapan Dasar Kerajaan. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Yang Berhormat Menteri. Membuat promosi ini. Bukan sahaja persoalan tapi pandangan. Saya juga terlibat dalam sektor pelancongan ini. Dua tahun saya jadi pemandu pelancong. Promosi pelancongan ini dibiayai oleh Kerajaan Negerikah atau MOTAC? Itu satu soalan. Lepas itu, oleh sebab kita nak pelancong datang ini supaya meningkat pendapatan negeri Sabah. So, kita ada data tak? Dari tahun depan dan kita fokus tahun depan berapa dijangka pendapatan dari segi sektor pelancongan ini untuk dimanfaatkan di negeri Sabah dan yang saya tahu yang mengambil hasil sektor pelancongan ini ialah Kerajaan Pusat. Bukan Kerajaan Negeri Sabah. Tapi saya ingat tahun yang sudah ada dibagi peruntukan. Mungkin 50% untuk negeri Sabah. Kerana apa kita perlu? Bukan sahaja kita *promote* sektor pelancongan. Lebih-lebih lagi Sabah ini sangat terkenal. Dari segi tarikan pelancong kerana landskap dia. Laut, pulau, hutan, Orang Utan termasuk di Sandakan juga di tempat-tempat lain. Dan saya melihat pelancong ini

juga dia minat melancong ke Sabah kerana faktor kita punya landskap. Hutan flora dan fauna. Dan saya tidak lihat kebetulan Timbalan Menteri pun ada di sini. Saya ingat ini agak panjang. Tapi, saya cuba ringkaskan. Kita kurang fokus kepada alam sekitar. Pasal saya rasa kalau alam sekitar kita tidak dijaga, biodiversiti kita, flora fauna, Orang Utan dan juga di pulau, pasal saya tengok pelancong ini terutama di Pantai Timur.

Di Semporna, contohnya, saya bimbang keadaan-keadaan di pulau dengan begitu banyak pelancong daripada luar khusus China. Persoalan dia, adakah kita, apa ini mewujudkan sebagai satu kawalan sebagai sistematik ini? Pasal saya bimbang. Kalau sudah keadaan tu tidak ada sudah, biodiversiti, ikan, penyu di situ tu, saya ingat pelancong daripada China tidak akan datang. Dia tidak melihat dari segi pembangunan moden. Pasal tempat dia orang lebih maju daripada tempat kita. Yang mereka lihat ialah alam sekitar kita. Jadi, ini yang saya nampak kerana banyak juga rungutan-rungutan. Walaupun kita galakkan *homestay*, kita galakkan hotel, kita galakkan pengangkutan. Mereka ini pun timbul masalah di hotel sekarang ini. Terutama pelancong China, datang sekejap satu dua hari lepas itu balik. Lepas itu, bayaran sudah dibayar di luar. Bukan pihak hotel lagi. Lepas itu, hotel sekarang ini mengeluh. Dikenakan cukai bilik setiap malam satu orang di Semporna. Lepas itu...

**24/04/2024 - RAKAMAN 26 [2:10 PETANG – 2:20 PETANG] – [MARIA HANNAH]  
- TERESA - NORMA**

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** ...cukai SST 8%. Jadi itu yang kita perlu, mereka berbelanja mengusahakan penginapan *homestay* tapi apakah insentif-insentif yang diberi kepada mereka ini oleh Kerajaan Negeri. Saya tahu oleh sebab yang memungut hasil ini Kerajaan Pusat. Terutama di Semporna lagi saya bangkitkan soal kemudahan prasarana. Jeti, kita tidak ada jeti yang *proper*, kalau pun ada, dilakukan oleh swasta. Sedangkan masalah sampah, persekitaran kebersihan, tanggungjawab Majlis Daerah. Sebab itu yang saya katakan sama ada dari segi untuk mendapatkan bantuan insentif kemudahan prasarana ini perlu. Kalau negeri tak cukup *bajet*, kita kena minta daripada *Federal*. Dia kutip duit, dia dapat duit tapi kita, tempat kita yang jadi bebanan, cabaran dari segi kemudahan. Dan di samping itu juga, ada dua perkara. Pengangkutan sekarang ini, sebelum ini ada pengangkutan tempatan yang dapat lesen LPKP. Sekarang dia tidak boleh

membawa pelancong sudah. Kena ada konsep baru, ini di bawah MOTAC mesti ada kelulusan permit itu daripada MOTAC. Bila minta permohonan daripada MOTAC, dia kena ada simpanan ataupun dalam dia punya akaun itu 200 000. Dan bagaimana kita dalam konsep menarik pelancong sudah tentu kita nak ada *source of income* pada negeri Sabah. Kita nak juga ada peluang pekerjaan kepada orang-orang kita di Sabah ini dan hari ini lebih-lebih lagi, dari dulu lagi sebelum Kerajaan dan ini sebelum Warisan, ada syarikat daripada Korea...

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Ya...

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Cadangankah? Jangan berhujah panjang-panjang.

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Saya nak cakap, tak apa. Itu yang saya kata nak panjang. Tapi ini masalah timbul, syarikat daripada luar bawa kapal terbang sendiri datang ke mari. Sampai sini, yang menyambut agensi daripada sana. Kan, yang ini saya ingat Yang Berhormat Menteri, tak payahlah saya cerita. Sampailah makan dia, hotel dia, dari mana kita sumber pendapatan daripada kaedah macam ini? Dan saya mungkin dia tidak boleh jawab, tak apa. Apa yang saya katakan ini perlu diambil perhatian perkara-perkara inilah. Tak guna kita *promote* pelancong berbelanja begitu banyak tapi *return* dari segi kewangan, *return* dari segi pekerjaan, tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat negeri Sabah. Terima kasih.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Sulabayan. Sepatutnya, kita dalam Kementerian Pelancongan, kita ada banyak agen yang *specialized in different kind of activities*. *Packages* yang boleh *offer*, kita boleh tawarkan kepada pelancong yang berminat *what kind of activity is they want to see they come to Sabah*. Daripada pulau dan gunung dan alam sekitar, *forest, wildlife, community tourism*, ada-ada juga banyak *foreigners when they come to Sabah, they want to live with the native in their house, in their kampung, we called that community tourism and these also their part of...*

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf, bukan mencelah, minta sikit jalah untuk memanfaatkan Menteri. Bolehkah nanti Yang Berhormat Menteri buat perbincangan dengan pengusaha-pengusaha pelancongan termasuk apa ini *ecotourism* ini. Boleh tak? Pasal *diorang* ini banyak masalah dalaman. Saya ingat pihak Menteri kalau dapat buat perjumpaan supaya kita dapat selami masalah *diorang* ini. Terima kasih.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Saya belum habis. Sepatutnya *ecotourism is one of the item is that i'm going to say. Anyway, thank you very much for bringing this up.* Memang *under* di Sabah Tourism Board, *they doing a lot of this thing with i maybe allowed to continue.* Sebab, *some of the things that mentioned is actually in my policy* pelancongan.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Saya ingat Yang Berhormat Menteri, kalau boleh saya *clarify* apa yang cuba diketengahkan oleh Yang Berhormat Sulabayan tadi. Sebenarnya beliau menyebut soal, saya ingat semua kita sudah tahu, *zero cost tour* yang sedang berleluasa di negeri Sabah dan kita tahu ada agensi-agensi kita terlibat dalam perkara ini. Sudahlah kita tidak mendapat hasil, disebabkan hasil kita dikutip oleh Federal, kita juga tidak mendapat hasil daripada aktiviti pelancongan walaupun yang berbelanja begitu banyak, walaupun Menteri penat keluar memperkenalkan kita punya pelancongan, tetapi hasil itu dikutip di luar sana. Dan kita ada *spin off*, tidak apa *split over* yang kita panggil *zero cost tour. I think the key is that.* So, macam mana Yang Berhormat Menteri boleh selesaikan perkara ini. Termasuk dengan syarikat-syarikat yang berada dalam ini yang menjadi agen kepada mereka yang di luar sana. *They are in cahoot with these things.* Terima kasih.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau boleh saya ambil masa sedikit sekarang untuk teruskan dengan saya punya ucapan. Okey.

Datuk Speaker, pengurusan alam semula jadi yang matang dan kepelbagaian, biodiversiti yang ada Yang Berhormat dari Sulabayan cakap yang terpelihara adalah tunjang utama Kementerian dalam melestarikan khazanah dalam semula jadi untuk

dinikmati oleh generasi akan datang serta aset utama sebagai produk pelancongan negeri. *The one of the first things that we emphasize is this one is very important. I know what you says is very important so that is why is already in our ministry agenda for 2024.* Justeru itu pada tahun ini, beberapa inisiatif akan dilaksanakan oleh kementerian menerusi Taman-Taman Sabah, iaitu pewartaan Teluk Darvel sebagai taman ke-10 di bawah Taman-Taman Sabah. Kementerian juga sedang mengenalpasti beberapa lagi kawasan untuk diwartakan di bawah Taman-Taman Sabah ke arah mencapai 13% kawasan marin yang dilindungi sepenuhnya menjelang tahun 2025. Di samping itu, program-program konservasi hidupan liar serta aktiviti penguatkuasa terutama di kawasan Pantai Timur akan terus dipertingkatkan sebagai usaha untuk mengurangkan konflik hidupan liar dan manusia.

Selain daripada aspek konservasi, isu alam sekitar secara global juga semakin membimbangkan. Kerajaan Negeri amat serius dalam menangani sebarang krisis alam sekitar dan mengekalkan kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, Dasar Alam Sekitar Negeri Sabah 2017 serta Pelan Tindakan Dasar Alam Sekitar merupakan bantuan dalam mencapai prinsip *Sustainable Development Goals*.

Datuk Speaker, perancangan yang holistik untuk memulihara serta memelihara secara warisan dan budaya negeri menjadi bidang keutamaan Kerajaan. Untuk makluman...

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Speaker...

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** ...sidang Dewan yang mulia ini, Petagas War Memorial yang menjadi lokasi upacara Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Perang yang diadakan setiap tahun sedang dalam menaik taraf dan di jangka akan siap penghujung tahun ini. Kawasan tersebut diperintahkan dan akan dijadikan sebagai produk pelancongan yang akan dibuka kepada pelawat. Berbagai koleksi khazanah budaya akan terus dipelihara dan pulihara memandangkan ianya merupakan aset amat berharga kepada negeri dan juga antara produk pelancongan negeri.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Yang Berhormat Menteri, ada minta laluan mencelah.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Boleh ya, Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut soal pewartaan Teluk Darvel sebagai Conservation Marine Park dan *as far as my concern*, Teluk Darvel ini sudah sepatutnya telah diwartakan sebelum ini tapi dia...

**24/04/2024 - RAKAMAN 27 [2:20 PETANG - 2:30 PETANG] - [NURIAHTIKA] – THEODORA J. – AZRIN**

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Tapi masa yang terlalu panjang, saya ingat sudah empat tahun, lima tahun belum lagi diwartakan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkongsi dengan kita apa sebenarnya masalah mengenai pewartaan Teluk Darvel ini? Mengenai dia punya prosedur dan apa kekangan ke arah pewartaan ini? Sebab saya takut, selepas ni kita ada lagi pewartaan taman-taman lain di bawah Taman-taman Sabah. Sebagai contoh, pewartaan Taman Tun Juhar, daripada kawasan Tanjung Labian ke Tambisan di masa akan datang. Dan kalau prosedur pewartaan ini tidak dilakukan dengan satu masa *timeframe* dan apa ni, diselesaikan, akhirnya nanti ya kita terlepas peluang untuk apa ni, mengambil peluang daripada pewartaan taman-taman tersebut. Terima kasih.

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soal *conservation* ini setakat ini, saya mengakui saya tidak ada makluman *the latest one, so I'm going to ask my Officer to send to you, the jawapan on this issue. I think this is a very important issue but, I just came into this (ketawa), last year only, so I don't know everything. Thank you very much, I will ask my Officer to send to you. Thank you.*

Datuk Speaker, hubungan etnik yang harmoni merupakan kunci keamanan dan kemakmuran sesebuah Kerajaan khususnya negeri yang mempunyai etnik dan agama yang berbagai. Bagi menjadikan Sabah sebuah negeri yang aman dan harmoni, Kementerian saya melalui Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah sedang memperkasakan pembangunan sistem, pemetaan, budaya, bersepadu Negeri Sabah. Selain itu, pembangunan protokol budaya komuniti atau *Cultural Community*



*Protocol* (CCP) juga turut dilaksanakan untuk mengintegrasikan pemuliharaan warisan budaya dan aktiviti pelancongan. Dua daerah telah dikenal pasti untuk memulakan program ini, iaitu Kiulu dan Kota Belud. YB tidak ada sini.

Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas saranan dan cadangan yang telah dikemukakan kepada Kementerian saya. Kementerian mengalu-alukan cadangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat, agar kita bersama-sama membantu memulihkan serta meningkatkan lagi kualiti sektor pelancongan negeri ke peringkat lebih tinggi. Dengan itu, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan kepada Kementerian saya.

ADUN N.35 Sindumin, dia tidak ada sini. ADUN N.65 Senallang, ADUN N.58 Lamag dan ADUN N.59 Sukau. Datuk Speaker, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat N.35 Sindumin, Yang Berhormat N.65 Senallang, dan Yang Berhormat N.58 Lamag berhubung dengan kehadiran pemandu pelancong atau *tour coordinator* dari Korea, ingin saya maklumkan di bawah Akta 482 Industri Pelancongan 1992, pengusaha pelancongan perlu menggunakan khidmat pemandu pelancong yang ber*licenses*. Walau bagaimanapun, pada ketika ini jumlah pemandu pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) yang boleh berbahasa Korea hanyalah sebanyak lapan orang sahaja. Jumlah ini amat sedikit untuk menampung jumlah kedatangan pelancong Korea ke Sabah. Walaupun pelancong Korea ini memahami bahasa *English* asas namun, kebanyakan lebih cenderung berkomunikasi dalam bahasa Korea atau *their native language*.

Oleh yang demikian, Kerajaan mengambil inisiatif untuk menyokong pemohonan daripada syarikat pengusaha pelancongan untuk mengambil *tour co-ordinator* ataupun penterjemah *translator* daripada Korea bagi mengisi keperluan ini. Pengisian ini juga memerlukan syarat yang ditetapkan... *Sorry*, yang ditetapkan Kerajaan, iaitu kadar nisbah tiga orang pekerja tempatan untuk seorang pekerja asing hanya boleh dilantik bekerja.

Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, walaupun *tour co-ordinator* mahupun penterjemah *or the translator* adalah warga Korea, pengusaha pelancongan juga perlu menyediakan *seat and guide*, yang merupakan warga tempatan untuk berada di setiap pakej pelancongan yang dijalankan.

Datuk Speaker, berhubung dengan monopoli syarikat pelancongan yang dimiliki oleh warga asing, terutama Korea yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat N.35 Sindumin dan N.59 Sukau sebagai tambahan kepada perdagangan had ekoti saham tempatan dan asing ke semua syarikat-syarikat pelancongan yang ingin mendaftar hendaklah mematuhi Akta Pelancongan dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Pemberian permit pas pelancong putih atau hijau mahupun bas persiaran sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senallang juga hanya boleh diberikan kepada syarikat pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Berhubung dengan saranan, Yang Berhormat N.65 Senallang, akan memantau syarikat pelancongan, sukacita saya maklumkan pemantauan oleh pihak Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bersama Kementerian saya sememangnya dilakukan secara berkala di beberapa lokasi tumpuan untuk memeriksa *license-license* yang dikuatkuasakan.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Yang Berhormat Menteri...

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** Yes?

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Ada minta mencelah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Boleh, Yang Berhormat Menteri? Terima kasih, Datuk Speaker. Banyak persoalan sebenarnya saya bangkitkan, saya tunggu. Jawapan-jawapan dia. Saya duduk sini daripada jam 10.00 lagi, saya tunggu Kementerian-kementerian, supaya jawapan itu bukan hanya merupakan pandangan. Dalam sektor pelancongan ni, saya tanya, ya. Tentang dasar. Tentang pelaksanaan. Tentang *re-based, return on investment*. So, you know, I think you cannot digest if you a speak in Malay, or you want me to speak in

*English to you? So you can faham you jawab dalam bahasa Melayu ataupun dalam (bunyi ketawa)...You know sometimes, I know. I know you very well (bunyi ketawa). So, saya ingat kalau boleh...*

**24/04/2024 - RAKAMAN 28 [2:30 PETANG - 2:40 PETANG] - [KHAIRUL] – SITI JUBAIDAH – NUR FATIN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...ada beberapa perkara yang saya telah bangkitkan daripada awal soalan tadi jawapan kepada saya tentang apa ni *operator* pelancong bukan hanya dari Korea, daripada China cuma saya minta kepada Yang Berhormat dan juga Kerajaan wilayah Sabah, *can we have a policy? Adakah dasar yang jelas? Don't be depend on the Federal,* saya ingat you remember *when I was a Chief Minister I manage on how to secure Sipadan, Ligitan should not manage by security from KL, MKN.*

*I told the former Prime Minister Tun. I said, "no we know better than you guys from KL to manage Sipadan and Ligitan and it was granted and similar to tourism sector. I did ask, I said let us manage and now you managing it, you know we manage it but on this part the area, I question is not about number bukan jumlah Datuk Speaker yang saya soal, kita tidak mahu jumlah lima juta sepuluh juta datang ke Sabah ya, seronok kita dengar sama ada dari Korea sama ada dari China sama ada dari Eropah but apa pulangan dia kepada orang Sabah? rakyat Sabah? usahawan Sabah?*

Saya sedar soalan saya tentang mungkin penanam sayur dapat makan sayur mereka, nelayan dapat ikan mereka tangkap dapat *but I tell you* saya juga buat kajian, *I went to few hotel* di Kota Kinabalu dan saya sendiri melihat saya pergi Kundasang saya tengok bas yang berwarna putih ada garis hijau, di Semporna pun *the same bus* yang ada dan mereka ni mengangkut pelancong-pelancong daripada China daripada Korea naik bas itu *and that bus is not own by our fellow Malaysian Sabahan.* Dan ini saya bimbang kalau kita melancong ke London, *you* melancong ke Singapura, *you* melancong *nobody will allowed you to operate your own. You know Chinese tourist, now they go to Semporna, even they go to Kota Kinabalu* dia tidak makan di hotel, makan sikit saja, *I was mean to understand 85% occupancy of the*

*hotel yang ada saya tanya makan dekat mana restoran, restoran mana? Restoran yang ada link dengan Alipay.*

*I be repeating it the same kind things no transaction, no, itu yang kita punya currency di negara Malaysia is not stable because the used of ringgit is not there. So, saya ingat kalau boleh Kementerian Pelancongan satu sektor is the third biggest contributed to the nation, selain daripada minyak kerana ini merupakan perkara yang penting how do monetize this hasil daripada pelancong yang datang berjuta di kawasan saya lebih daripada 2000 satu minggu kadang-kadang. We have this year alone kita sudah ada 5 star hotel. Di Tambunan belum ada. Next, this year, kita sudah ada 5 star hotel, kita rancang dengan baik tapi manfaat dia kepada Sabah sudahlah China ambil menerusi Alipay Korea juga ambil dulu. Kita tahu di Korea ni kalau dia main golf dia main sini, pasal murah. Tapi, last year ke mana kepada Sabah. Sekarang pula Kerajaan Persekutuan yang dapat, you work hard, it doesn't benefit the Sabah in terms of resources sama ada cukai hotel, cukai SST hotel penerbangan MAS yang dapat, we dont have any line.*

Jadi, ini yang saya minta kepada Yang Berhormat supaya di mana ada bidang kuasa Kerajaan Negeri Dasar, *don't let them to have they own operator encourage them talk to the operator.* Yang ada makanlah di restoran, yang bukan bergantung dengan... *I know its convenient to bring green card, Alipay punya itu but can we ensure that you know at least some kind of return to the people on the ground there and particularly* untuk kerajaan Sabah untuk pastikan supaya sektor pelancongan ini, merupakan sektor yang boleh memberi manfaat kepada orang Sabah dan negeri Sabah. Saya berharap Dasar halusi di Kementerian *what is the policy. That end the day,* jangan hanya Kuala Lumpur punggut, jangan hanya apa nama pelancong-pelancong yang ada *they all benefit they* nanti tidak mahu hanya paparkan.

Contoh, saya bangkit dalam persoalan saya apa bentuk produk yang orang-orang kampung, yang mana usahawan yang boleh keluarkan samada kraf tangan, sama ada *t-shirt,* sama ada pakaian mungkin ada barang-barang yang mungkin tidak dapat diperolehi daripada negara mereka ini. Di antara persoalan, Datuk Speaker, yang saya tanya saya tunggu dia jawab cuma saya ini kadang-kadang sabar juga tapi terlampau sabar. Nanti dia cakap dah habis dah dia punya penggulungan, terima kasih banyak.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Saya nampak Yang Berhormat Menteri punya ucapan macam banyak lagi itu mungkin dalam ucapannya teks ucapannya..

**Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Liew Chin Jin @Christina Liew]:** So, memang... saya...

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** banyak lagi, biarlah Menteri sampai ucap ucapan dulu...

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh ADUN *another issue* lambat berhubung keadaan ketiadaan Pelan Komprehensif mengenai pengeluaran makanan. Saya ingin memberi keyakinan kepada Yang Berhormat daripada Lamag bahawa Kementerian saya melalui jabatan dan agensi di bawahnya memang mempunyai apa ini, perancangan dan Pelan Pembangunan Komprehensif selari dengan Pelan Strategik jabatan, agensi masing-masing. Ini juga di bawah pelan tersebut jabatan dan agensi telah mengenal pasti jenis pengeluaran makanan dan pelaksanaan pelbagai program melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pengeluaran yang optimum selaras...

**24/04/2024 - RAKAMAN 35 [3.40 PETANG - 3.50 PETANG] - [RUPIKA] - THEODORA J. - NORMA**

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ...dengan dasar keterjaminan makanan, pelbagai, sebagai tambahan kepada pertanyaan ADUN Sulabayan, Jabatan Pertanian menyediakan subsidi pembajakan... (suara bertindih)

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Yang Berhormat, sekejap, boleh *interrupt* sikit yang tadi? Saya cadangkan tadi itu.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Oh, yang tadi, okey. (suara bertindih).

**Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]:** Ah, Yang Berhormat, kalau kita *describe* makanan, dia *nothing's wrong* tahu kita *invest on* makan sebab bulan-bulan, tahun-tahun harga makanan naik ah. Dia tidak akan turun selagi manusia itu hidup, selagi itu harga makanan akan meningkat. Justeru itu, *it's hard time* lah untuk kita di Sabah, *that's why* kita minta perancangan yang lebih komprehensif contohnya, berapa ribu hektar kita perlu untuk jagung, untuk jagung dimakan, untuk jagung ternakan haiwan, untuk ubi kayu, untuk ubi manis.

Di hotel, kita minta ubi kayu tiga batang pun sudah 38 ringgit dengan kelapa sikit-sikit. Bayangkan, so kalau *that's why* saya kata *we go back to system contract farming* itu. Kalau satu rumah di kampung ada 20 pokok ubi kayu, senang saja ditanam buang saja dia tumbuh, *ndak* (tidak) payah baja. Kalau ini dapat kita laksanakan dan kita eksport *pigi* (pergi) Chinakah, *pigi* (pergi) Koreakah, *pigi* (pergi) Jepunkah. Ini akan mempertingkatkan ekonomi Kerajaan Negeri. Kita, saya tahu, kita ada 6.9 bilion pendapatan, gunakanlah sebahagian duit itu untuk Kementerian Pertanian, minta dengan Kerajaan Menteri Kewangan, jangan *bajet* kita *surplus* tapi rakyat menderita, biar kita defisit yang penting rakyat senang. Setujukah Yang Berhormat?

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Ya, saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Lamag. Ah, sebenarnya kita ini kaya, kaya dengan tanah dan orang kampung pun ada tanah, dia ada aset tetapi tiada hasil. Jadi kita perlu meyakinkan rakyat mungkin di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, minta data-data mengenai tanah ketua isi rumah di setiap mukim, setiap kampung dan kalau masih tidak ada tanaman ataupun terbiar saja, silakan minta dia orang majukan itu. Jabatan Pertanian...(suara bertindih).

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Ini Yang Berhormat kena buat polisi, minta pegawai-pegawai pertanian di seluruh kawasan jumpa itu orang-orang kampung, buat data...

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Ah ya, terima kasih. Dan kita akan cuba untuk memberikan benih-benih itu. Ini tanggungjawab kita dan memang saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Kalau di hotel pun berapa ketul sudah berapa ringgit. Jadi ini boleh memperkayakan orang kampung, orang kita untuk dikeluarkan daripada kelompok kemiskinan. Terima kasih.

Sebagai tambahan kepada apa ini pertanyaan ADUN daripada Sulabayan. Jabatan Pertanian juga menyediakan subsidi pembajakan sawah padi kepada semua pesawah berdaftar, mesti daftar dulu lah. Di samping itu, projek peningkatan hasil padi menyediakan insentif berbentuk input pertanian seperti baja dan racun...

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Tuan Speaker.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ...rumpai dan *pest control*. Bahagian penyelenggaraan parit jejari dan perkhidmatan dron ini masih kurangnya tapi akan diusahakan. Kita sudah mulai menggunakan dron untuk semburan baja foliar dan kawalan perosak serta penggunaan benih *High Yielding Variety* seperti TR8, sebagai contoh kita sudah menggunakan TR8 ini di Keningau, di Apin-apin dan kita berjaya untuk mengeluarkan hasil yang tertinggi setakat ini, iaitu 8.9 metrik tan satu hektar. *Average* di Sabah sekarang, tiga empat tan sahaja. Silakan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Speaker. Tadi ada disebut pasal saya pun ada pertanyaan, pasal rumpai laut *seaweed*, satu peluang yang baik untuk saya maklumkan bahawa *seaweed* ini merupakan satu tanaman di laut yang berimpak tinggi. Saya masih ingat lagi pada tahun 2000 sampai 23 zaman Tun Abdullah Badawi. *Seaweed* ini merupakan salah satu antara tanaman yang terkandung dalam M10 dan saya masih ingat lagi waktu itu, bajet begitu besar dibagi tak silap saya di

*park* di UMS, sebagai untuk membantu termasuk membuat kajian dan tidak dapat dinafikan, terutama di Semporna maka ramailah penanam-penanam rumpai laut ini di Semporna dan berjaya.

Dan sehingga hari ini agak berkurangan kerana ada dua perkara. Satu, harga komoditi ini murah dan yang kedua, mereka ada cabaran rumpai laut ini makanan penyu, penyu makan ah, jadi sehingga yalah mendatangkan, orang kata pendapatan mereka semakin menurun disebabkan satu masalah harga. Kadang-kadang dia orang jual ke Philipine, pasal tempatan murah dia beli. Ah, itu yang dulu ada cadangan supaya ada satu kilang ataupun industri untuk membeli rumpai laut ini.

Jadi yang terkini ini, oleh sebab keadaan harga itu murah dan cabaran penyu, tempat yang mereka dapat tol itu dia orang gunakan sebagai *homestay*, *homestay* pasal dia orang tempat tol ini sektor penanaman tadi dan juga perikanan. Jadi ada satu halangan daripada Kerajaan, bukan halanganlah pasal sudah menyalahi konsep tempat. Kalau dulu tanaman rumpai laut dan juga sangkar ikan. Jadi sekarang ini nampak oleh sebab permintaan banyak pasal *homestay*, mereka gunakan sebagai *homestay*. Jadi mungkin ada percanggahan ataupun tidak apa ini dapat kelulusan daripada pihak tempatan lah, ambil contoh. Jadi mereka cadangkan supaya kalau dijadikan satu *agrotourism*, pasal *diaorang* buat *homestay* dan digalakkan terus sama ada menternak ikan dan juga meneruskan tanaman rumpai laut ini.

Persoalan dia, adakah pihak kementerian boleh membantu dalam apa ini *agrotourism* ini, daripada rumpai laut ini? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Ya, terima kasih saranan daripada Ahli Senallang, Sulabayan (ketawa). Ya memang Semporna sebenarnya amat sesuai untuk ke penanaman rumpai laut, hanya kita kena lihat dia punya *sustainability*, dia punya apa ini sebab kecuali dia kita mempunyai *volume* yang cukup untuk di untuk membuka kilang, saya dengarlah kemungkinan tidak akan beruntunglah sebab itu kita kena ada pelabur yang mampu untuk menjadi apa ini tunjang kepada pengusaha-pengusaha yang kecil supaya boleh membantu dalam usaha yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]:** Cuma saya harap mendapat perhatian ya. Pasal saya rasa rumpai laut ini tentang dia punya maklumat ada di Kementerian Pertanian, cuma saya harap perkara ini dapat diambil perhatianlah. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Okey, terima kasih. Satu lagi untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Moyog tentang penurunan gerbang Kampung Tunoh, Penampang. Saya ingin memaklumkan bahawa kerja-kerja menurunkan gerbang di Kampung Tunoh perlu dilakukan memandangkan ia terlibat dengan jajaran parit bagi Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, yang penting sebenarnya awal-awal lagi JPK...

**24/04/2024 - RAKAMAN 36 [3:50 TENGAH HARI - 4:00 PETANG] – [GRACIA] – SITI JUBAIDAH – AZRIN**

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ...JKKK Kampung Tunoh Penampang telah dimaklumkan tentang tarikh cadangan penurunan gerbang ini dan JPS juga telah memaparkan notis berserta tarikh di kawasan sana dan untuk makluman Yang Berhormat, gerbang tersebut akan dibina semula setelah projek selesai. Jadi, tiada masalah.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Terima kasih atas penjelasan. Aduan ini saya terima daripada orang kampung dan juga JKKK di sana. Yang saya fahami tiadanya suatu perbincangan antara mereka. *And that is why* dalam soalan saya pada hari itu, saya apa ini *urge* Kementerian memberi nasihat kepada JPS untuk duduk bersama dengan JKK dan orang kampung sana untuk menjelaskan supaya dalam bahasa Kadazan “*atamis ngavi, atatamis dii boh. Au dii ahasu doiho*”. Tidak lagi panas.

*So, those people keep on sending me message, for me I try to raise it in DUN for that. Thank you.*



**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Okeylah. Nanti tolong bagi tahu *diorang*lah. Terima kasih. Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh DUN Darau. Kementerian saya telah melalui JPS pada ketika ini sedang melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rampayan, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu untuk mengatasi banjir di kampung-kampung di DUN Darau.

Namun, demikian pembinaan parit-parit saluran dalam projek tersebut tidak dapat disiapkan sepenuhnya disebabkan masalah setinggan yang terdapat di kawasan jajaran projek. Keadaan ini juga, telah menjejaskan fungsi parit-parit yang telah siap dan boleh mengakibatkan masalah banjir nanti.

Jadi, bagi mengatasi masalah ini, JPS akan menggunakan pendekatan penyiapan pembinaan secara berperingkat supaya kerja-kerja penyelenggaraan terhadap parit-parit yang telah siap ini dapat dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan. Saya mohon kerjasama dari Yang Berhormat Darau untuk mengadakan perbincangan dengan penduduk untuk membantu menyelesaikan masalah setinggan ini. Pengundi kau juga itu.

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah? Apa yang saya utarakan di dalam perbahasan saya pada tempoh hari adalah sistem perparitan di dalam kampung yang telah digazetkan, yang sudah lama wujud.

Bukannya di kampung yang ada setinggan. So, di dalam kampung itu ada yang sudah ada parit tapi saya rasa tidak memenuhi piawaian ataupun standard yang sepatutnya dan ada juga di kawasan kampung itu yang langsung tidak ada parit. Di mana air itu tidak boleh keluar ke sungai yang YB Menteri katakan tadi itu, itu di sebelah tempat projek sungai itu. Yang ini di kawasan lain tapi masih di Kampung Rampayan dan begitu juga di tempat-tempat lain seperti di Kampung Darau, Kampung Likas dan ada beberapa kampung lagi. Ianya tidak ada kena mengena dengan apa ini pembinaan Projek Tebatan Banjir. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Isu tidak mengikut piawaian itu nanti saya akan bincang dengan JPS lah, ya? Tetapi isu, isu setingan ini menghalang penyediaan projek sebab *diaorang* tidak pindah dan mereka sudah dibayar apa ini sugu hati tapi masih lagi tidak berpindah.

Ini mengganggu penyediaan projek dan penyelenggaraan. Jadi, mintalah Yang Berhormat bantu dari segi menangani setingan ini supaya kita boleh siapkan ini projek menyelenggarakannya dan ada lagi yang tiada parit kamu bilang itu boleh kita apa ini hantarkan apa ini permohonan mengenai itu.

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** YB Menteri. Dalam perbahasan saya, saya tidak sentuh langsung berkenaan dengan setingan.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Okey.

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Tapi ianya berkaitan dengan mungkin, mungkin selepas ini bila YB Menteri *Local Government* kita akan sentuh yang berkaitan. Ianya berkaitan.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Okey. Alright.

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Terima kasih. Untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh ADUN Dilantik Yang Berhormat Amisah masalah kerosakan terumbu karang akibat aktiviti bom ikan dan pencemaran alam sekitar. Kementerian saya melalui *Department of Fisheries* sentiasa aktif dalam membanteras pengeboman ikan dan melaksanakan pemuliharaan persekitaran terumbu dan menjalankan penguatkuasaan melalui beberapa siri operasi khas bagi membanteraskan penggunaan bahan letupan dalam aktiviti penangkapan ikan.

Sebagai contoh, jumlah aktiviti yang telah aktiviti operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan pada tahun 2021 hingga sekarang ini:

- (c) 2021 - 140
- (d) 2022 - 356
- (e) 2024 - 413.

Bererti aktiviti untuk menangani isu ini memang lebih intensif. Setiap kali. Setiap tahun dan setakat ini, jumlah kes yang ditangkap mempunyai apa ini selama pada tahun 2021, 28 kes. 23, 30. Sekarang, 57 kes.

Kes mahkamah tidak banyaklah sebab dia orang pandai lari juga ini. 2021, empat kes masuk mahkamah. 2023, lima dan 2023, tujuh.

Jadi, ini menunjukkan berapa seriusnya kita untuk menangani isu pengeboman ikan ini. Penangkapan ikan melalui letupan dan juga yang merosakkan kita punya terumbu.

Untuk menjawab pertanyaan ADUN Bongawan, sejumlah RM100 000 diperuntukkan kepada Jabatan Veterinar untuk Pemantauan Projek Burung Walit di seluruh Sabah dalam tahun ini. Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan aktiviti pembinaan Rumah Burung Walit baharu atau penyelenggaraannya tidak tersedia. Ini akan diusahakan sebaik sahaja Lembaga Burung Walit ditubuhkan.

Untuk makluman, Sabah mencatatkan data eksport sarang burung mentah keluar negara sebanyak 27 385 kilogram dengan nilai RM38.083 juta pada tahun lepas.

Industri burung walit telahpun dicadangkan oleh DVS pada tahun 2021 dan 2022 sebagai program membasmi kemiskinan penduduk luar bandar. Tetapi setelah melalui Program Basmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia tidak apa ini cadangan ini tidak disokong oleh Unit Perancang Ekonomi Persekutuan pada masa itu.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Harap pada masa ini, kita akan cuba lagi dan kita mungkin boleh mendapat respon yang positif. Untuk makluman, kita semua juga di Sabah walaupun kita mengeluarkan 70% daripada produk burung walit tetapi kita hanya ada satu lesen. Manakala, di Sarawak, ada lima dan di Semenanjung lebih daripada 300. Jadi, ini menunjukkan kita perlu menangani dan menguruskan industri burung walit kita sendiri di... di Sabah ini. Untuk mena...

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Usul.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Sebentar Yang Berhormat Menteri, ada usul daripada YB Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Ada usul.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Tetap 2 (1)(b) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan, Dewan ini tidak ditangguhkan sehingga semua urusan-urusan Dewan yang tertera dalam aturan urusan mesyuarat pada hari ini selesai ditimbang dan... dan diputuskan.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Ada yang menyokong?

**Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]:** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan seperti mana yang dicadangkan. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan bersetuju, yang tidak bersetuju, katakan tidak. Lebih suara yang bersetuju, usul disetujui. Teruskan YB Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Terima kasih, saya sambungkan. Untuk menjawab pertanyaan daripada ADUN Bugaya mengenai rancangan Kerajaan Negeri khusus untuk DUN Bugaya. Kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah sedang dan akan menjalankan pelbagai projek atau program untuk memperkukuhkan industri penternakan di DUN Bugaya.

Antaranya ialah Program Agihan Ternakan Ruminan di bawah inisiatif Projek Memperkasa Industri Ruminan Sabah, Projek Integrasi Ternakan di Bawah Kelapa Sawit dan Projek Ternakan Kambing Pedaging. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk peralatan, iaitu pagar elektrik. Wah! Pagar elektrik, dawai duri, garam mineral dan baja pastura. Setakat ini, seramai dua orang peserta dengan jumlah agihan sebanyak 60 ekor kambing telah menerima agihan ternakan pada tahun 2022 untuk daerah Semporna.

Selain itu, DVS Sabah turut mengadakan program agihan itik jantan secara percuma. Untuk makluman, seramai dua penternak ayam kampung dan satu penternak itik aktif di daerah Semporna. DVS juga akan mengadakan Kursus Industri Asas Ternakan yang akan memberi bimbingan dalam pembangunan industri hiliran berasaskan ternakan di Semporna pada 20 dan 21 Ogos, tahun 2024 ini.

Jabatan Perikanan Sabah juga membangunkan sektor perikanan di daerah Semporna termasuk DUN Bugaya melalui pelaksanaan program atau projek untuk rumpai laut yang disebutkan oleh Sulabayan tadi. *Aquaculture marine* dan air tawar, Transformasi Sosioekonomi Nelayan dan Penternak Miskin/Termiskin, Pembangunan Hiliran dan Pemuliharaan Sumber Perikanan.

Untuk menjawab pertanyaan daripada DUN Sri Tanjung mengenai status terkini Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau dan jangka masa tebatan banjir siap,

Kementerian saya melalui Jabatan Pengairan atau JPS melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau dan Lembangan Sungai Tawau Sabah (Fasa 1A) yang melibatkan dua pakej, iaitu Pakej 3 melibatkan kerja-kerja pembesaran muara sungai dan Pakej 4 melibatkan kerja-kerja menaik taraf jambatan Batu 2 Jalan Apas.

Pakej 3 ini telah pun siap sepenuhnya, namun terdapat pelbagai isu berkaitan di bawah Pakej 4 termasuklah isu perobohan struktur, kos pengalihan utiliti yang lebih tinggi berbanding anggaran terdahulu. Pemilikan tapak yang penuh di... yang perlu dianggarkan tidak akan dapat diselesaikan dalam masa singkat dan akan menyebabkan kontraktor berhak membuat tuntutan *loss and expense*.

Oleh itu, JPS telah bersetuju dengan permohonan pihak kontraktor untuk mengurang... pengurangan *scope of work* dan Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 7 Februari 2024. Bagi meneruskan kerja-kerja menaik taraf Jambatan Batu 2 Jalan Apas, JPS sedang dalam proses untuk membuat penilaian semula terhadap kos dan justifikasi baharu jambatan yang diberikan oleh JKR.

Mengenai saranan ADUN Tungku untuk mengadakan Program Integrasi Pertanian dan Perikanan di kawasan Tungku, Kementerian saya melalui Jabatan Perikanan Sabah telah pun melaksanakan inisiatif mewujudkan integrasi perikanan dan agropelancongan untuk pengusaha *aquaculture marine* di negeri Sabah. Program pengusaha ladang *aquaculture* melibatkan lima orang pengusaha telah berjaya menambah rangkaian aktiviti daripada ternakan kepada agropelancongan di mana sumber pendapatan dipelbagaikan melalui inap desa, restoran terapung dan pancing rekreasi. Mengenai saranan ADUN Tungku agar industri *aquaculture* dimodenkan seperti penggunaan sangkar.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Menteri, mohon mencelah...

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Sangkar terapung dan sangkar tenggelam di laut dan di daratan menggunakan teknologi yang tinggi, Jabatan Perikanan Sabah telah mengambil beberapa langkah untuk mentransformasikan sektor perikanan di Sabah. Di bawah sektor perikanan tangkap,

Kerajaan mempunyai program *Fishing Vessel Modernization*. Kapal nelayan dilengkapi dengan teknologi tinggi, iaitu *Intruder Intervention System Vessel Monitoring System* (iiVMS).

Bagi sektor *aquaculture* di bawah inisiatif ekonomi baharu... biru, Kementerian ini sedang mempelawa beberapa syarikat untuk melabur di Sabah atau menjadi peneraju bagi aktiviti ternakan ikan dalam sangkar di laut dalam atau *deep sea mariculture*. Ada juga saya jumpa beberapa, apa ini pelabur termasuk satu di Australia mengenai *mariculture* ini dan...

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Pencelahan YB Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Dalam pertimbangan.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Mohon penjelasan berkenaan dengan Rancangan Tebatan Banjir di Tawau. Okey, terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Datuk Menteri atas jawapan yang diberikan. Cuma saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan kerja untuk membuka ataupun melebarkan sungai dekat jambatan di Jalan Apas.

Jadi, tadi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri ialah kerja ini perlu dikaji semula. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atas apa sebab, mengapa kerja ini perlu dikaji semula? Kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mempunyai apa-apa kaedah untuk dalam masa jangka pendek untuk mengatasi ataupun menyelesaikan masalah banjir di Tawau? Sedangkan di Tawau, mereka orang Tawau mengharapkan projek ini untuk tidak ada banjir tapi sedangkan proj... kerja itu terpaksa untuk dikaji semula.

Jadi, adakah Kementerian mempunyai sebarang penyelesaian jangka pendek dan pertama, soalan pertama adalah mengapakah kerja yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri perlu dikaji semula? Terima kasih.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Boleh Yang Berhormat Menteri sekali jawab dengan dia? Saya tanya dulu lepas itu jawab sekalilah, bolehkah? Atau mahu jawab ini dulu?

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Jawab dululah.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Okey.

Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Jadi yang...

**24/04/2024 - RAKAMAN 38 [4:10 PETANG - 4:20 PETANG] - [NOREERA] - AZYATUL - NORMA**

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Apa ini, perlu dikaji semula disebabkan kos yang tidak menampung seperti anggaran awal disebabkan pemindahan, apa ini, perubahan jabatan itu tidak boleh di buat selagi utiliti yang ada di sana daripada jabatan-jabatan yang lain, seperti JKR dan SESB/SAB dan sebagainya belum diselesaikan. Mereka pun mengelak untuk membayar. Jadi, kalau kita masukkan dalam bajet pemindahan ini, sudah tentunya memerlukan satu bajet yang baru lah, itulah sebabnya, okey dan...

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Menteri, kalau tambah dengan kos pemindahan *tu*, dalam lingkungan berapa? Jumlah berapa untuk.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Mungkin kena buat BQ barulah, ya. Kena buat BQ barulah saya tidak tahu, apa.

Walau bagaimanapun, saya yakinkan Yang Berhormat, ini akan dibuat dan saya telah berbincang dengan JPS sebentar, sebelum ini, yang ini akan diusahakan dengan cepatlah. (Suara bertindih)



**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Bagi Datuk Menteri, cakap (tidak jelas) Datuk Menteri. (Suara bertindih)

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Dengan kalau ada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat mengenai tebatan banjir di sana, idea barukah begitu. Sila, sila bincang datang pejabat, saya alu-alukan.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Sedarkah, Datuk Menteri sebenarnya saya sebagai ADUN di Tawau, tidak dimasukkan dalam Jawatankuasa Bencana Peringkat Daerah. Jadi, adakah YB Menteri bersedia untuk masukkan saya dalam jawatankuasa tersebut.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Itu bukan urusan saya, tetapi saya akan memastikan Yang Berhormat mendapatkan maklumat yang tepatlah, untuk itu. Tekong.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sentuh mengenai Tungku, iaitu dalam perbahasan saya mengenai akuakultur dan sebenar intipati kepada ucapan saya itu Yang Berhormat Menteri sebenarnya, bila membaca kepada ucapan Dasar Kerajaan itu berkaitan dengan kementerian Yang Berhormat Menteri, kebanyakan langkah-langkah dan aktiviti itu ada bersifat tradisional. *Which is in my personal opinion,* sudah agak ketinggalan di belakangkan?

Kita asyik menyelesaikan masalah-masalah dan benda yang sama setiap tahun dan kita tahu tahun-tahun yang lepas pun *historynya* adalah benda itu memang sudah gagal. Tetapi, kita masih lagi mahu selesaikan benda yang sudah gagal. *Eventually,* kita tidak bergerak ke mana.

So, apa yang ada dalam fikiran saya Yang Berhormat Menteri adalah kita harus bergerak daripada pertanian tradisional kepada pertanian moden sebagai contoh, kita harus memikirkan bagaimana kita membuat *indoor farming* ataupun *urban farming* menggunakan teknologi IOT, menggunakan AI supaya tanah-tanah pun

boleh dijimatkan dan penggunaan tenaga buruh boleh dikurangkan dan kebergantungan kepada soal cuaca juga boleh di urus dengan baik.

Saya mahu bertanya sama ada kerajaan mempunyai perancangan ke arah itu, sebabnya saya ada satu contoh, saya kalau, saya tidak silap Farm Tokou, anak muda kita yang terlibat dalam, dalam pertanian menggunakan *hydroponic* dan saya nampak macam apa itu, aktiviti beliau berjaya dan kalau kita lihat di negara-negara lain sebagai contoh, padi pun ditanam di bangunan yang bertingkat-tingkat di kawasan tanah yang kecil.

Jadi, kalau kita asyik mahu menyelesaikan masalah pengairan dan saliran. Lepas itu, menyelesaikan masalah baja, apa semua. Saya ingat kementerian harus lihat perkara itulah sebab ini adalah *future industry. We are talking about food security* di sini dan *must be manageable accordingly*. Kalau kita masih lagi bergantung kepada benda-benda yang sama ini, saya ingat kita akan tetap bercakap apa, tahun depan begini juga, lima tahun akan datang begini juga, sepuluh tahun akan datang begini juga ini, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Sebentar, Yang Berhormat Menteri. Sebentar. Sebagai peringatan kecil kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan etika, kod etika berpakaian, baju *lounge suit* lengkap bertali leher. Saya ulangi baju *lounge suit* lengkap bertali leher. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Okey, terima kasih Datuk Speaker. *Interesting* kita punya apa ini cadangan. Memang pertanian ini perlu dimodenkan, seperti juga apa ini, industri-industri yang lain. Memandangkan perubahan teknologi, isu AI yang akan boleh dikatakan mengambil alih kebanyakan apa ini, tugas-tugas dan kerja-kerja manusia.

Walau bagaimanapun, untuk ini dapat dilakukan dan kita beralih kepada *digitalization* sepenuhnya, kita perlu data dan data ini belum lengkap lagi, walaupun di Jabatan Pertanian ini pun, saya masih tidak lengkaplah. Kita masih memerlukan

data-data untuk kita menggunakan teknologi terutama sekali untuk mengaplikasikan *Artificial Intelligence*.

Walau bagaimanapun, memang saya setuju dengan Yang Berhormat yang kita perlu memodenkan pengeluaran makanan kita dan tidak bergantung kepada sistem tradisional yang mana yang masa ini masih kita bergantung hanya pada masa ini oleh kerana kita mempunyai kawasan yang luas. Mungkin, dia punyai desakan itu masih tidak begitu apa ini, kuat. Tapi, haraplah kita akan dapat memodenkan seperti mana yang kita harapkan.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Tambahan.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Saya perlu habiskan ini dulu sebab kita tidak mempunyai masa.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Tambahan, Yang Berhormat Menteri, tambahan.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Saya habiskan dahulu. Okey. Dalam bagi menjawab pertanyaan ADUN Gum-Gum, tentang penyelenggaraan Sungai Memanjang bagi mengelakkan banjir di kampung-kampung berhampiran, Kementerian saya melalui JPS Sabah telah melaksanakan kerja penyelenggaraan Sungai Memanjang sekurang-kurangnya sekali setiap tahun melalui peruntukan persekutuan bagi mengurangkan risiko banjir.

Pada tahun ini, pelantikan kontraktor sebut, kontraktor secara sebut harga telah dibuat dan kerja-kerja penyelenggaraan akan dimulakan dalam jangka masa terdekat mungkin dalam bulan enam tahun ini. JPS Sabah akan mengemukakan cadangan kajian dan pelaksanaan projek ini di bawah RMK ke-13 bagi jajaran Sungai Memanjang untuk mengurangkan risiko banjir secara menyeluruh.

Bagi menjawab pertanyaan ADUN Balung tentang status terkini rancangan mencegah banjir di Sungai Kinabutan Kecil, Tawau,

**Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]:** Datuk Speaker, boleh minta laluan?

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** JPS telah melaksanakan Projek Rancangan Mencegah Banjir di Sungai Kinabutan.

**Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]:** Minta laluan, Datuk Speaker.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Bermula pada 5 Januari 2022 dan dijangka siap 4 Julai 2024.

**Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum] :** YB Menteri, boleh minta laluan.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Saya siapkan dulu sebab kita kasihan yang lain tidak dapat (kurang jelas).

**Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]:** Nanti lupa, nanti lupa pulakan.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Kejap, kejap ya.

Bagi menjawab, ya, saya sudah mengatakan Projek Kinabutan, Tawau ini telah dilaksanakan dan akan siap pada Julai 2024, tahun inilah. Skop utama projek ini ialah melebarkan dan mendalamkan menaiktarafkan Sungai Kinabutan Kecil sepanjang 420 meter, *reinforced concrete drain* dan 455 meter, *Armour Rock* untuk mempertahankan tebing. Status terkini projek ini ialah mendahului jadual sebanyak dua.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ...perpuluhan dua peratus. Bererti sepatutnya mengikut jadual ah.. kita sekarang siap 85.56% tetapi kerja yang ada sekarang ini mendahului dan telah mencapai 97.66%.

Bagi menjawab isu dibangkitkan oleh ADUN Balung mengenai peralihan kepada pembiakan ternakan. Kementerian saya melalui DVS Sabah telah membuat lima perancangan jangka masa panjang bagi mengurangkan kebergantungan import ternakan dari luar negara dan beralih kepada pembiakan tempatan. Perancangan tersebut meliputi usaha meningkatkan tahap sara diri bekalan daging segar selaras dengan Inisiatif Keselamatan Makanan Negara melalui Penternakan Lembu secara *Feed lot*.

DVS Sabah telah berkerjasama dengan sebuah syarikat berkaitan, berkaitan Kerajaan atau GLC bagi meningkatkan populasi ah.. daripada 14 ekor kepada 35 ribu, 14 ribu ekor kepada 35 ribu ekor pada tahun 2028.

Di samping itu, DVS memperkasakan Program Penternakan Integrasi yang melibatkan pengagihan 840 ekor pedaging lembu, 1,050 ekor kambing pedaging dan 320 ekor bebiri setiap tahun bermula tahun 2021 hingga tahun 2025. Dijangka kadar populasi ternakan akan meningkat daripada 30 ribu ekor kepada 90 ribu ekor menjelang 2030. Selain itu, program Lembah Tenusu Borneo menyumbang kepada 30% bekalan *ruminant* di seluruh Sabah yang menyokong kepada perolehan baka dan penternak tidak perlu lagi bergantung kepada perolehan baka daripada luar negara pada masa yang akan datang.

Pusat Bioteknologi DVS Keningau telah membekalkan sebanyak 2,833 *straw semen* pada tahun 2022 kepada GLC dan penternak tempatan untuk melaksanakan program-program Peranian Beradas atau *Artificial Insemination* bagi meningkatkan kecekapan pembiakan, memperbaiki genetik ternakan dan mencegah penyebaran penyakit. Baka-baka air mani lembu dan kambing yang dihasilkan ialah

ah.. *Pure Friesien* ataupun lembu tenusu, Wagyu lembu pedaging, *Cross Saanen* atau kambing tenusu dan *Cross Boer*, kambing pedaging.

Untuk menjawab pertanyaan ADUN Tanjung Aru dan ADUN Sungai Manila berkenaan penanaman padi di Trusan Sapi. Untuk makluman, bagi tempoh tahun 2021 sehingga 20, 2023 seramai 203 petani telah menanam padi sebanyak dua musim setiap tahun di Skim Penanaman Padi Trusan Sapi. Purata penanaman setiap tahun yang adalah lebih kurang 500 hektar yang mempunyai kemudahan pengairan dan saliran daripada jumlah keluasan yang ditanam hasil pengeluaran padi adalah 2,740 metrik tan bagi tempoh tiga tahun tersebut dengan purata pengeluaran sebanyak 2.24 metrik tan bagi tempoh sehektar bagi tempoh tersebut. Ini memang masih rendahlah.

Untuk menjawab pertanyaan ADUN Tanjung Aru dan ADUN Sungai Manila tentang usaha Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran padi Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian Sabah telah dan sedang meningkatkan penggunaan jentera serta automasi atau mekanisasi pada semua peringkat. Penanaman dan pengeluaran padi Kementerian melalui, Kementerian saya melalui JPS Sabah melaksanakan projek menaiktaraf sistem pengairan dan saliran bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi di Sabah. Jabatan Pertanian Sabah turut menjalankan penyelidikan atau *research and development* untuk membangunkan variasi padi sawah yang berhasil tinggi.

Di samping itu, penerapan pakej teknologi peningkatan hasil padi dan amalan pertanian terbaik pada para petani dilaksanakan bagi membantu peningkatan pengeluaran padi. Kerajaan negeri juga telah meluluskan ah.. penubuhan Lembaga Padi Sabah khusus untuk menangani penanaman dan pengeluaran padi mulai daripada tahun ini.

Kita cuba mengubah sikap penanaman padi daripada penanaman bagi tujuan keperluan sendiri. Seperti mana yang kita tahu sekarang ini diorang orang kita ada tanam padi kebanyakannya sekali setahun, ada yang mahu tanam padi dua kali tapi untuk makan sendiri.

Jadi kita kena ubah sikap mereka supaya penanaman padi itu adalah asas ekonomi dan mereka kena fikirkan secara komersial dan penanaman padi sekarang ini banyak itu sapan.. apa ini.. kami panggil binatang-binatang itu kalau kita mekanisasikan kita perlu buka apa ini.. sempadan-sempadan ini ban-ban ini supaya mesin boleh masuk dan yang ketiga mereka kena tanam variati baru dan jangan bergantung terus kepada variati lama yang tidak mempunyai hasil yang tinggi. Maka itu saya harap ini akan berlaku dan Tuan Speaker, panjang sudah. Jadi sebelum menga.. mengakhiri ucapan penggulungan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mencucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri..

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ..Kotobian Tadau..

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ..Tagayo do Kaamatan 2024..

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ..dan selamat menunaikan ibadah..

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ..Haji kepada ah.. yang akan melaksanakan ibadah haji.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri. Boleh *last* lagi? Tadi Gum-Gum pun ada mahu tanya. Boleh lagikah?

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Oh dia..

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Boleh?

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ..sudah mangkali *over taken by event* sudah dia. Biarlah itu ah? Nanti kalau ada ah.. yang masih gantung-gantung tuliskan atau datang di pejabat lah. Boleh? Saya sentiasa, saya jumpa siapa saja. *Okay?* Jangan ragu-ragu. Pembangkang kah apa asal wakil rakyat saya jumpa.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** *Last* satu saja Menteri, bolehkah? Saya mahu minta pandangan Yang Berhormat Menteri lah, sebab ah.. dalam Ucapan Dasar itu ada menyentuh soal Industri Getah di negeri Sabah.

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Industri apa?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Getah. Getah. *Rubber industry.*

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Oh okay.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** ah.. dan saya ingat ah.. sepanjang pengetahuan saya dan pembacaan saya mengenai Industri Getah di negeri Sabah ini. Dia tidak menunjukkan peningkatan dan adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai ataupun adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai rancangan di mana, mana-mana tanaman yang sudah rasanya sudah tidak menguntungkan kepada negeri ini, kita harus biarkan dia berlalu begitu sahaja?



Sebagai contoh, sebab macam getah ini kita sudah ada sinte.. *synthetic rubber*, kan? Getah ini dia punya kemuncak cuma masa selepas perang dunia kedua, selepas itu dia semakin menurun tetapi kita masih lagi berbelanja benda yang sama terhadap industri ini. Apa padangan Menteri?

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** Okay memang ah.. betul ah.. kita kena fikirkan tentang pembangunan industri getah hiliran. Sekarang ini kita hanya bergantung kepada ah.. apa ini.. pengeluaran getah mentah tapi untuk itu kita telah memberi ah.. saranan kepada pengeluar-pengeluar getah supaya kita jual susu bukan *scrap* dan ini satu ah.. dan kita menjemput ah.. pelabur-pelabur untuk datang melabur sebab dia pelabur ini akan lebih kepada susu getah. Terpulang kepada pelabur apa yang dia...

**24/04/2024 - RAKAMAN 40 [4:30 PETANG - 4:40 PETANG] – [JEVY CHARLYN] - MOHELENA – NUR FATIN**

**Timbalan Ketua Menteri I/Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:** ... tentang susu getah itu dan ah, kita juga terbuka untuk mendapatkan idea-idea baharulah, kalau Yang Berhormat ada cadangan baharu, nanti saya alu-alukan.

*Alright*, sebelum ah, mengakhiri, sudah saya ucapkan ah, Selamat Hari Raya dan sebagainya, saya akhiri dengan satu pantun.

Hari-hari perlu makan,  
Jangan pula lupa bersukan;  
Usaha keterjaminan makanan diamanahkan,  
Rakyat tidak pernah dilupakan

(kedengaran tepukan meja)

Dari Kota Belud ke Tambunan,  
Singgah sebentar di Kota Marudu;  
Keterjaminan makanan diutamakan,  
Semoga sektor pertanian kita terus maju.

(kedengaran tepukan meja)

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya.

Datuk Speaker, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Esa. Dengan izin dan limpah rahmat-Nya, saya berpeluang menyampaikan ucapan penggulungan bagi Kementerian saya di Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah di atas Ucapan Dasar sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Sabah Sidang Yang ke-16 pada 18 April 2024.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas kejayaan dan usaha Kerajaan Negeri melipatgandakan usaha bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat di tahun 2024 yang sangat penting ini. Pelbagai inisiatif dan program berimpak tinggi dirancang dan dilaksanakan.

Terima kasih pada semua Ahli Yang Berhormat kerana mengutarakan pelbagai isu, pandangan dan cadangan kepada Kementerian saya yang bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Sabah. Saya bersama-sama Pembantu-pembantu Menteri, Setiausaha Tetap dan semua pegawai-pegawai di Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan Hala Tuju Sabah Maju Jaya dan matlamat pembangunan mampan berkaitan dengan Kementerian saya dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Datuk Speaker, Kementerian saya pada tahun ini terus memberikan tumpuan terhadap penggubalan dan pindaan terhadap beberapa undang-undang sedia ada. Antaranya, ialah pertama, Pindaan Ordinan Perancang Bandar dan Desa Bab 141. Kedua, Pindaan Housing Development (Control and Licensing) Rules 2008. Ketiga, Penggubalan Building Management Enactment. Keempat, Penggubalan UUK, Uniform, Hotel, Lodging and Short Term Accommodation *by laws*. Kelima, mewujudkan Peraturan-Peraturan Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2020. Selaras dengan ini, terdapat sebelas peraturan yang akan disemak. Empat daripadanya telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negeri. Keenam, menyediakan beberapa garis panduan sebagai rujukan Pihak Berkuasa Tempatan seperti Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar, Garis Panduan Pengurusan Anjing Terbiar, Garis Panduan Pengurusan PPR Negeri Sabah. Pendekatan ini adalah selaras dengan komitmen Kementerian saya untuk memberikan perkhidmatan berkesan pada masyarakat.

Datuk Speaker, Kementerian saya turut memberikan fokus terhadap pengukuhan integriti di semua 25 Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi di bawah Kementerian. Kejayaan semua PBT dan agensi di bawah Kementerian menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) pada tahun 2023 diteruskan dengan menasaskan kepada usaha mendapatkan pengiktirafan Anti-Bribery Management System (OABMS) di Kementerian saya dan lima PBT terpilih selepas Perbandaran, Majlis Perbandaran Sandakan yang telah berjaya mendapat persijilan tersebut pada tahun 2023. PBT tersebut ialah Majlis Daerah Lahad Datu, Majlis Daerah Tuaran, Majlis Daerah Kinabatangan, Majlis Daerah Beaufort dan Majlis Daerah Putatan. Usaha ini sebagai pemangkin kepada peningkatan kualiti perkhidmatan yang lebih terus unggul dan dipercayai.

Datuk Speaker, pada tahun 2024 ini, Kementerian saya meneruskan pelbagai usaha implementasi pendigitalan dalam perkhidmatan. Selaras dengan Hala Tuju Sabah Maju Jaya kerjasama antara Kementerian saya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Persekutuan (KPKT) bagi pembangunan e-PBT di Pihak Berkuasa Tempatan Sabah diteruskan.

Selain itu, terdapat beberapa program pendigitalan yang sedang dirancang, iaitu yang pertama mewujudkan aplikasi Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar.

Kedua, penambahbaikan sistem maklumat setinggan negeri Sabah. Ketiga, mewujudkan Sistem Inventori Pokok dan keempat mendigitalkan perkhidmatan pengurusan perumahan swasta dan Mahkamah Anak Negeri.

Kementerian saya juga telah merancang untuk melaksanakan beberapa program dan pendekatan baharu pada tahun 2024. Ia selaras dengan usaha untuk meningkatkan dan memperkukuhkan kecemerlangan perkhidmatan-perkhidmatan. Ini termasuklah pertama, memantapkan penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Sabah. Kedua, penyediaan awal *blueprint* Bandar Pintar Negeri Sabah dan Pelan Tindakan Bandar Pintar 2023-2025 yang melibatkan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan lima PBT di bawah selian KKTP, iaitu Majlis Perbandaran Tawau, Majlis Perbandaran Sandakan, Majlis Daerah Lahad Datu, Majlis Daerah Penampang dan Majlis Daerah Tuaran. Ketiga, penyediaan pekeliling khas untuk pentadbiran dan pengurusan sumber manusia Pihak Berkuasa Tempatan seperti kenaikan pangkat kumpulan pengurusan dan profesional dalam perkhidmatan awam PBT Sabah, pemilikan dan pengisytiharan harta oleh pegawai dan pekerja PBT dan program penempatan silang pegawai PBT Sabah.

Datuk Speaker, izinkan saya menyentuh isu-isu dan menjawab pertanyaan yang ditujukan kepada Kementerian ini. Kementerian saya mengambil maklum berkenaan dengan bantuan penempatan bagi mangsa kebakaran di Kampung Bangau-Bangau, Semporna seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Bugaya.

Untuk makluman, Yang Berhormat ADUN Bugaya, jumlah keluarga warganegara yang terlibat pada kebakaran pada tahun 2017 ini adalah seramai 104 keluarga. Buat masa ini, mereka telah ditempatkan di Pusat Penempatan Transit mangsa kebakaran di koloni Bangau-Bangau. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM8.25 juta untuk menyusun dan menempatkan mangsa-mangsa kebakaran ini di tempat yang sesuai. Perancangan ini sedang ...

**24/04/2024 - RAKAMAN 41 [4.40 PETANG - 4.50 PETANG] – [ADRIAN] – NADIA – NORMA**

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** ...dalam tindakan pelaksanaan. Walau

bagaimanapun, beberapa perkara berkaitan dengan penetapan lokasi bersesuaian perlu dimuktamadkan terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan lanjut diambil oleh pihak Pejabat Daerah Semporna dan agensi-agensi berkaitan dalam perkara ini. Kementerian saya bersifat terbuka untuk mana-mana mangsa kebakaran ini menduduki PPR Bubul Ria. Bagi mana-mana mangsa kebakaran yang telah menduduki PPR, tidak ada tindakan untuk mengeluarkan mereka daripada menduduki PPR tersebut.

**Tuan Haji Jamil bin Haji Hamzah [Bugaya]:** Dengan izin, Yang Berhormat boleh minta laluan? Berkaitan dengan Kampung Bangau-Bangau sebelum beralih ke topik yang lain. Yang Berhormat Menteri, saya mohon juga kalau ada masalah memandangkan saya sendiri sudah melawat ke kawasan tempat transit mereka itu, keadaannya begitu menyedihkan kerana kalau kita lihat dia orang tinggal di rumah kayu yang pakai apa *ni plywood* dan tempat *dorang* buang najis pun tidak teratur dan kalau kita lihat masuk saja kita pergi dalam kita sudah tercium bau dia sudah. Belum masuk pergi dalam rumah lagi *tu*. Jadi bayangkan yang dia orang tidur di sana makan, di sana ya. Jadi saya rasa perlu juga kita percepatkan memandangkan ada rancangan Kerajaan. Mungkin ini satu perkara yang baik tapi bilakah akan dapat diselesaikan?

Dan satu lagi Yang Berhormat Menteri, saya juga menerima aduan dengan di Kampung Bangau-Bangau ini. Mereka tidak dapat memasang meter elektrik dan saya sudah bertanya kepada bahagian SESB dan SESB maklumkan mereka ini dikategorikan sebagai setingan. Bagaimana Kampung Bangau-Bangau ini dikategorikan sebagai setingan sedangkan ada Ketua Kampung dan ada gazet sebagai kampung. Macam mana tidak boleh dipasangkan meter. Jadi ini respon daripada SESB mereka mengatakan ini arahan daripada *local government* yang mengisytiharkan mereka ini sebagai setingan maka disebabkan itu mereka tidak boleh memasang meter elektrik di Kampung Bangau-Bangau. Mohon dapat Datuk Menteri dapat membantu penduduk di Bangau-Bangau agar mereka ini boleh memasang meter dan seterusnya dapat juga membantu mereka di sana. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Terima kasih daripada ADUN Bugaya.

Sebagai maklumat masalah sebenarnya ialah tentang kesesuaian lokasi yang *permanent* bagi mereka untuk ditempatkan. *As i mentioned earlier*, sebelum ini masalah dia ada yang mahu di Kampung Tinagayan, ada yang tidak mahu di Kampung Tinagayan. So, masih berkemelut tentang *where is actual location for them*. Itu yang pertama dan bagi mereka yang untuk pemasangan meter elektrik kemungkinan *because they are not in the permanent housing area*. Itu yang mungkin *difficult*. *That one I am not very sure. All right?*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak atas keprihatinan Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini. Sebenarnya perkara ini dah lama ada. Sebelum saya jadi Ketua Menteri pun. Kebakaran ini selepas itu saya bagi peruntukan daripada Kuala Lumpur ya masa saya menteri. Lepas itu tidak jadi pasal Kerajaan Negeri waktu itu alasan yang disebutkan tadi itulah. Tidak ada bersesuaian untuk memberikan rumah PPRT di kawasan itu. Malahan sebelum itu ada kebakaran berlaku sebelum itu. Saya juga bagi peruntukan tapi tidak dibina, ya. Tapi lepas yang ini dia disahkan supaya tidak sesuai kawasan ini. Saya masih ingat asyik kenapa tidak sesuai. Asal mereka kampung daripada ini orang laut, ya. Bajau laut. Jadi bila dia di situ mahu dipindah ke Tinagayan dan saya nyatakan *why do you separate the family*. Apakah tujuan dia sedang pun saya tahu kawasan tanah itu ada yang mahu minat untuk jual tanah itu dan untung sikit tanah itu digunakan untuk penempatan mangsa-mangsa di situ. Saya ingat kalau dapat Yang Berhormat Menteri saya minta kerjasamalah ya saya ingat. Pasal kawasan itu ada tapak dia pun. *They have their own* tapak di situ. Memang ada sedia ada. Saya pun tidak bagi peruntukan untuk mereka membina ada oranglah pula ada minta supaya Datuk Seri bagi *la* peruntukan sedikit untuk buat rumah *for other people*. *I said no no no. Must this is main for those people* yang dalam kontena tu. *It cannot be* dan saya ingat kalau satu-satu saya buat, saya berpandangan bahawa tidak sesuai *you go by just a peace mail* satu orang, dua orang tiga orang peruntukan bukan banyak. Waktu itu saya jadi pembangkang pun. Jadi bukan ada peruntukan. Jadi bila saya jadi Ketua Menteri, saya bagi peruntukan yang disebutkan Yang Berhormat. Terima kasih banyak Yang Berhormat telah mencari. Jadi kalau dapat saya minta kerjasama supaya perkara ini kita tegaskan. *After all*, saya yakin bahawa orang itu kalau kita bina di situ, *they will accept it. I don't care who the contractor*. Yang Berhormat pilihlah kontraktor yang bersesuaian yang penting orang kampung dapat rumah.

Pasal kasihan *diaorang*. Sudah bertahun-tahun keadaan tidur di kontena tu. *Please*. Terima kasih banyak.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** *Thank you* Yang Berhormat Senallang. Masalah yang ditimbulkan ataupun *the way* dia diterangkan kepada kami *is because location they are not very sure about the location where to put them*. Kalau saya tidak silap, satu lagi perancangan di peringkat pejabat daerah adalah *to relocate them* di Kampung Melanta Tutu *but i was made to understand that this area, there's no infrastructure such as road, electricity, water and so on. So how can we just to push this people to stay but i am willing to sit down together with* Yang Berhormat and also di Pejabat Daerah Semporna *to try and tackle and see how to solve the problem. No problem. I am always open to that*. Terima kasih.

Tuan Speaker, Yang Berhormat ADUN Pantai Manis membangkitkan isu berkaitan dengan penyewaan PPR melebihi sepuluh tahun dan notis penamatan yang telah dikeluarkan di PPR Taman Sri Segindai dan PPR Taman Kinarut Ria. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Pantai Manis dan sidang Dewan yang mulia ini, pihak Majlis Daerah Papar belum ada mengeluarkan arahan untuk mengosongkan rumah bagi penyewa yang melebihi tempoh sepuluh tahun.

Berkenaan dengan notis penamatan atau pengosongan unit, pihak Majlis Daerah Papar telah mengeluarkan satu notis penamatan atau pengosongan di PPR Taman Sri Segindai dan sepuluh notis di PPR Taman Kinarut Ria. Kesemua notis ini telah dikeluarkan pada tahun 2023. Notis penamatan dan pengosongan dikeluarkan atas sebab pelanggaran syarat penyewaan.

Datuk Speaker, ADUN Pantai Manis juga membangkitkan isu mengenai usaha pihak LPPB memantau skim sewa atas sewa yang salah dari segi undang-undang. Untuk makluman, pihak LPPB telah mengambil langkah pemantauan kegiatan sewa atas sewa ini melalui tindakan pemeriksaan secara mengejut oleh *task force*. Ini termasuklah menjalankan temu duga dari rumah ke rumah pada waktu siang atau pada atau malam secara berkala pada setiap tahun. Kegiatan sewa atas sewa ini melanggar syarat perjanjian penyewaan rumah. Setelah mengenal pasti pelaku sewa atas sewa, tindakan diambil dengan menghantar surat tarik balik rumah dan

notis penguncian. Sekiranya perlu, tindakan undang-undang turut akan diambil untuk mengeluarkan penyewa sekiranya mereka enggan memberi kerjasama untuk mengosongkan rumah.

Yang Berhormat ADUN Pantai Manis juga turut menyarankan agar pembinaan projek PPR lebih giat...

**24/04/2024 - RAKAMAN 42 [4:50 TENGAH HARI - 5:00 PETANG] - [ARINA] - TERESA – AZRIN**

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** ...dilaksanakan di Papar. Khususnya di Pantai Manis. Sebagai makluman, pihak Majlis Daerah Papar dalam proses mengemukakan permohonan membina PPR baharu di kawasan Pantai Manis Papar untuk dimasukkan ke dalam Rancangan RMK ke-13. Ini setelah mengambil kira syarat permohonan pembinaan PPR, iaitu mestilah tanah Kerajaan atau agensi Kerajaan. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh ADUN Kadamaian, mengenai perancangan Kerajaan memodenkan pengurusan sisa pepejal di Kayu Madang, saya ingin maklumkan bahawa buat masa ini terdapat beberapa pihak yang berminat untuk membina *waste to energy* di Kota Kinabalu. Bagi menggantikan tapak pelupusan konvensional sedia ada di Kayu Madang. Walau bagaimanapun, pihak DBKK perlu mengkaji cadangan tersebut sebelum dikemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Untuk makluman, Kementerian saya sedang meneliti beberapa alternatif kaedah pengurusan sisa pepejal di beberapa daerah. Pelbagai pihak juga telah mengemukakan cadangan-cadangan. Antara aspek pertimbangan ialah kesesuaian kaedah yang digunakan serta kadar bayaran masuk atau *tipping fee* yang dikenakan perlu dinilai mengikut kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada masa yang terdekat ini, Kementerian akan memperkenalkan kaedah pengurusan sisa pepejal terkumpul dengan kaedah *pyrolysis* secara percubaan, iaitu di Majlis Perbandaran Sandakan dan Majlis Daerah Papar. Ini selaras dengan Dasar Kebangsaan yang menumpukan kepada peralihan pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran.



Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Sulabayan ada menimbulk isu sampah sarap masih tinggi di daerah Semporna walaupun Enakmen Pengurusan Sisa Pepejal dan pembersihan awam telah ada. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Sulabayan, Kementerian saya melalui Majlis Daerah Semporna telah mengambil beberapa langkah pembersihan termasuk di kawasan penempatan berhampiran perairan Semporna. Beberapa aktiviti kebersihan seperti pertandingan kampung bersih dan gotong-royong perdana dalam kawasan tersebut sedang dirancang untuk dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar, Pejabat Daerah Semporna, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan penduduk setempat. Kempen Kebersihan Peringkat Daerah akan diadakan menjelang Mei 2024.

Datuk Speaker, kementerian saya menghargai cadangan yang diberikan oleh ADUN Dilantik Yang Berhormat Datuk Amisah Yassin untuk penambahbaikan pengurusan sisa pepejal di PBT. Sebagai makluman, di bawah Undang-undang Kecil Anti Sampah-Sarap Seragam 2010, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengenakan kompaun antara RM30 hingga RM500. Kementerian saya menerima baik cadangan Yang Berhormat Datuk Amisah yang mana mengenakan kompaun maksimum sebagai *deterrent* kepada mereka yang membuang sampah.

Walau bagaimanapun, perkara ini perlu dikaji terlebih dahulu kesesuaiannya agar tidak membebankan rakyat. Manakala cadangan melaksanakan kerja-kerja sosial ianya turut perlu dikaji agar tidak menyalahi atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang sedia ada. Cadangan penambahan pemasangan kamera CCTV untuk tujuan pemantauan serta penugasan pegawai-pegawai tidak berpakaian seragam untuk menyamar, meronda dan memantau dari semasa ke semasa merupakan cadangan yang baik dan akan dibincangkan di peringkat Kementerian.

Yang Berhormat ADUN Sungai Manila mengutarakan cadangan untuk menaik taraf pusat pelupusan sampah berteknologi tinggi seperti dengan kaedah *incinerator* di bandar Kota Kinabalu dan bandar-bandar lain. Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Sungai Manila, Kementerian saya sedang menimbang beberapa cadangan dengan menggunakan pelbagai kaedah. Buat masa ini terdapat dua tapak *sanitary landfill level 4* dengan kos operasi yang lebih efektif, iaitu tapak pelupusan Bukit Gemok, Tawau dan pelupusan Sook Keningau. Sebuah tapak *sanitary landfill* juga

sedang dalam perancangan untuk dibangunkan di kawasan Beaufort, Kimanis, Papar di bawah biayaan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Kemabong membangkitkan isu berkenaan dengan penambahan beberapa orang Ketua Anak Negeri dan Wakil Ketua Anak Negeri di Tenom. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah DUN N43 Kemabong terdapat 5 Ketua Anak Negeri atau KAN 18 orang Wakil Ketua Anak Negeri. Setakat ini belum ada cadangan penambahan kuota di kawasan ini memandangkan jumlah yang sedia ada adalah mencukupi untuk membolehkan Mahkamah Anak Negeri Kemabong beroperasi dan melaksanakan fungsi sepenuhnya. Namun demikian, Kementerian saya melalui Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah akan mengkaji semula keperluan untuk penambahan kuota terutamanya bagi kawasan yang mempunyai statistik Mahkamah Anak Negeri yang tinggi.

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Tuan Speaker. Memang benar. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri merangkap Menteri Kementerian Perumahan bahawa 5 Ketua Anak Negeri, 18 orang Wakil Ketua Anak Negeri. Sebelum ini memang kita lihat mencukupilah, 5 tahun sebelum. Tapi di akhir-akhir ini nampaknya tidak mencukupi. Jadi Ketua Daerah maklumkan kepada saya bahawa jumlah Ahli Mahkamah itu tidak mencukupi kerana orang-orang Murut ini hanya menggunakan Mahkamah Anak Negeri. Tidak akan menggunakan mahkamah-mahkamah lain sebab adat resam itu. Adat istiadat itu masih tebal kepada orang-orang kami, orang-orang Murut ini. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kemabong. Sebagai makluman juga, bukan sahaja di Kemabong tapi kebanyakan juga kawasan-kawasan yang menggunakan hanya Mahkamah Anak Negeri sebagai penyelesaian masalah mereka itu. Memang ramai dan saya faham juga Ketua Anak Negeri dan WKAN tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, sekarang ini kita tidak boleh meningkatkan kuota sembarangan sebelum mengkaji jumlah kes-kes yang mereka kendalikan. Kita kena lihat...

**Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]:** Tapi saya ada cadangan lah. Mungkin ada beberapa daerah dia kurang menggunakan Mahkamah Anak Negeri, bolehkah

daripada daerah itu dipindahkan ke tempat yang menggunakan adat istiadat?  
Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Kita akan ambil cadangan itu. Kita memperhalusinya. Okey. Yang Berhormat Darau, namun agar perlantikan Ketua Kampung di Kampung Likas Lama, Kampung Bahagia, Kampung Selamat disegerakan. Kementerian saya mengambil maklum perkara ini dan setakat ini syor pelantikan masih dalam proses tindakan jawatankuasa tapisan adat di peringkat daerah untuk dimuktamadkan sebelum syor perlantikan dikemukakan dan diproses di Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Setelah diproses oleh Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri selesai, ianya akan diangkat kepada Kementerian saya untuk pengeluaran surat lantikan. So, sabar dululah. Bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat DUN Kemabong mengenai pembaikan Dewan Sri Ontoros...

**24/04/2024 - RAKAMAN 43 [5:00 PETANG - 5:10 PETANG] - [NELLY] - THEODORA J. - NUR FATIN**

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** ... Kementerian saya akan mengemukakan permohonan Peruntukan Khas S27 ke Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan dewan tersebut. Ini kerana Peruntukan Perbekalan Negeri S39 di bawah kawalan Kementerian saya adalah sangat terhad dan telah diagih-agihkan kepada semua PBT di seluruh Sabah bagi tahun 2024.

Bagi menjawab pertanyaan ADUN Liawan mengenai usaha mewujudkan lorong berbasikal khas di Daerah Keningau. Majlis Daerah Keningau sedang dalam proses penyediaan kajian induk landskap bagi keseluruhan daerah. Dalam kajian tersebut, antara cadangan adalah menyediakan lorong pejalan kaki dan basikal sekitar bandar Keningau. Penyediaan kajian tersebut adalah dibawah biayaan Jabatan Landskap Negara dan dijangka akan siap dalam tahun ini. Pihak Majlis akan mengemukakan cadangan laluan pejalan kaki dan berbasikal kepada Kerajaan setelah kajian tersebut siap dan diterima pakai.

Yang Berhormat Adun Kukusan menyarankan agar pihak Majlis Perbandaran Tawau melaksanakan kerja-kerja pembersihan berkala dan membuka fasiliti bola sepak dan gelanggang tennis di kawasan yang dikelilingi setinggian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kukusan dan Dewan yang mulia ini, Majlis Perbandaran Tawau mempunyai jadual penyelenggaraan dan pembersihan di kawasan padang bola sepak dan gelanggang tenis yang di maksudkan. Sampah dikutip setiap hari di kawasan tersebut. Sebagai tambahan, kawasan ini sentiasa dibuka untuk tempahan umum.

Yang Berhormat Adun Kukusan turut menyatakan mengenai adanya keengganan pemaju menyerahkan kawasan awam kepada PBT sehingga timbul masalah penyelenggaraan. Yang Berhormat Adun Kukusan turut meminta agar Kerajaan mengemaskini dasar penyerahan kawasan awam daripada pemaju kepada PBT.

Untuk makluman Yang Berhormat Adun Kukusan dan makluman Dewan yang mulia ini, tiada sebarang rekod di kawasan DUN Dewan Undangan Kukusan, dimana pihak pemaju enggan menyerahkan kawasan awam kepada Majlis Perbandaran Tawau. Lazimnya, pemaju adalah diwajibkan untuk menyerah kawasan awam kepada PBT selaras dengan syarat kebenaran merancang yang dikeluarkan oleh PBT. Sebelum penyerahan, pihak pemaju mempunyai tanggungan atau liabiliti keatas infrastruktur yang dibangunkan selama setahun daripada tarikh sijil menduduki dikeluarkan.

Selanjutnya, Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab untuk memastikan infrastruktur itu berada dalam keadaan baik sebelum ianya diterima daripada pemaju. Sebagai makluman tambahan, pihak Kementerian juga dalam proses mengemaskini Town And Country Planning Ordinance Chapter 141 dan Local Government Ordinance bagi memberi kuasa kepada PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil alih pengurusan kawasan awam ini termasuk kuasa untuk membuat pengambilan tanah berkenaan kawasan awam tersebut. Pindaan perundangan ini dijangka disiapkan pada penghujung tahun ini dan akan dibentang di sidang selepas memperolehi kelulusan Kabinet dan Jabatan Peguam Besar Negeri.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat ADUN Pantai Manis berkaitan dengan Jeti Nelayan, Pantai Manis. Saya difahamkan bahawa projek ini belum siap sepenuhnya

dan belum sedia untuk diserahkan oleh Pejabat Daerah Papar sebagai pelaksana projek kepada Majlis Daerah Papar. Jeti Nelayan Pantai Manis ini tidak dapat diserahkan kepada para nelayan disebabkan terdapat fasiliti yang belum tersedia seperti stor penyimpanan barang nelayan. Apabila jeti ini siap sepenuhnya, dia akan diserahkan kepada Majlis Daerah Papar untuk kegunaan para nelayan.

Mengenai yang dikemukakan ADUN Sekong berkenaan dengan jumlah perkampungan di DUN Sekong, sukacita dimaklumkan bahawa terdapat enam buah kampung di DUN Sekong yang telah digazet sebagai kampung berstatus Anak Negeri. Kampung tersebut adalah Kampung Gas, Kampung Suan Lamba, Kampung Bongaya, Bongaya Baru, Kampung Datu Nahalan Lupak Meluas, Kampung Pulau Timbang, dan Kampung Bambang. Datuk Speaker...

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** YB Menteri, mohon mencelah. Terima kasih Tuan Speaker, Terima kasih YB Menteri. YB Menteri, pertanyaan saya kelmarin ialah dalam tempoh empat tahun kerana kampung yang YB Menteri sebutkan itu adalah kampung yang telah digazet sebelum ini. Jadi saya perlu dapatkan data sekiranya adanya Kampung Anak Negeri yang digazetkan di kawasan Sekong dalam tempoh empat tahun ini. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Untuk makluman, Yang Berhormat ada satu lagi perkampungan yang kita akan gazetkan *the final stage*. Saya lupa apa kampung dia but yes, memang ada satu. Okey, kalau mahu nama kampung dia *you have to... I will give you in writing*lah, bolehkah? Boleh ya. Terima kasih.

Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Sekong mengenai projek pembinaan 100 buah rumah kediaman untuk mangsa kebakaran di Kampung Gas perkara ini sedang dalam proses perolehan tender di Majlis Perbandaran Sandakan. Perkara ini kemudian akan dibawa ke Mesyuarat Utusan Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah yang diselia oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah.

Berkenaan dengan isu kawasan lapang Sabindo yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Sri Tanjong, dan untuk menjawab teguran Yang Berhormat berkenaan dengan isu soalan belum dijawab sehingga sekarang yang dikemukakan

semasa sidang DUN Disember 2021. Sebenarnya, jawapan soalan ini telah dihantar secara bertulis pada hari yang sama yakni pada 8 Disember 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, tanah yang dimaksudkan adalah merujuk kepada tanah milik Kerajaan Negeri dan bukannya berstatus tanah lapang. Tanah tersebut telah dipohon dan diluluskan kepada Majlis Perbandaran Tawau dan nombor geran Town List 107543975 bagi tujuan kegunaan komersial. Tanah tersebut tidak memerlukan penukaran Zon Guna Tanah, justeru notis awam adalah tidak perlu dilaksanakan.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjung]:** *Thank you* Datuk Speaker, terima kasih atas jawapan Datuk Menteri, cuma saya ingin meminta penjelasan daripada Datuk Menteri berkenaan tanah ini didaftar sebagai Town List sejak bila? Sebab usaha sama antara MPT dan pemaju adalah pada tahun 2004. Jadi sama ada semasa usaha sama ini berlaku, tanah tersebut telah pun menjadi TL ataupun Town List sebab mengikut sebab proses mahkamah untuk mengambil tindakan terhadap pemaju pada waktu itu perintah daripada *judge* adalah tanah ini adalah tanah *open space* dan perlu dikosongkan, jadi saya minta penjelasan sama ada tanah ini didaftar sebagai Town List adalah sejak bila?

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Datuk Speaker, ini soalan *which is I don't have the date at the moment, but* kita akan bagi secara bertulis, boleh Yang Berhormat?

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjung]: Sebab Datuk Menteri, dalam ucapan saya kelmarin saya bertanya kepada pihak Kementerian, bilakah? berikan saya tarikh, bilakah notis awam itu didirikan di *site* ataupun...

**24/04/2024 - RAKAMAN 44 [5:10 PETANG – 5:20 PETANG] – [HASTRINA] – SITI JUBAIDAH - NORMA**

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjung]:** Di paparkan dalam iklan melalui surat khabar. Jadi jawapan Datuk Menteri ialah tidak perlu di zonkan, kan dan tidak perlu dinaikkan notis awam sebab sudah menjadi *town list*. Saya cuma ingin *update*

sedikitlah kepada Datuk Menteri sebab pernah melalui proses mahkamah tentang kes ini, di mana tanah ini adalah *open space* mengikut perintah *judge* ar, bukan saya yang cakap, tetap *judge* yang cakap. Jadi ini memang sebenarnya pada tahun 2004 sebelum usaha sama berlaku. Memang *open space*.

Jadi jawapan yang diberikan Datuk Menteri itu adalah selepas, selepas usaha sama itu berlaku, dan kedua saya ingin minta penjelasan lagi daripada Datuk Menteri, sama ada PBT, MPT sebagai satu entiti Kerajaan boleh buat *business dealing* sedangkan MPT ini bukan sendirian berhad. Dia bukan macam DBKK dia ada satu DBKK Holding Sdn. Bhd. Jadi saya ingin minta penjelasan sama ada MPT sebagai satu entiti Kerajaan boleh ada bisnes dengan mana-mana pemaju. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** *If i hear, i heard correctly.* Pertanyaan Yang Berhormat tadi adalah, bilakah *town list* ataupun geran *town list* ini dikeluarkan. *For that, date i don't have the exact date* bila. *Alright.* Setahu saya sebenarnya Majlis Perbandaran Tawau dan pemaju telah membuat satu *agreement to develop that area since 1996.* *Okay,* dan 2005 projek *take or* ataupun berjalan. Namun, *after that* ada pemberhentian daripada Kementerian disebabkan isu-isu dan seterusnya ada proses mahkamah-mahkamah dan 2019 yang terakhir sekali saya difahamkan Pejabat Peguam Besar atau AG's Chamber telah mengatakan bahawa kes ini sudah selesai. *Alright. All side of that,* mungkin kita boleh berbincang dengan lebih lanjut lagi, *we can give it, you can always come my office and see how, how to menyelesaikannya.*

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Ya Datuk Menteri. *Just want more on that.* Arr..adakah tanah ini sekarang dimiliki oleh Kerajaan Sabah ataupun dimiliki oleh MPT. Sekiranya ya, sedangkan bangunan ini sudah terbengkalai begitu lama. Jadi soalan saya kepada Datuk Menteri sama ada Kerajaan ataupun MPT bersedia merobohkan bangunan terbengkalai ini?

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Yang Berhormat, *if I listen to carefully yeah going point to point and if we go on like this* kita tidak akan habiskan masa di sini.

(suara bertindih)

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Datuk Menteri, *you can always, you can always give me answer in writing.*

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** *Okey the best things is, we sit down together, i give you can get the answer in writing* (suara bertindih tidak jelas)

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Sri Tanjong. *You bring up new arguments* dalam pencelahan *you cannot* berhujah sudah.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** No, because i need..

**Tuan Speaker:** *You can only raise point that has little bit answered, but..*

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Ya, Datuk Menteri saya minta penjelasan sahaja dari Datuk Menteri...

(suara bertindih)

**Tuan Speaker:** *You add new point i think you not allowed.*

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** La... berdasarkan isu yang sama Datuk. Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** *Tidak, tidak you asking about when it was converted into the towns list, now you are asking whether the government is willing to demolish it or not. It two different issue. If it answered, you will stand up and ask another issue.*

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Ya, *i welcome to Datuk Menteri give me answer in writing.*

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *Meanwhile Datuk Speaker. Can just said thank you Datu Speaker, thank you Datuk Menteri. Ini pun saya tidak sempat*



membawa dalam ucapan saya tapi saya minta *Minister* menjawab dalam *writing*. Saya telah, saya ingin membawa kepada perhatian kembali bahawa pada Mei tahun lepas Menteri telah mengumumkan bahawa, *occupation certificate* tidak payah lagi dikeluarkan oleh majlis. Tetapi oleh *consultant, professional consultant* dengan senarai-senarai *guidelines*.

Saya telah menerima aduan di taman daripada pembeli Taman Pertama Mahandoi Penampang bahawa mereka telah diberikan OC pada 22 Disember 2023, dan unit yang mereka telah beli tidak mengikuti apa ini, *design* dan juga *quality* yang dijanjikan dalam jual beli. *So, they are wondering, why was the OC issue by the Majlis Daerah... or as that become dual standard, iaitu professional boleh issue certificate of the completion, or at same time Majlis Daerah can also issue occupation certificate. So, kalau tiada jawapan, you don't have details maybe you can give me in writing. Terima kasih.*

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Yang Berhormat Moyog, *you can seeing me anytime. Sebab is not in the speech. Saya ingat i don't have to answer that.*

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Tanjong Aru, telah membangkitkan isu berkenaan dengan dua kawasan lapang di Taman Austral, yang menurut beliau, telah di zonkan semula kepada *low density* yang bercanggah dengan Pelan Tempatan Kota Kinabalu.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjong Aru, melalui Pelan Tempatan Kota Kinabalu tahun 2020. Tapak ini telah dizonkan sebagai *residential low density*. Ini telah diluluskan oleh lembaga pusat untuk memberi kebenaran kepada DBKK untuk menukarkan zon selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 19 Disember 2012. Berkenaan dengan penggantian kawasan lapang tersebut, tidak timbul soal penggantian memandangkan kawasan lapang di Taman Austral telah memenuhi keperluan syarat 10% penyediaan kawasan lapang. Berhubung isu *caveat* di atas tanah-tanah tersebut. Kedua-dua.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Datuk Menteri. (suara bertindih)

**Tuan Speaker:** Bagi dia habis cakap dululah, baru *you* celah. Dia belum habis jawab *you* punya isu, *you* mahu tanya sudah balik.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** *Caveat* telah di tarik balik dan sekarang bebas daripada sebarang sekatan.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Datuk Menteri. Arr, *if the land* tadi *you* ada sebut bahawa Taman Austral Park memang sudah ada mematuhi 10% itu *open space* diakan. *Originally* for Taman Austral *that to piece was the 10%. Originally*lah. *But now has ready been....I remember when we went for this KK draft plan then arr, KK draft plan ada consultation* punya ma..kan. Betulkan menteri.

Bila kita pergi dia ada zon bahawa adalah *open space*lah. *But now it has ready been turn got that answer from 2017, it has ready been turn into low density. Low density arealah. But then that's had been zone as a open space for Taman Austral. But now you said* sudah mematuhi 10% tu. So, bolehkah Datuk Menteri bagi itu *detail*lah mana 10% tanah itu. *Because there was originally the open space for Taman Austral, so now they rezone it to low density area and they must be a 10%. If they is ready one can* Menteri *give us a detail*lah. Terima kasih datuk Speaker. Thank you.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** *We can give it in writing.* Boleh ya, terima kasih. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Kukusan berkenaan dengan penempatan setinggan di kawasan pesisiran sungai dan *aerodrome*. Kawasan yang dimaksudkan adalah termasuk dalam kawasan *aerodrome reserved*. Pada masa ini kawasan tersebut terlibat dalam perancangan pembangunan yang diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah atau UPEN.

Apabila kawasan tersebut dibangunkan kelak pihak Kerajaan sudah pasti akan mengambil kira sewajarnya perancangan penempatan para penduduk setinggan tersebut. Manakala soalan berkaitan dengan kajian semula Pelan Tempatan Sri Tanjong yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Kukusan...

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Kajian Semula Pelan Tempatan Sri Tanjong adalah selama dua tahun yang mana bermula pada tahun 2022 dan akan siap pada September 2024. Setelah kajian ini siap sepenuhnya, Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah akan mengemukakan ke Majlis Perbandaran Tawau untuk dipertimbangkan.. untuk dipertimbangkan. Ini adalah sebagaimana kehendak Seksyen 6(5) Ordinan Perancang Bandar dan Desa, Bab 141.

Setelah dipertimbang dan diterima pakai, Majlis Perbandaran Tawau akan mengadakan seranta awam sepertimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 7, Ordinan Perancang Bandar dan Desa Sabah, Bab 141. Seranta awam ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada orang awam untuk memeriksa dan memahami kandungan pelan tempatan tersebut. Ianya juga membolehkan orang awam yang terkesan untuk mengemukakan pandangan dan bantahan terhadap perkara-perkara yang dicadangkan dalam pelan tempatan berkenaan.

Setelah diproses Seranta Awam ini dilaksanakan, semua bantahan dan pandangan akan dipertimbangkan semula dalam Jawatankuasa Pendengaran Awam di Majlis Perbandaran Tawau. Ini bagi memastikan cadangan draf Pelan Tempatan Sri Tanjong memenuhi hasrat dan pandangan masyarakat umum. ADUN Dilantik Yang Berhormat Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan telah membangkitkan isu berkaitan setinggan bandar, yang menurutnya tidak ada perancangan khusus dan strategik.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Dilantik, Jemaah Menteri Negeri Sabah telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Induk Menangani Ehwat Setinggan yang saya sendiri pengerusikan. Strategi dan pelan tindakan telah dirangka dan diatur untuk menangani perihal setinggan di Sabah. Jawatankuasa Ehwat Setinggan telah menetapkan sejumlah 285 koloni setinggan di Negeri Sabah sebagai *lock figure*.

Satu gerak kerja Perancangan dan Pengurusan Setinggan di Negeri Sabah telah disediakan. Strategi tersebut adalah yang pertama, penggazetan kawasan setinggan yang sesuai sebagai perkampungan. Yang kedua, penempatan semula setinggan

melalui tawaran lot-lot atau tapak-tapak atau unit rumah yang sesuai. Ketiga, pembinaan rumah mampu milik dan rumah kos rendah secara *in situ*. Keempat, *Land swap* untuk tanah hak milik yang terlibat dengan setinggan dan yang kelima, pengusiran di atas tanah hak milik persendirian adalah menjadi tanggungjawab pemilik tanah itu sendiri.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri, Tanjong Aru ada nak mencelah sedikit.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Sikit. Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Datuk Menteri.

**Tuan Speaker:** *No new issue ya.*

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Ya, ini isu setingganlah. Bila Datuk Menteri sebut setinggan ini, baru-baru ini kita pernah nampak lah bahawa berita itu, apa ini, Pulau Gaya itu dipanggil sebagai setinggan. So, saya ada cadang dalam perbahasan saya bahawa Pulau Gaya, saya cadanglah kalau boleh, Pulau Gaya, Kampung Lobong, Kampung Lok Urai, Kampung Kasuapan dan Kampung Pulau Gaya digazetlah, diwartakan sebagai perkampungan. Ada kampung sudah di... digazet itu sebagai kampung dalam Pulau Gaya. Ada itu satu kampung sudah diwartakan, yang *the rest* masih lagi dalam proseslah. So, saya mintalah pandangan daripada Datuk Menteri. Terima kasih.

Ada satu lagi Datuk Menteri, *sorry* ya. Saya ada bawa dalam saya punya perbahasan pun, saya ada minta penjelasan daripada Kementerian Datuk Menteri untuk tentang projek terbengkalailah. Kalau, kalau.

**Tuan Speaker:** Dia belum sampai lagi itu.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Belum sampai mungkin. Okey, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** *We'll take note of that, okay? We'll take note.* Kesemua agensi yang berkaitan seperti Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa

Tempatan, agensi penguatkuasa dan beberapa agensi teknikal terlibat dalam gerak kerja pengurusan setinggian ini. Ini disebabkan fokus perancangan ini bukan setakat menyediakan tapak pemindahan, ia turut melibatkan perancangan penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur di kawasan yang terpilih bersesuaian.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Balung mengutarakan cadangan mewujudkan Pekan Baharu di Apas Balung. Pihak Kementerian mengambil perhatian di atas saranan Yang Berhormat ADUN Balung tersebut. Pihak LPPB akan mengambil tindakan termasuk mengadakan lawatan tapak bagi mengenal pasti tapak cadangan pekan baharu berkenaan. Yang Berhormat ADUN Nabawan membangkitkan perkara mengenai.

**Datuk Mokran Inggat [Sungai Manila]:** Speaker.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Pekan Baharu Pagalungan.

**Datuk Mokran Inggat [Sungai Manila]:** Mahu tanya. Dalam perbahasan saya kelmarin juga, saya ada buat cadangan untuk ini pekan baharu juga di kawasan Majlis Perbandaran Sandakan, ada tak dalam pertimbangan Kementerian?

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Nanti saya jawab. Pelan Cadangan Pekan Baharu Pagalungan. *Sorry* ini usul ini. Yang Berhormat ADUN Nabawan membangkitkan perkara mengenai Pekan Baharu Pagalungan. Kementerian saya melalui pihak Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah telah menyediakan Pelan Cadangan Pekan Baharu Pagalungan berkeluasan 560 ekar. Ini menjadi panduan kepada jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk melaksanakan program pembangunan masing-masing di tapak yang telah diperuntukkan di dalam pelan cadangan tersebut.

Pembangunan Pekan Baharu ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kelulusan peruntukan di dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia. Oleh itu, agak sukar untuk menetapkan tempoh pelaksanaan pembangunannya

kerana setiap jabatan atau agensi kerajaan yang diperuntukkan tapak perlu memohon peruntukan bagi pelaksanaan program masing-masing.

Pihak LPPB telah melaksanakan beberapa kerja infrastruktur asas di pekan baharu ini pada tahun 2011, 2012 dan 2015. Kerja-kerja infrastruktur ini akan disambung semula pada tahun 2025 berdasarkan kepada kelulusan peruntukan di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12. Pihak LPPB akan memohon semula peruntukan bagi meneruskan pelaksanaan projek ini dalam RMK ke-13 yang akan datang.

Datuk Speaker, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu, cadangan dan pandangan yang melibatkan Kementerian saya. Kementerian saya akan meneliti segala cadangan dan pandangan berkenaan. Bagi persoalan yang tidak sempat dijawab atau dijelaskan, Kementerian saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Kalau ada juga jawapan yang mungkin Yang Berhormat fikir berkaitan dengan Kementerian saya, boleh juga kamu mengutarakan balik ke Kementerian supaya kita boleh jawab *even* di luar.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Ya, Datuk.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Dewan Undangan.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Tidak apalah Datuk. Sudah mau *close* sudah, kan? Datuk Menteri, nanti kita jumpalah. Nanti saya jumpa *you* di *officelah*, boleh ya? Tentang itu projek terbengkalailah. Sebenarnya itu boleh di... diatasi *bah*, boleh di mengenai itu daripada Kementerian Datuk Menteri itu. Kita jumpalah nantilah saya buat *appointment* nanti. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Boleh jumpa bila-bila saja. Waktu pejabatlah. Tuan Speaker, sebagai mengakhiri Ucapan Penggugungan saya pada hari ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, selamat... selamat menyambat... menyambut Hari Pekerja pada 1 hari bulan Mei.

**Timbalan Ketua Menteri II/Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Empat dan *Kotobian Tadau Kaamatan*. Datuk Speaker, dan kata-kata itu saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sampai tersasul-sasul dia terlampau lama berdiri menjawab. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk membuat penggulungan. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Datuk Speaker, pertamanya saya ingin menyatakan syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah rahmat-Nya, persidangan kita yang bermula pada 18 April berlangsung dengan keadaan baik dan lancar. Kini, Datuk Speaker, izinkan saya menyampaikan penggulungan bagi pihak Kementerian Kewangan.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua sahabat Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan sepanjang persidangan Dewan Undangan Negeri. Termasuk isu-isu, pandangan, saranan serta teguran berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Semua isu-isu yang penting telah disuarakan, dikupas dan ditekankan di Dewan yang mulia ini akan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya demi untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Secara peribadi, saya mengamalkan hati yang terbuka, memandang dan melihat setiap teguran itu sama ada baik atau tidak sebagai sesuatu yang memperbaiki prestasi saya sebagai seorang Ahli Jemaah Menteri.

Datuk Speaker, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senallang, Kerajaan Negeri akan sentiasa berkerjasama dengan pelbagai agensi untuk meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut;

Pertama, Kementerian Kewangan akan memudah cara penerokaan hasil baharu yang dilaksanakan oleh kementerian, jabatan atau agensi lain seperti karbon kredit, yuran konservasi dan lain-lain lagi.

Yang kedua, Kementerian Kewangan sentiasa meneroka dan mengkaji untuk mengenakan cukai baharu bagi memperluaskan produk dan skop cukai jualan negeri. Untuk makluman, setakat ini terdapat lapan produk yang dikenakan cukai yang mana dua daripadanya baru saja diperkenalkan pada 1 April 2024 yang lalu, iaitu pasir silika dan juga *biomass* kelapa sawit atau biojisim dalam bahasa Melayu, ya. Yang dibawa keluar daripada negeri Sabah dan anggaran kutipan CGM berjumlah 12 juta ringgit setahun.

Yang ketiga, Kerajaan Negeri akan mengkaji semula dan menambah baik kontrak perjanjian ordinan mengenai kadar royalti yang dikenakan, seperti yang saya maklumkan sebelum ini, mengenai royalti emas 5% kita berhasrat dalam kajian untuk meningkatkan royalti kepada 10% serta dikenakan, dikenakan kaedah serta dikenakan apabila emas tersebut dilebur dan bukan semasa dijual. Ini saya ingat kita ambil kira juga bagaimana royalti balak itu dikenakan, royalti balak ini dikenakan royalti semasa di apa itu, *dicop* royalti dia. Sama ada dia jual atau tidak, itu urusan dia.

Jadi, kita sedang mencari jalan bagaimana royalti yang sama juga dikutip semasa atau semasa emas itu dilebur dan bukan apabila dia berjaya menjual emas tersebut. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, kadar royalti emas akan meningkat dua kali ganda. Di samping itu, cukai jualan negeri juga dicadang dikenakan kepada emas yang dibawa keluar daripada negeri Sabah.

Yang keempat, Kementerian Kewangan akan menambah baik pengurusan dan operasi syarikat milik Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun untuk meningkatkan keuntungan dan seterusnya, dapat membayar dividen dan sumbangan yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

Dan yang kelima, Kerajaan Negeri akan membuat semakan semula ke atas kadar perkhidmatan perlesenan, selaras dengan penambahbaikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan



meneruskan rundingan bersama Kerajaan Persekutuan berkenaan pemberian khas di bawah bahagian empat, jadual kesepuluh Perlembagaan Persekutuan serta pemberian-pemberian lain yang berhak dituntut oleh Sabah.

Di kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada semua pegawai pengawal di kementerian atau Jabatan Kerajaan Negeri untuk memastikan pelaksanaan Pekeliling Kementerian Kewangan Bilangan 1/2022 bagi menambah baik pengurusan, pungutan hasil Kerajaan Negeri Sabah dan memperkenalkan operasi pengutipan hasil yang lebih efisien serta memastikan ketirisan hasil dapat disifarkan.

Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Lamag dan juga daripada Ahli Yang Berhormat daripada Elopura. Sabah Development Bank...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Secara agresif sedang dalam masa menstruktur.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri, ada pencelaan daripada Senallang.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Ya, tadi saya tunggu sehingga dia habis persoalan GLC tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri tentang apa yang telah diutarakan. Cuma, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat sama ada langkah-langkah ketirisan ataupun pengurangan perbelanjaan, tadi ada disebut hasil perlu ditingkatkan dan juga kepelbagaian untuk dividen dapat ditingkatkan.

Adakah pihak Kementerian untuk memastikan mengurangkan *cost operating expenditure* GLC yang ada, ya. Bukan setakat dari segi *allowance*, *allowances* bayar Lembaga-lembaga Pengarah. Tapi, setakat itu saya dapati bahawa penggunaan kewangan untuk ke luar negara, kadang-kadang itu ramai bukan satu orang dan ini yang kadang-kadang menjejaskan seperti Yang Berhormat nyatakan, dividen tak dapat. *Why? Because operating expenditure is very high, you know.* Lawatan,

program yang ada, *where are the/either* program itu penting atau tidak, *related* atau tidak dengan GLC itu. Itu satu bab.

Jadi, saya ingat kalau dapat ya, perkara ini juga dilihat dan saya, keduanya, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri Kewangan juga mengambil langkah tentang bagaimana hasil negara kita. Tadi GLC. Itu GLC Sabah, Kerajaan, Kerajaan Sabah punya. GLC pusat dan syarikat-syarikat daripada Kuala Lumpur, IOI, Felda, semuanya mereka ini berdaftar di Kuala Lumpur. *So, collection of tax is done* in KL. Kalau kita lihat dari segi Yang Berhormat Datuk Speaker saya nak jelaskan sikit, supaya pertanyaan ini sama ada langkah perlu dilakukan.

Tahun 2003, *almost* empat bilion *collection taxes*, yang ini di peringkat negeri. *Tax that we contribute to Federal Government*. Lepas itu, kalau kita lihat daripada sudut dia meningkat 2002, 2003 enam bilion, 2022 enam bilion, 2007, 2023 tujuh bilion. Itu *state collection*. Kalau saya lihat anak-anak syarikat GLC daripada pusat, *almost all in all about 17 billion*. Itu yang macam 40% saya sebutkan bila saya bangkitkan perkara itu. Ini membabitkan syarikat-syarikat yang berdaftar, mungkin adakah pihak Kementerian untuk memastikan, *insist. Because they are doing jobs here in Sabah, but tax are collected there in KL. They are profiting in Sabah, but tax are collected there.*

*So*, ini yang saya minta. Macam contoh, kalau hotel *tourism* dapat, kita juga *charge*. Saya ingat dulu setiap satu kepala, satu bilik itu, sepuluh ringgit kita kenakan. *For foreigner*. Jadi, itu kita boleh kenakan *but* itu untuk *tourism*.

Tapi, adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah masa depan supaya kita tingkatkan. *I want you to have money to spend for the people in Sabah and the Sabah*. Terima kasih banyak.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih, Yang Berhormat Senallang. Sebenarnya, mengenai GLC ini, dia ada satu, saya akan baca kemudian apa langkah-langkah yang kita akan ambil untuk memperbaiki prestasi dan buat GLC. Tapi, buat sementara waktu, untuk makluman Yang Berhormat daripada Senallang, Kabinet Kerajaan Negeri dalam mesyuaratnya satu bulan yang lepas, telah pun memutuskan bahawa semua lawatan ke luar negeri, ya.

All Lembaga Pengarah dan juga semua cadangan pelaburan hendaklah terlebih dahulu dibentangkan dan mendapat kelulusan daripada Kabinet. Ya, itu salah satu daripada usaha kita untuk *always* memastikan sebarang apa ini, perjalanan itu betul-betul *justified* dan sebarang pelaburan.

**24/04/2024 - RAKAMAN 47 [5.40 PETANG - 5.50 PETANG] – [FARHANNA] – RAMENAH – NORMA**

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** ...baru itu betul-betul kita telah mengambil semua aspek sama ada perlu berhenti sesuatu yang akan membawa hasil atau sebagainya.

Kedua, bagi persoalan kedua itu, itu lebih kita masukkan dalam tuntutan kita di bawah *hearing 2/5* atau 40%, iaitu cukai pendapatan. Cukai pendapatan syarikat ni ada dua. Satu yang diisytiharkan di Sabah. Saya bercakap pasal syarikat daripada Semenanjung ya dan satu yang diisytiharkan di Semenanjung. Jadi yang diisytiharkan di Sabah itu tiada masalah kerana kita boleh dapat tiga fakta dia dan sebagainya. Tapi yang mengisytiharkan di Semenanjung itu kita tidak ada dapat hasil kerana kebanyakannya adalah GLC atau sorry *public listed company* yang mana ibu pejabatnya di KL. Jadi kita sedikit mendapat ada kekangan untuk mendapatkannya tapi itu sekarang kita pantau dan sedang dikutip data-data yang sesuai. Ya. Saya teruskan.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk Menteri, *just* sedikit saya tidak juga sempat membawa ni dalam ucapan tetapi *if you can give me a written answer that would be good. There was a deficit* dengan pembayaran dividen *as reported* oleh GLC. *A few GLC. So* adakah *liabilities and performance* dengan setiap GLC ini telah dilaksanakan supaya ada report kepada Kementerian dan saya ingin tanya berapa banyakkah telah menerima GLC ini telah menerima dari kerajaan *extended guarantees of comfort letters in lieu of enabling the rising of funds* oleh GLC ini? *Did you all give them comfort letters? Support letters.* Thank you.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Ya, setiap pembayaran dividen ini sebenarnya berpandukan kepada prestasi kewangan yang telah ditunjukkan oleh syarikat dan kebiasaannya syarikat yang rugi ini tidak akan

membayar dividen dan kita ada rekod mereka yang mendapat mempunyai prestasi yang baik dan yang barangkali kurang baiklah dan kita hanya pastikan yang ada dividen itu membayar dividen. Tapi kadang-kadang bila kita bercakap pasal dividen *ni*, misal katalah dia ibu syarikat atau *holding company*. Kadang-kadang anak syarikat dia buat untung dan dia hantar balik kepada syarikat induk tapi kadang syarikat induk itu tinggi perbelanjaannya jadi apa yang dapat dikutip untuk bayar dividen itu lebih kurang adalah kurang daripada sebenarnya keuntungan yang disumbang oleh anak-anak syarikat. Ya. Dan...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *Question is did you, for those yang ingin to raise funds ataupun dia capital.*

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Ya. Yang kedua ya.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [ Moyog]:** *And your bonds and something like that.*

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Ya. *We seldom issue of comfort letterslah sudah sampai biasanya begitu kita try dalam masa satu atau dua tahun if they are stringent recognitions that if they are strong enough and commercially buy able then they should be able to risk their own fund. That is the idea* pasal Kerajaan Negeri sendiri tidak mahu melalui *recapitalize* atau *inject new fund* dari *company*.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Yang Berhormat Menteri terima kasih banyak. Datuk Speaker, sebenarnya dalam perbahasan saya bila saya tanya tentang hasil juga dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat satu bukan hanya hasil ketirisan. Dari pelbagai sudut saya ingat masa dulu mungkin Yang Berhormat pun maklum tentang perkara ini kita letakkan kita punya duit di Sabah Development Bank dan di situ dividen ada. *Fix* deposit saya ingat masa dulu saya letak hampir lima bilion kalau saya tidak silap atau pun ada *sinking fund* satu bilion di situ dan bila saya lihat keadaan itu, adakah pihak Kementerian Kewangan satu bab dari segi ketirisan dia? Dengan *performing loans* yang agak jumlah dia besar dan saya bahaskan di peringkat Parlimen waktu itu dan saya telah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua dan dia

minta saya ingat kalau boleh Yang Berhormat pun minta bantuan bagaimana untuk memastikan supaya *non-performing loan* syarikat-syarikat yang tak bayar daripada *loan* yang kita bagi pinjaman. Dahulu saya ingat perkara ini kalau kita lihat *there was about more than* berapa bilion tu. Ada yang sampai 10 tahun, ada yang sampai agak lama dan ini satu hasil khaza i *mean* duit kita tapi di Johor tu 500 juta saya hantar peguam minta supaya dia bawa ke mahkamah kalau tidak bayar *but they promised they said the moment they promised to give back the loan* yang ada bayaran ansuran-ansuran tidak jadi masalah.

Adakah pihak kementerian memastikan supaya *non-performing loan* yang ada ni yang boleh menjejaskan GLC seperti Sabah Development Bank kerana di Sabah Development Bank merupakan satu *out fit* yang banyak ketirisan di situ itu. Saya bimbang sangat. Ya. Terima kasih banyak. Terima kasih.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** (Mic tidak on) terima kasih... *restructuring* ya dan di antara langkah dalam *restructuring* tersebut ialah mengubah semua Ahli Lembaga Pengarah dia dan menempatkan yang baru yang tidak ramai tetapi *are professionals* dan kedua ialah menubuh satu jawatankuasa khas khusus untuk mengurus hutang lapuk ni. Saya setuju. Hutang lapuk ni cukup banyak ya. Nasiblah jantung saya ni masih sihat. Terus terang saya katakan dia ini kerja ni bukan sesuatu yang boleh tidur tapi kita merasa terpanggil kerana ini milik Sabah. Dan Insya-Allah Yang Berhormat daripada Senallang kita akan buat apa sahaja untuk memastikan semua hutang lapuk itu dapat dikembalikan dan kita sudah menunjukkan tanda-tanda orang bayar balik. *Why? Because we play tough* dan selalu saya buat *joke* dalam Dewan ni *we act like an ahlomg in the real* hampir macam tu kitalah *hire* seorang yang *reputation* dia di *market* memang orang bilang digerunilah jadi setakat *ni* hasilnya cukup baiklah tapi dia akan mengambil masa yang lama kerana seperti kata Yang Berhormat tadi selaku bekas Menteri Kewangan jumlah hutang lapuk ni terlalu banyak *and that is sad for me* dengan izin Tuan Speaker, apa ni dia bagi saya sebagai seorang sahabat ya. Bila kita bercakap tentang Sabah Development Bank ni.

Cukup mengharukan perjalanan aktivitinya dan dia betul-betul tidak mencerminkan apa sebenarnya hasrat kita untuk menjadikan bank *tu* bank yang akan membantu kita untuk membangun Negeri Sabah. Tetapi saya rasa tidak terlalu belum terlambat.

Yes dengan izin *we have to go through a lot of hardship but* insya-Allah Datuk Speaker, Ahli Yang Berhormat daripada Senallang, *we will succeed*. Ya dan harapan kita ialah mana ada kawan-kawan kita yang berhutang itu tolonglah maklumkan mereka hutang bayar balik ya dan hutang dia bukan alang-alang. 60% daripada hutang lapuk itu di Semenanjung.

Hutang yang dipinjamkan kepada syarikat-syarikat di Semenanjung bukan pun untuk orang Sabah. *And that is tough*. Jumlah dia bukan sedikit. Ratus juta itu kira macam bagus sudah tu. Ratus puluh juta itu kira bagus sudah. Ini ratus juta jadi *i want to tell you* ini Sabah Development Bank *I'll make it* sebab itu orang kata hampir macam bagi saya tugas yang penting apa orang kata tanggungjawab yang berat yang saya akan pikulkan untuk pastikan kita dapat mengembalikan kecemerlangan Sabah Development Bank inilah.

Insya-Allah dan saya tadi saya ulang ya bagi menjawab Tuan Speaker, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Lamag dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Elopura. Sabah development bank secara agresif sedang dalam usaha menstruktur dan memulihkan hutang lapuknya. Hutang-hutang lapuknya dan *to show good example of leaderships*, pertama yang membayar balik ialah SIP (Sabah International Petroleum). *They link* Kerajaan Negeri Sabah dan mencerah apa? Sabah International Petroleum ini sebenarnya pun bermasalah. Hutang dia pun beratus juta juga tetapi apa yang kita telah buat, syarikat baru yang dimiliki oleh Kerajaan SMJ Energy Sdn. Bhd. membeli SIP ini dengan melalui penerbitan bond atau sukuk lah 900 juta kerana hutang dia kepada SDB ini 1.2 bilion. Itulah saya bilang tadi ratus juta ketawa bilion bah so dengan penerbitan sukuk ini setelah *di-restructure* kita ambil alih SIP. SIP bayar balik kepada Sabah Development Bank duit untuk membayar hutang. *Now* dua atau tiga perkara kita dapat capai...

**24/04/2024 - RAKAMAN 48 [5:50 TENGAH HARI - 6:00 PETANG] – [INTAN AZWANA] - MOHELENA – AZRIN**

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** ...selalu *restructuring*. Satu, SIP hilang hutang yang banyak. Dan kerana itu hasil daripada itu apa *restructure restructuring* ini, *suprisingly next year or two years later* SIP mencatat keuntungan. Kedua, kedua SIP juga dapat menjimatkan *cost interest on*

*loan* ya. Apa tu, apa tu kos faedah pinjaman yang berjumlah RM69.4 juta. *We makes us, we had a saving 69.4 million just on the interest on loan* kerana dapat dibayar dengan lebih awal ya. Jadi ini yang kita telah buatlah. Sebelum pengambilan alih ini, SIP telah menceburi beberapa perniagaan yang mengalami kerugian dalam bidang minyak dan gas serta mempunyai pinjaman yang sangat tinggi. Dan telah menanggung kadar faedah yang tinggi yang menjejaskan keuntungan dan kemampuannya. Kewangan mereka, kemampuan kewangan mereka.

Sehubungan daripada itu, terbitan sukuk 900 juta untuk tujuan memperolehi SI untuk tujuan memperolehi SIP merupakan perolehan nilai *accretive* atau *value accretive acquisition* memandangkan keupayaan penajaan dividen yang besar dari pegangan saham 10 peratus, SIP dalam LNG 9 Sdn. Bhd. Baik nya ni ialah SIP ni mempunyai 10 peratus pegangan dalam syarikat Petronas LNG 9 ya, LNG 9 dan ini sendiri yang adalah *contribute* kepada keuntungan selepas hutang kepada *Sabah Development Bank* ini dibayar. SMJ juga bertindak menyusun semula SIP dengan memberi tumpuan kepada perniagaan yang lebih menguntungkan, selain pembiayaan semula pinjaman SIP yang membolehkan SMJE Sabah SM Sabah Energy ya. Menggunakan kaedah faedah yang menggunakan kadar faedah yang jauh lebih rendah daripada pasaran modal untuk membayar hutang SIP yang mempunyai kadar faedah yang sangat tinggi.

Sepertimana yang saya nyatakan itu tadi, itu sahaja *we save 69.4 percent in interest on loan* ya. Sejak SMJE mengambil alih SIP pada Oktober 2023, SIP mampu mengisytiharkan dividen kepada SMJE kerana SIP adalah anak Syarikat SMJE ya, yang membolehkan SMJE mencapai keuntungan yang disasarkan. Selain daripada itu, SM Sabah Energy SMJ Energy juga memperolehi hasil daripada urus niaga lain, yang telah memberi pulangan keuntungan selepas, sebelum cukai ya, ya. Selepas cukai sebanyak 217 juta. Pada tahun lepas yang membolehkannya memberi pulangan dividen kepada Kerajaan Negeri sebanyak RM50 juta.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker, kalau boleh cuma saya ingin ah, tadi Yang Berhormat tadi sebutkan tentang ah, sukuk. *The issue* tapi kita saya nak peringatkan kena hati-hati sikitlah ya. *This what happen to 1MDB you know. Their sukuk their raise the State Federal Government*, dia hutang itu. Sukuk itu hutang, bukannya *profit*. *But end of the day,*

*you* gunakan duit itu, sukuk untuk bayar hutang. *You ...*(kurang jelas) *very careful* ya. *I think* ah, saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan kena lihat daripada sudut itu, pasal itu masa dahulu SIP masa saya jadi Menteri Kewangan, *Assistant*. *There was one project in* Indonesia, ....(kurang jelas) *I insisted for it, you must make sure* SIP *get the project*. Pasal ini, di Indonesia kita *joint venture* dengan Petronas *but* Petronas *are very reluctant*. Dalam keadaan itu saya, saya ingat saya harap *be very careful with the* penggunaan sukuk kerana ini akhirnya wang ringgit *is already down*. Kerana sukuk ini, bila kita *issue there must be some kind of guard stack guarantee, one State Government guarantee on* Sabah Maju Jaya punya *outfit* itu, *that at the end of the day, we have to pay as well*. Terima kasih banyak.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Saya, *I'm just about to read the next paragraph*. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, sebarang terbitan daripada sukuk-sukuk tidak boleh digunakan untuk pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri. Saya bilang kita jual, kita tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pemegang bon ni, ya. *People who buy the our ...* (kurang jelas) *to* bon. So syarat nya ialah tidak digunakan sesuka hati seperti pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri kerana ia bercanggah dengan terma dan syarat Program Sukuk Wakalah. Jadi *anulah*, jadi saya mengambil maklum ah, apa ini, apa ini, apa itu peringatan baik daripada Senallang, tapi percayalah kita pun tidak ada apa itu, berhasrat untuk menggunakan apa ini, pinjaman itu untuk untuk membayar dividen kerana pada tahun lepas kita mencatat keuntungan 217 juta. Dan itupun bagi saya sesuatu yang membolehkan kita membayar apa balik apa itu, bukan sahaja apa tu membayar semua ah, apa ini, semua, semua yang perlu dibayar dalam perniagaan biasalah.

Negeri Sabah terus mendapat manfaat penglibatan dalam sektor minyak dan gas. Melalui Perjanjian Kerjasama Komersial atau CCA yang dimeterai bersama Petronas pada 7 Disember 2021. Selaras dengan CCA, *Sabah SMJ Energy* bertindak sebagai pelabur kewangan yang berhemah, dalam memberi tumpuan kepada kadar penghasilan aset minyak dan gas, merentas *sector* huluan, LNG dan hilir petrokimia. Dengan aliran tunai yang sihat dan dikendalikan oleh pengendali terkemuka dengan rekod prestasi *Environment Social and Governance* atau yang terbukti atau ESG.



Pada 5 April 2023, SMJE telah memuktamadkan pemerolehan 50 peratus penyertaan dalam PSC, PSC Semarang. PSC ini ialah sebenarnya *Production Sharing Contract* ya. Dengan kalau saya tidak silap Petronas Carigali, ya. Dalam PSC Semarang dengan menandatangani Perjanjian '*Farm Out*'. Penyelesaian pengambilan penyelesaian pengambilan pengambilalihan sejak 31 Mei 2023 telah membolehkan, telah membolehkan Sabah menjual hak minyak mentah di terminal minyak mentah Labuan kepada pembeli minyak mentah antarabangsa untuk sejumlah 4 kargo setakat ini dengan anggaran hasil terkumpul sebanyak RM580 juta.

Pada 6 Jun 2023, SMJE menjadi pemegang saham 25 peratus pemegang saham berdaftar ya. Loji petrokim, Petrokimia Ammonia Urea atau SAMUR Sabah di Sipitang, sejak pengambilan pengambilalihan SMJE telah menerima pendapatan bersih daripada SAMUR sebanyak 53 juta untuk tahun kewangan 2023. Pada 25 Oktober 2023, SMJE memperolehi 10% peratus kepentingan penyertaan dalam Petronas LNG 9 yang saya nyatakan tadi melalui pengambilan *Sabah International Petroleum*. Sabah menerima bayaran tunai RM343 juta daripada PLNG 9 2023 sahaja.

Selain daripada itu SMJE itu telah menerima 112 juta lagi dividen daripada PLNG 9 sejak awal tahun ini dan menjangkakan dividen yang sihat pada tahun-tahun yang akan mendatang. Kita menjangkakan bayaran lagi dividen ini akan berterusan selama sepuluh hingga 12 tahun lagilah. SMJE terus mengejar beberapa peluang hulu PLNG dan hiliran atau ... (kurang jelas) yang menguntungkan dengan sokongan padu Kerajaan Negeri Sabah. Datuk Speaker, berkaitan dengan pegangan saham Kerajaan Negeri...

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah sedikit. Ah, Yang Berhormat Menteri, saya mengikuti secara mendalam ucapan Yang Berhormat Menteri itu, dan juga membaca ucapan dasar kita mengenai bagaimana Kerajaan Negeri menambah pendapatan ya. Nampaknya petroleum adalah satu, aset yang paling penting bagi kita di negeri Sabah. Cuma, saya mahu bertanya, *I want to share my thought and* saya mahu tanya pendirian Kerajaan Negeri ya. Akta Darurat sudah diangkat. *By right*, hak terhadap *continental shelf* sudah balik kepada kita. Lepas tu ah, Akta Laut Wilayah, Akta 750

diperkenalkan. Tujuan dia adalah supaya *Federal* kembali berkuasa di dalam kawasan tersebut dan...

**24/04/2024 - RAKAMAN 49 [6:00 PETANG – 6:10 PETANG] - [JULIAN] - NADIA – NUR FATIN**

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** ... Mereka menggunakan UN Convention Law of The Sea, Artikel 308 yang menyatakan negara-negara ini haruslah meretifikasikan perjanjian tersebut. Namun demikian, dalam Perkara 6, UN Convention itu tersebut juga menyatakan bahawa Artikel 77 bahawa *continental souths* dan apa-apa yang berada di bawah tanah itu adalah milik kepada Costal State. Jadi, saya berfikiran Yang Berhormat Menteri, ini adalah masa yang terbaik dalam mana kita harus membuat pendirian dimana *continental souths belong to us. There's a difference.* Ada perbezaan yang besar. Kalau *continental souths belong to the Federal Government* dengan berada kepada kita.

Sebagai contoh, kalau kita lihat kepada perjanjian sebelum ini, katakan Kerajaan Negeri menandatangani Petronas di mana kita cuma mendapat pemberian tunai dan kita menolak itu apa royalti. Betul, mungkin royalti itu sedikit sebab *owner* boleh menerima royalti. Dalam masa yang sama *owner of the property* boleh mendapat dividen daripada PSV yang dibentuk. Jadi, saya ingat Yang Berhormat Menteri mungkin ini adalah masa yang terbaik untuk kita membuatnya, mendapatkan hasil sebaik dan sebanyak mungkin daripada industri ini, petroleum ini. Macam yang Yang Berhormat Menteri dululah, cakap Yang Berhormat Menteri boleh sanggup pukul mejakah apa dan kita akan sokong. Mahu pukul mejakah, terbalik mejakah, jadi *ah longkah*, apa semua yang penting, *the ownership of the land belong to us.* Di sini *ownership bah* ni yang paling penting dan kalau kita jadi *owner of the*, saya rasa apapun kita, *licensingkah*, peritmkah, apakah semua kita yang kutip, cukaikah kita yang kutip. *Because of we owned the property.*

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** *Looks like you can read my thought. Actually,* kita telah sudah kabinet telah pun bincang isu ini sebenarnya, ya. Insya-Allah, dalam masa terdekat Yang Berhormat Ketua Menteri akan membuat pengumuman setelah kita apa itu, memurnikan cadangan kita untuk masa hadapanlah. Pada apa itu, pada masa ini atau at least jangka *I can only say*

kita punya apa itu, kita punya *our stand is the Government stand is* kita *recognize* bahawa untuk tujuan pengiraan apa ini apa ini pengiraan *territorial jurisdiction* kita berpegang kepada *order in Council 1954*. Hah, yang itu. Jadi, bila kita bercakap pasal *order in Council 1954* dengan semua kawasan tanah *we assume* tanah itu termasuklah tanah yang sampai di laut *and it is only mentioned that we should and we must consider* sama ada ada hak kita dalam tanah kita sama ada laut ataupun di darat. *You hear morelah soon on this year.*

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** *I think* Yang Berhormat Menteri, di sini adalah kita kena membuat pendirian bahawa ini milik kami. Itu saja *bah*. Kalau kita buat pendirian bahawa ini milik kami, lepas itu *best on authorize about one risk*, 1954 kah, *whatsoeverkah*, yang sekarang ni yang kita lihat dalam kes ini sebenarnya *Federal* memiliki benda tersebut, dan mereka masih mahu berusaha untuk mengekalkan penguasaan mereka dengan memperkenalkan Akta 750 dan kita tidak. Yalah, mungkin selepas ini Ketua Menteri akan membuat dia punya pendirian. *That is why* macam sebelum ni saya ada cakap, kita buat kenyataan akhbar tidak, tidak memadai, yang penting Dewan yang mulia ini harus membuat pendirian bahawa itu adalah milik kita. Kembali kepada kita. Terima kasih.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Pendiri bukan saja pendirian dalam Dewan ini. *Trust me, it may involve some amendment to the enactment, which we are working on, you* sabar dulu [tepuk meja]. Insya-Allah, itu *welcome*. Kita sudah *discuss* panjang lebar ini *actually* di dalam Kabinet dan kita fikirkan, *we should work together*. Apa kita harus bekerjasama dalam soal ini kerana dia bercakap pasal bukan saja untuk sekarang Kerajaan, sekarang Kerajaan yang akan mengikuti selepas ini pun akan turut sama mendapat manfaat daripada pendirian dan juga barangkali saya tidak mahu apa itu menyatakan sesuatu yang belum digun... Tetapi, sesuatu yang memerlukan dan saya harap nanti bila sampai masanya semua akan menyokong. *Be to amendment to certain enactment* untuk membolehkan kita bahawa *this is the law*lah ya, okey.

Berkaitan dengan pegangan saham Kerajaan Negeri di Syarikat GLC, Kerajaan Negeri hanya mempunyai pegangan saham di 43 syarikat, bukan 200 atau 200 lebih sepertimana yang selalu digembar-gemburkan ya. Daripada 213 syarikat termasuk subsidiari yang dikaitkan dengan Kerajaan Negeri, yang 200 lebih termasuk

subsidiari. Subsidiari itu ada yang beroperasi, ada yang tidak. Ada yang nama saya di sana, tapi apa itu tidak beroperasi ya, yang ini 43 itu. 26 syarikat Kerajaan Negeri dengan pegangan saham 50% hingga 100%. Empat syarikat subsidiari Kerajaan Negeri dengan pegangan 20 hingga 50% dan 13 syarikat lain dengan pegangan saham kurang daripada 25%. Oleh itu, Kerajaan Negeri hanya boleh mengutip hasil dalam bentuk dividen dan sumbangan daripada 43 syarikat ini. Lebihan 170 buah syarikat lagi adalah merupakan subsidiari syarikat atau subsidiari Syarikat GLC Kerajaan Negeri yang mana Kerajaan Negeri tidak mempunyai pegangan langsung, ya pegangan saham langsung atau *direct* apa itu *interest* di dalam syarikat-syarikat tersebut.

Pada 2000, pada tahun 2023, 17 daripada 43 syarikat Kerajaan Negeri atau 40% telah mengisytiharkan dividen dan sumbangan. So, terus-teranglah barangkali, bukanlah kata terlalu baik tapi *is not really bad*lah. Seperti yang kita apa digembar-gemburkan, 40% daripada 43 syarikat ini telah membayar dividen. Kecil besar itu, itu lain kiralah. Pembayar dividen berubah setiap tahun. Berdasarkan *trend* keuntungan syarikat yang sering berubah-ubah. Kerana itulah kadang-kadang pada tahun ini tinggi bayaran dividen, tahun yang berikutnya rendah, kerana dia bergantung kepada persekitaran ekonomi dan juga keuntungan yang dapat diperolehi oleh syarikat.

Perubahan ini tidak semestinya disebabkan oleh pengurusan syarikat yang kurang cekap, tapi lebih dipengaruhi oleh keadaan ekonomi yang tidak menentu. Sebagai contoh, dividen yang dibayar oleh Sawit Kinabalu Berhad kepada Kerajaan Negeri pada 2021 ialah 24.4 juta dan meningkat kepada 41.8 juta ringgit pada tahun 2022. Tetapi, menurun semula kepada 20.19 juta pada tahun 2023. Kerana ini sebenarnya berpunca daripada turun naiknya harga pasaran minyak kelapa sawit. 2022, apabila Sawit Kinabalu membayar 41 juta, itu adalah antara tahun yang mencatatkan harga tertinggi minyak kelapa sawit. Kalau saya tidak silap 5700 ya. *But*, pada tahun lepas purata saya ingat kalau saya tidak silap cuma 3700. 2000 lebih rendah daripada sebelum itu. Bagi syarikat-syarikat GLC yang mengalami masalah, Kerajaan Negeri akan membantu dan memulihkan syarikat-syarikat ini melalui pembentukan Panel Perundingan dan Pemantauan GLC yang akan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Tuan Siaw Kok Chee, bekas Pengarah Wilayah RHB, yang juga Penasihat Kewangan kepada Ketua Menteri.

Dan keahliannya terdiri daripada tiga orang daripada Kerajaan Negeri, dan tiga orang daripada sektor swasta. Panel yang ditubuhkan ini akan mula berfungsi pada bulan Mei atau bulan hadapan ini. Tiga ya.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri tadi ada menyebut soal GLC yang menguntungkan, membayar dividen kepada Kerajaan Negeri dan sekarang kita di peringkat GLC yang tidak menguntungkan dan penubuhan panel perunding GLC untuk tujuan tersebut. Setakat ini adakah Kerajaan Negeri mempunyai idea apa sebenarnya punca GLC-GLC kita ini berada dalam keadaan yang tidak baik ini, rugi dan adakah juga macam Kerajaan Negeri tak...

**24/04/2024 - RAKAMAN 50 [6:10 PETANG - 6:20 PETANG] - [ANNETY] - TERESA - NORMA**

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ini saya dengar sajalah. *Probably* tidak betul-tidak betul apa semua. GLC menubuhkan subsidiari dan subsidiari inilah yang bermasalah yang menyebabkan GLC tersebut menanggung beban. Adakah benda ini betul berlaku atau pun Kerajaan Negeri mempunyai pengetahuan mengenai ini. Terima kasih.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Ini sesuatu yang kita tidak boleh sembunyi. Memang betullah. Dari dahulu sampai sekarang. Masalah kita di Kerajaan ini ialah kita ini bukan peniaga. Modal yang kita gunakan adalah modal Kerajaan. Bukan modal sendiri. Jadi bila modal yang kita gunakan untuk berniaga itu bukan milik kita sendiri kadang-kadang sikap kita rugi... rugilah, nanti Kerajaan masukkan balik juga modal baru itu. Ah, itu dia punya masalah. Jadi tidak ada kesedaran bahawa duit itu betul duit kerajaan. Tapi duit kerajaan itu juga duit rakyat. Ini yang kadang-kadang kita terlupa. Di swasta ini, kalau dia tidak kerja keras, bankrap. Dia malu. Tapi dia kalau dia bankrap ataupun rugi besar, yang malu Kerajaan bukan dia pengurusan. Ini kadang-kadang. Jadi kerana itulah dalam apa itu persidangan yang lepas saya gunakan betapa pentingnya apa ini untuk menentukan bahawa sikap itulah yang menentukan kita boleh buat atau tidak. Ini kadang-kadang saya bukan saya cerita lagi. Minta maaf. Ini China dalam zaman dahulu *dorang* binakan *dorang* bina apa ini tembok China Great Wall of China untuk memastikan musuh daripada luar tidak dapat masuk ke negeri China. Tapi macam

mana hebat pun tembok tersebut askar daripada laur dapat juga masuk. *Why?* Dia *bribe* itu penjaga. Dia rasuahkan itu apa itu pengawal dan pengawal masukkan apa itu biarkan mereka masuk dan menyerang dan mereka kalah. Jadi Melaka pun begitu juga. Sejarah. Banyak begini ini. *You see, the lesson we have never learn is that is that character that determine how far we can go and how far we can succeed. And this is the area that we may had not succeed. Building of character of human being.* Kerana itu pentinglah bila kita bercakap pasal GLC ini *is important* bahawa *character* integriti orang yang mengurus itu *should be number one*. Bukan berapa banyak duit kerajaan boleh masukkan untuk tujuan berniaga.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Menteri bila kita bercakap soal GLC menubuhkan *subsidiaries*, *definetely* barang itu macam *internalnya* dan *insider* punya aktiviti dan mereka ini adalah kakitangan kerajaan yang berada dalam GLC dan mungkin juga *subsidiaries* dan mereka *subject* and apa ini bertanggungjawab *report to the government*kan. Saya rasa Kerajaan harus bersikap tegas untuk mengambil tindakan terhadap *the culprit* siapa-siapa sajalah, kan. Sebab macam kita sedari ini duit rakyat dan mereka ditugaskan di situ sepatutnya menjaga kepentingan kerajaan rakyat. *Dorang* pula yang jadi macam Yang Berhormat Menteri cakap tadi itu tebuk dinding benarkan apa musuh. Saya rasa kerajaan kena bersikap tegas perkara ini.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Itulah kita tubuhkan penasihat apa panel apa itu ah perundingan dan juga pengawasan ini. Kita harapkan dengan apa ini dengan penyertaan *the best of the brain that we have* daripada swasta dan juga kerajaan. Sedikit sebanyak kita dapat membantu GLC yang bermasalah untuk memperbaiki prestasinya dan percayalah. Kita tindakan sebenarnya banyak kita telah ambil cuma kita tidak siarkan kerana kita tidak mahu malukan mereka yang terlibatlah. Dan *worse case scenario* kita juga telah laporkan kepada pihak berkenaan. Dan *investigation* saya rasa ini sedang berlaku. Kita mahu pastikan apa pun kita buat. Harga diri mereka yang terlibat dan juga kerajaan juga jangan kita persia-siakanlah ya ataupun jangan di terlibat dilibatkan.

Datuk Speaker, penubuhan operasi perlombongan emas. Mengenai dakwaan operasi perlombongan yang dikatakan tidak mempunyai lesen adalah tidak berapa tepat. Syarikat tersebut telah diberi kelulusan penyambungan Sijil Pengendalian

melombong atau SKSPN di Bukit Menteri, Tawau pada 8 April 2024 daripada Jabatan Mineral dan Geosains. Sijil sebelum ini telah tamat pada 31 Oktober 2023 dan belum diperbaharui pada masa tersebut kerana laporan AIA belum dikemukakan. Walau bagaimanapun tiada arahan untuk menghentikan operasi perlombongan dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur merangkap Ketua Merinyu Galian. Berdasarkan Ordinan Perlombongan 1960, ini kerana Sabah tidak tertakluk kepada Akta Perlombongan Mineral 1994 yang mewajibkan syarikat memperolehi kelulusan skim pengendalian melombong SKSPM seperti dinyatakan dalam Seksyen 10 akta tersebut. Sistem galian di Sabah dikawal oleh Ordinan Tanah Sabah Cap 68 dan Ordinan Perlombongan 1990.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat daripada Merotai. Sejak 1 November 2023 sehingga 7 April 2024, sebanyak 10 kali aktiviti pemantauan telah diadakan oleh jawatankuasa pemandu bersepadu. Tiada rekod jualan emas atau sebarang inoivis diterima daripada syarikat operator itu dan kerana itu Kerajaan Negeri belum mengutip royalti emas ke atas 254.51 kilogram jongkong emas yang telah dihasilkan. Untuk makluman juga, kali terakhir di Jabatan Mineral dan Geosains mengeluarkan surat penentuan jualan peratusan kandungan emas adalah pada 21 Februari 2022. Selepas pengisytiharan jualan pada tarikh tersebut, Jabatan Tanah dan Ukur telah melaksanakan kadar 5% royalti emas dikira berdasarkan salinan inoivis daripada syarikat operator kepada syarikat pembeli yang telah disahkan oleh pihak ACE berlesen yang dilantik. ACE ini perkataan daripada ACE ini dari apa itu ujian yang menguji apa itu. Emas itu. Sama ada berapa peratusan emas itu. ACE ya. Pendirian Kerajaan Negeri ialah operasi perlombongan emas adalah sah di bawah Ordinan Perlombongan Sabah 1990.

Kerajaan Negeri Sabah telah membuat ketetapan untuk tidak mengiktiraf Pemakaian Mineral Development Act 1994 (MDA) di Sabah dan telah memulakan tindakan untuk memantap dan memperkasakan Ordinan Perlombongan Sabah 1960 melalui pemeriksaan pemerksasaan Rangka Kerja Pengawal Seliaan atau Regulatory Framework sejajar dengan Seksyen 28 Ordinan Perlombongan Sabah 1960.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah untuk mengemaskini SOP untuk mengutip royalti dan permohonan lesen peletupan serta memperkenalkan peraturan baharu untuk kelulusan skim operasi melombong OMS oleh Ketua Merinyu Galian.

Seterusnya Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah untuk memperkasakan Sabah Mineral Management Sdn. Bhd. (SMM) untuk mengambil alih tugas khidmat nasihat teknikal dalam pengurusan mineral di Sabah. Menggantikan peranan Jabatan Mineral dan Geosains.

Tuan Speaker, dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil di atas maka Kerajaan Negeri Sabah akan tetap mempunyai kuasa mutlak ke atas pelesenan dan aktiviti perlombongan di negeri Sabah.

Datuk Speaker, setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan. Kalau ada yang saya ah belum dapat jawab *your are welcome to see me at my office.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Tentang lombong tadi ini. Pasal saya bangkitkan persoalan ini di mana saya sebut saya tahu bahawa surat daripada Kementerian, iaitu sumber asli Geosains Malaysia Sabah ya telah melanjutkan surat kelulusan skim pengendalian perlombongan, iaitu pada 23 memaklumkan bahawa satu mesyuarat. Ini yang tidak ada kelulusan ini *but* tapi di peringkat pusat ya. Itu yang saya bertanya itu ya. *The State Government should by all mean intercept any kind of approval given by the Federal Government regarding land sama ada excavation sama ada perkara-perkara seperti juga MOTAC yang saya sebutkan tadi itu it is operating ya but yet we don't have form of control* Jadi saya ingat kalau perkara ini memang tidak ada kelulusan dia. Alhamdulillah. Tapi saya bimbang keadaan ini bila saya lihat pasal ini dalam mahkamah ya. Masih menuntut pemilik tanah itu. Dia mempunyai 1000 bukan 700 ekar sebenarnya. 1300 saya ingat. Keluasan tanah dimiliki oleh individu di kawasan itu. Bukan dimiliki oleh mana-mana pihak. Cuma *dispute* antara *shareholder*. Yang ada di mana pertikaian dia ya tentang ah tentang...

**24/04/2024 - RAKAMAN 51 [6:20 PETANG - 6:30 PETANG] – [MARIA HANNAH] – THEODORA J. – AZRIN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...Apa ni *goal mind* ini dan ini yang menjadi masalah. *We must also recognized the right of that individual* yang ada. Kita tidak boleh *ignore* pasal dia tanah dipajak. *You know, there*



*is an agreement* dipajak oleh *now is already listed kind of company* yang ada. Jadi saya berharap perkara ini dapat diperbetulkan, ya. Terima kasih banyak.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Okey, Yang Berhormat daripada Senallang. Saya andaikan apa yang dinyatakan tadi daripada YB Senallang itu adalah menyokong pendirian Kerajaan Negeri yang mahu memastikan urusan pengendalian lombong emas atau air mineral di Sabah dikendalikan oleh Undang-undang Negeri Sabah sepenuhnya. Terima kasih.

Saya berharap daripada penjelasan tersebut telah dapat menjawab semua soalan dan kalau ada yang masih... saya gagal untuk menjawab, boleh *whatsapp* saya secara langsung atau pun boleh juga berjumpa juga di pejabat. Saya tidak ada masalah, ya. Akhir kata, mari kita sama-samalah bekerja berusaha dan terus mencurahkan bakti ke arah memaju dan memakmurkan negeri yang tercinta ini. Cabaran pada tahun ini mengajak kita untuk terus berusaha dengan bijaksana dalam mentadbir dan mengurus hal ehwal negeri Sabah. Mari kita panjatkan doa semoga negeri yang bertuah, tercinta ini kekal aman, makmur dan sejahtera. Bersama-sama kita membina dan memperkasakan ekonomi negeri ini demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran yang berpanjangan.

Di kesempatan ini, Datuk Speaker, saya juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua muslimin dan muslimat, minta Maaf Zahir dan Batin, Selamat Hari Pekerja kepada semua pekerja pada 1 Mei dan juga kepada semua rakyat negeri Sabah, khususnya kepada suku kaum KDM, Kotobian Tadau Tagayo Do Kaamatan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat, semua penjawat awam dan seluruh negeri Sabah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Sekarang saya pula menjemput Yang Berhormat Ketua Menteri untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Bismillahirrahmanirrahim, Tuan Speaker, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada hadrat Allah...

**Tuan Speaker:** Tiada had masa ah. Yang Berhormat cakap berapa panjang pun boleh.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ah?

**Tuan Speaker:** Tiada had masa. Cakap berapa panjang pun boleh.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinnya, maka kita dapat bersama-sama di Dewan yang mulia ini bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada kita untuk terus membangunkan negeri Sabah. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tingginya penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah atas pembentangan ucapan dasar Kerajaan sempena Pembukaan Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Sabah yang Ke-16 pada 18 April yang lalu.

Saya juga mengucapkan terima kasih dan menghargai Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengutarakan pelbagai isu dan saranan semasa membahaskan Ucapan Dasar Kerajaan demi menjadikan negeri Sabah sebuah negeri yang maju dan makmur. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa mengambil berat isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali bagi isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Ketua Menteri. Dengan itu, izinkan saya menjawab beberapa isu yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Karambunai dan Tanjong Aru telah membangkitkan isu berkaitan rancangan pembangunan di Pulau Gaya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rancangan pembangunan ini masih dalam peringkat perancangan. Kerajaan Negeri berpandangan Pulau Gaya perlu bersih, selamat, cantik dan mempunyai nilai yang tinggi untuk dijadikan pusat pelancongan. Berikutan dengan itu, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk menyediakan penempatan baharu bagi penduduk-penduduk Pulau Gaya setelah mengambil kira semua aspek terutamanya keselamatan awam.

Ahli Yang Berhormat daripada Lamag dan ADUN Dilantik, Datuk Raime Unggi telah membangkitkan isu dan saranan berkaitan SEDIA. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak berkuasa pembangunan ekonomi dan pelaburan Sabah atau SEDIA telah menjalankan kajian dan telahpun menyediakan *Blueprint* SEDIA 2.0 untuk tempoh 2021 sehingga 2030. Di dalam *blueprint* tersebut ia telah mewujudkan tiga Wilayah Pembangunan dalam Koridor Pembangunan Sabah atau SDC, iaitu Wilayah Barat terdiri dari 15 buah daerah. Wilayah tengah merangkumi empat buah daerah dan Wilayah Timur melibatkan tujuh buah daerah. Terdapat 30 inisiatif Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang akan dilaksanakan secara spesifik di Wilayah-wilayah yang berkaitan dan terdapat di antara inisiatif tersebut merentasi ketiga-tiga wilayah berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Senallang, Kumpulan Sawit Kinabalu memiliki saham 100% dalam 30 anak syarikat milik penuh saham majoriti dalam lima syarikat usaha sama dan saham 40% dalam Syarikat Kalabakan Plantation Sdn. Bhd. dan Tongod Plantation Sdn. Bhd. yang mempunyai usaha sama dengan Kementerian Kewangan Negeri Sabah serta saham 30% dalam jujusan Borneo. Sawit Kinabalu merupakan pemegang Saham Amanah Sabah sejak 1998 dengan kos RM21 juta. Keuntungan Sawit Kinabalu Group (Kumpulan Sawit Kinabalu) selepas cukai dari tahun 1996 sehingga 2023 adalah sebanyak RM2.38 bilion. Sawit Kinabalu juga mengisytiharkan dividen kepada Kerajaan Negeri Sabah dan pembayaran dividen sehingga kini adalah berjumlah RM914.3 juta.

Tuan Speaker, isu keselamatan adalah merupakan keutamaan pada Kerajaan Negeri dan penting bagi kita menjaga Kedaulatan Negara dan memastikan situasi keselamatan di Sempadan Maritim meliputi kawasan Gugusan, Kepulauan persisiran dan sungai mahu pun Sempadan Daratan khususnya di kawasan Zon Selamat Sabah Timur atau ESSZONE dalam keadaan baik dan terkawal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Senallang, insiden kejadian di Perairan Pantai Timur Sabah yang berlaku baru-baru ini merupakan cubaan kes samun yang terpercail. Berdasarkan rekod lima tahun kebelakangan ini, hanya beberapa kes sahaja yang berlaku. Kejadian tersebut berlaku ketika musim perayaan, semasa penduduk di kawasan sekitar sibuk keluar berhari raya dan membawa wang untuk membeli keperluan sempena perayaan. Keadaan tersebut menyebabkan jalan laut

menjadi sibuk dan suspek menggunakan peluang ini untuk melakukan jenayah samun dan rompakan. Pada masa ini, pihak ESSCOM dan Agensi Keselamatan sedang mengiatkan operasi bagi mengesan suspek yang terlibat yang dipercayai telah melarikan diri keluar dari perairan negara. Siasatan mendapati ketiga-tiga suspek terlibat dalam kes jenayah selain seorang daripada suspek tersebut turut tersenarai orang yang dikehendaki...

**24/04/2024 - RAKAMAN 52 [6:30 PETANG – 6:40 PETANG] – [NURIAHTIKA] – SITI JUBAIDAH – NUR FATIN**

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** ... oleh ESSCOM. Tuan Speaker, sejak ESSCOM ditubuhkan pada 1 April 2013, Kerajaan Negeri berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh pihak ESSCOM, sebagai peneraju dan koordinator operasi pasukan keselamatan yang terdiri daripada elemen-elemen Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Agensi ini telah mengekang pencerobohan anasir asing ke wilayah ini. Telah membantu mengangkat semula imej wilayah Sabah terutamanya di kawasan Pantai Timur Sabah sebagai selamat dan sejahtera untuk dikunjungi oleh pelabur atau pelancong asing.

Di samping itu, ESSCOM juga turut membantu jabatan atau agensi penguatkuasaan dan keselamatan seperti Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, dan Jabatan Imigresen Malaysia melalui pelbagai operasi bersepadu bagi membendung elemen jenayah rentas sempadan melibatkan penyeludupan kontraband, barang kawalan, bersubsidi dan tanpa cukai serta kemasukan pendatang asing tanpa izin atau PATI.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri akan terus komited, untuk membasmi isu PATI di negeri ini dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak bagi memastikan semua tangkapan yang dibuat akan diusir pulang ke negara asal masing-masing. Kerajaan Negeri melalui kerjasama bersama Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negeri Sabah, mempunyai perancangan untuk menambah pos kawalan Pasukan Gerakan Am (PGA) yang baharu di negeri Sabah bagi memperketatkan lagi kawalan sempadan daripada dimasuki PATI ke negeri ini.

Kerajaan akan membina sebanyak empat buah Pos Kawalan (PGA) tahun ini, iaitu Pos Wagon Kalabakan, Pos Manalunan Sandakan, Pos Kuala Maruap, Lahad Datu dan Pos Gabungan Sungai Haji Kuning Sebatik, Tawau. Manakala enam buah Pos Kawalan PGA, dalam perancangan dan masih menunggu kelulusan peruntukan adalah Pos Sungai Limau Sebatik, Tawau, Pos Bukit Keramat Sebatik, Tawau, Pos Long Pasia, Sipitang, Pos Alutok, Tenom, Pos Pensiangan, Nabawan dan Pos Pulau Bangkawan, Kudat.

Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah juga giat mengadakan operasi dalam menangkap dan seterusnya mengusir pulang PATI ke negara asal. Berdasarkan statistik tangkapan dan pengusiran PATI oleh Jabatan Imigresen Malaysia Sabah, pada tahun 2024, setakat 15 April 2024, seramai 2603 orang PATI telah dihantar pulang ke negara asal. Manakala pada tahun 2023, pengusiran PATI adalah seramai 8678 orang dan pada tahun 2022 seramai 5943 orang.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-12, Kementerian Dalam Negeri telah meluluskan permohonan membiayai pembinaan aset-aset strategik yang baharu di ESSCOM. Antaranya, pembinaan Kompleks Perumahan dan Bangunan Pentadbiran Batalion ke-20 Pasukan Gerakan Am (PGA) di Beluran. Pembinaan Pengkalan Bot Ronda Batalion 15 PGA di Sungai Seguntor, Sandakan dan pembangunan Projek Sistem Pengawasan Laut di Malawali, Kudat dan Sandakan di bawah APMM. Selain itu, turut dikemukakan perolehan aset strategik berasaskan teknologi terkini dengan menggunakan *unmanned aerial vehicles* di kawasan laut terbuka dan dron di lokasi yang spesifik bagi pemantauan dan pengesanan keselamatan yang berkesan di ESSZONE di bawah *rolling* Pelan Lima RMK12 Tahun 2025.

Di samping itu, bagi menjamin keselamatan dan mengukuhkan keyakinan pengunjung pusat-pusat pelancongan dan peranginan di ESSZONE, ESSCOM telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk memperkenalkan sistem aplikasi telefon pintar, Friends of Sabah yang sedang dibangunkan oleh syarikat tempatan tanpa melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan serta aplikasi ini boleh digunakan oleh pelancong warga asing dan tempatan. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sekong serta Dewan yang mulia ini...

**Tuan Speaker:** Yang Amat Berhormat, ada pencilahan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Beberapa perkara yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi, tentang Sawit Kinabalu, tentang Pulau Gaya, tentang ESSCOM tadi dan sama ada Yang Amat Berhormat sedar ataupun maklum, walaupun kita disebutkan tadi untuk keselamatan ya. Beberapa projek, ya. Kemudahan perumahan, bangunan, kompleks. Daripada awal sebenarnya, Datuk Speaker, perkara ini sebenarnya penting kepada kita. *Is not the infrastructure such* dari segi bangunan yang di Lahad Datukah tu. Dan *we don't want aa*, keselamatan *dumping all the project-project* semata-mata untuk memenuhi. *But when come to operating*, operasi. Tentang bukan hanya *deterrence* di peringkat sempadan 3000 kilometer yang ada.

Saya masih ingat masa saya jadi Menteri Kewangan, saya bagi RM1 juta untuk beli petrol saja. Beli petrol. *You can check the record*. Menteri Kewangan boleh *check*. *Can you imagine* perkara ini merupakan dan baru-baru ini bila saya balik hari raya pun, dan saya bertanya dengan pasukan keselamatan Datuk Seri, *where handicap*, perkara ini. Saya ingat Yang Amat Berhormat juga harus melihat sama ada maklum ataupun tidak. Bukan kita mahu *encourage* supaya bangunan-bangunan ada. *But their operating there*. Itu yang kadang-kadang bila dia dah di Kunak itu, *theres no deterrence*. *Surveillance*. Pasal tidak ada minyak, tidak ada operasi di situ tenaga yang ada.

Dan ini yang kita nakkan supaya jangan hanya wujudkan projek untuk memenuhi setengah-setengah pihak. *Oh, there's 100 million, 15 million*, bangunan untuk perumahan pegawai-pegawai yang ada. *But, can they go? To the coastal area*. Ya. Yang kita buat *surveillance*, pasal saya masih ingat masa saya juga Timbalan Menteri Pertahanan. Jam 1 jam 2 pagi, saya bawa Panglima Angkatan Tentera Mejar Jeneral supaya kita *round*, dan *you can imagine* bagaimana keadaan yang kita lihat bahawa perkara ini cukup penting. Dan saya telah cadangkan, ya. Bukan setakat bangunan-bangunan yang ada. Peralatan, ya. *Speed boat* yang ada di Semporna itu ramai banyak. Tapi tidak berjalan. Tiap kali saya tengok berpuluh-puluh saya tengok rondaan-rondaan bagaimana *limited*. Dan ini yang harus ditekankan oleh pihak keselamatan di peringkat negeri. Yang Amat Berhormat selaku pengerusi, tekankan tentang betapa pentingnya *operating part of it*. Satu.

Kedua, sudah *high time* daripada kita beli buat projek beratus juta untuk *berstructure, drone*. Tengoklah *di...* yang berlaku di *run* ini, *you can detect, you can build bring*, kita *boleh detect everybody was coming in*. Menggunakan keadaan itu. Dan saya juga Yang Amat Berhormat tadi tentang ESSCOM ini, saya berharap perkara ini akan dilihat secara *total* dari segi keselamatan, kerana walaupun kejadian di Kunak itu kecil seperti apa yang disebutkan. Ini yang *red alert*. Eropah, UK History Gov, kadang-kadang itu kadang-kadang *deter*, oh, ini masih lagi kawasan yang tidak selamat. Pasal kejadian-kejadian yang ada. Dan itu yang saya minta supaya perkara ini dapat diatasi oleh pihak Kerajaan dan juga menyedari. Satu, tentang sawit tadi, ya. Selain daripada saya minta persoalan saya itu dalam perbincangan itu selain...

**24/04/2024 - RAKAMAN 53 [6.40 PETANG - 6.50 PETANG] - [KHAIRUL] - DARRYL JUDE - NORMA**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Daripada pemegang saham, pegangan saham tentang beberapa syarikat yang ada tadi itu. Saya telah cadangkan supaya fokus Sawit Kinabalu. Kita tidak mahu Sawit Kinabalu sebagai satu *dumping area* untuk pegangan saham. Ada di antara saham yang dipegang oleh Sawit Kinabalu itu, *nothing related to plantation, nothing related to agriculture*.

Saya ingat Yang Amat Berhormat kalau teliti secara mendalam keadaan ini, kadang-kadang *it's a dumping area for us to somebody sell it, you buy it then sell it and untung and* kita tahu perkara ini cukup. Yang satu lagi tadi tentang Pulau Gaya, saya minta kerjasama daripada Yang Amat Berhormat pasal penduduk di situ sudah lama ya, pindah mereka kawasan-kawasan tertentu agak menjejaskan beribu di situ.

Di Brunei itu masih lagi rumah-rumah yang kita nampak di laut-laut walaupun mereka mempunyai kewangan berbilion untuk nak pindah mereka ke kawasan-kawasan kalau dapat ya, tambah baik dari segi kemudahan. Baru-baru ini, bila bulan puasa ya saya pergi turun ke sana. Yang Amat Berhormat pun turun ke sana gelap.

Saya beli genset untuk pastikan masjid pun bergelap dan itu yang kadang-kadang saya bilang macam mana keadaan *how do we increase* dari segi keupayaan

masyarakat, dari segi kemanusiaan yang ada? *Then rather than* kita pindah. Kadang-kadang bila penduduk di situ sudah bertahun-tahun sudah, *we move them out* daripada tempat itu pindah ke kawasan macam contoh Bangau-Bangau tadi, pindah ke kawasan. Ini orang laut orang biasa dia macam juga di Brunei ada orang laut di situ yang mempunyai rumah dan *it can be good* kalau kita mempunyai sistem untuk tambah baik keadaan ini. Terima kasih banyak.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih Ahli daripada Senallang. Tuan Speaker, kita ambil maklum saranan dan juga pandangan-pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli daripada Senallang. Memang kalau kita bercakap satu aspek keselamatan ini amat penting, bukan sahaja projek-projek pembangunan untuk keselesaan anggota keselamatan tetapi aset-aset penting untuk kita memerangi lanun-lanun ataupun mereka yang masuk ke negara kita secara haram.

Dan perkara ini untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, telah pun saya kemukakan sebenarnya di dalam mesyuarat majlis... di dalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan kita susuli dengan apa nama dia itu secara bertulis, menulis surat kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mempertingkatkan lagi aset-aset yang digunakan oleh tentera ini supaya *diorang* dapat mengawal sempadan kita dengan lebih berkesan. Kadang-kadang yang mundu ini dia pakai apa nama dia itu? Apa bot anu itu?

**Tuan Speaker:** *Pump boat.*

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** *Pump boat.* Kadang-kadang pasukan keselamat... keselamatan kita punya bot tidak boleh apa kejar dia orang. Jadi ini saya bangkitkan juga tetapi dalam apa yang saya sebutkan tadi, ada sudah peruntukan-peruntukan untuk mempertingkatkan aset-aset keselamatan tersebut tetapi mungkin ada lagi yang perlu dipertingkatkan. Kita ambil maklum apa yang disarankan oleh Ahli daripada Senallang pasal ini kawasan dia, dia tahu keadaan lebih apa nama lebih baik daripada lain-lain wakil rakyat kita di sini.



Keduanya mengenai dengan sawit ini tadi, sawit memang dia memiliki saham dan sebagainya dan tidak hairan dia ada mempelbagaikan dia punya perniagaan walaupun fokus dia kepada sawit. Contoh untuk keterjaminan makanan, ada kawasan yang diberi kepada sawit yang tidak sesuai. Dia rendah, berair jadi kita gunakan itu untuk membantu untuk mengusahakan tanaman padi sebagai contoh dan lain-lain.

Jadi ini biasa berlaku di syarikat-syarikat milik Kerajaan. Jadi kita ambil anu juga kalau lah umpamanya tanah yang dibagi itu tidak sesuai, dia ada beribu-ribu *hectares* ataupun ekar. Jadi ada tanah-tanah mungkin 5000, 10 000 ekar yang tidak sesuai, itu boleh kita gunakan terutama sekarang ini kalau kita bercakap mengenai dengan keterjaminan makanan. Jadi itu usaha kita di Kampung Taritipan di Kota Marudu. Kita cuba usahakan tanah yang tidak boleh ditanam dengan sawit.

Jadi mengenai dengan Pulau Gaya ini, memang banyak cadangan terutama ada yang mencadangkan seperti cadangan kampung atas air lebih baik, di-*upgrade* kemudahan-kemudahan macam di Brunei, kampung air di Brunei dan sebagainya. Jadi sekarang ini, kita sedang mengkaji apa yang terbaik untuk Pulau Gaya ini kerana pulau ini amat penting bagi kita, dekat dengan Ibu Negeri Kota Kinabalu.

Jadi kita ada berniat untuk menjadikan Pulau Gaya ini sebagai satu tarikan pelancong yang hebat di Sabah antaranya dan juga ada rancangan kita memindahkan mereka ke penempatan baharu. Jadi kita tengok mana yang terbaik, ini sekarang dalam perancangan. Jadi itu untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dan juga Ahli daripada Senallang lah.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Tadi saya, Datuk Speaker dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, saya bangkitkan tentang bukan hanya aset ya *but operating ya*, itu yang penting itu. Saya ingat kalau kita lihat seperti yang saya sebut, beberapa aset yang ada. Ada aset, ada *speed boat*, ada kadang-kadang kita nampak jauh kecil lagi daripada *pump boat*, tapi kadang-kadang tidak boleh *operate* dan ini yang keupayaan amat terbatas di kawasan ESSCOM ini.

Yang tadi berhubung kait dengan Sawit Kinabalu, saya tahu. Saya tidak persoalkan tentang tanah yang tidak boleh dipakai, mungkin saya cadangkan juga hari itu tadi kepada Lembaga Padi bagi dengan Lembaga Padi *segregate that, separate that*. Cuma saya minta daripada Yang Amat Berhormat buat kajian sikit. Sawit Kinabalu memegang saham *nothing related to this*, banyak itu berpuluh juta itu dan ini saya tidak boleh kerana Sawit Kinabalu ini mempunyai kewangan yang di antara GLC yang cukup banyak. Waktu itu ya, ada pihak *they sell their shares to, why should Sawit Kinabalu Holding shares nothing related to sawit* yang ada ataupun *plantation* yang ada?

Kita tidak mahu nanti ringgit pun menurun, Bursa Saham Kuala Lumpur pun tidak menentu dan *shares* masih ada lagi saham-saham itu, dipegang itu. Saya tidak tahu kenapa dia pegang *but i know* saya tidak mahu perkara ini supaya ianya keadaan ini berlarutan tapi buatlah kajian tentang keadaan ini supaya dapat diatasi benar atau tidak untuk mengelakkan supaya tanggungan kita, tidak mahu nanti Sawit Kinabalu sebagai satu macam SDB lah nanti. Saya tidak mahu nanti besok *there is another area* pasal dia banyak hasil di antara GLC yang mempunyai hasil yang cukup banyak ya. Terima kasih banyak.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Okey. Datuk Speaker, kita akan ambil maklum saranan pandangan Ahli daripada Senallang. Saya teruskan Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sekong serta Dewan yang mulia ini, berhubung kebakaran yang berlaku pada tahun 2018 di Kampung Gas Sandakan, Kerajaan melalui Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Pejabat Pembangunan Negeri (ICU), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan beberapa siri mesyuarat yang melibatkan pelbagai agensi-agensi yang berkaitan untuk perlaksanaan projek pembinaan semula rumah mangsa kebakaran tersebut.

Pembinaan semula rumah ini adalah berbentuk rumah papan dengan *Standard Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)*, iaitu sebanyak 100 buah rumah akan dibina di tapak asal lokasi kebakaran yang melibatkan kos 6 juta ringgit. Berdasarkan status terkini yang dilaporkan oleh MPS, projek ini sedang dalam proses keputusan pemilihan kontraktor, ini bermakna projek ini akan dilaksanakan secepat mungkin.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Lamag, kes-kes yang telah difailkan di mahkamah terhadap Kerajaan Negeri bagi tempoh lima tahun.

**24/04/2024 - RAKAMAN 54 [6:50 TENGAH HARI - 7:00 PETANG] – [MOHD ZULFIKREE] – AZYATUL – AZRIN**

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajji bin Haji Noor]:** Dari tahun 2019 sehingga 2023 adalah sebanyak 491 kes. Dalam tempoh lima tahun tersebut, kes yang telah dimenangi oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak 110 kes, termasuklah kes-kes yang telah dibuang dan diketepikan oleh mahkamah, kes yang kalah adalah sebanyak tiga kes. Manakala, sebanyak 378 kes pula adalah dikategori kes di mana Kerajaan Negeri mematuhi perintah mahkamah, kes digugurkan oleh mahkamah, perintah persetujuan dan kes-kes yang masih berjalan sehingga kini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kebanyakan kes yang diterima adalah kes terhadap Jabatan Tanah dan Ukur dan Jabatan Air Negeri Sabah. Bagi kes-kes terhadap Jabatan Tanah dan Ukur, sepanjang tahun 2019 sehingga tahun 2023, sebanyak 221 kes difailkan terhadap Jabatan Tanah dan Ukur, kebanyakan kes adalah melibatkan pengambilan tanah, terutamanya pengambilan tanah bagi tujuan Projek Lebu Raya Pan Borneo dan juga pembangunan-pembangunan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Bagi kes-kes terhadap Jabatan Air Negeri Sabah pula, kebanyakan kes tersebut adalah melibatkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan, namun pembayaran tidak dapat dibuat. Punca utama tunggakan pembayaran tersebut terjadi adalah disebabkan oleh dokumen-dokumen yang tidak lengkap untuk tujuan pembayaran. Hal ini berlaku apabila dokumen-dokumen tersebut telah disita oleh pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tujuan siasatan kes Jabatan Air Negeri Sabah sehingga menyebabkan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor tidak dapat dilaksanakan. Sebanyak 120 kes Jabatan Air Negeri Sabah telah diterima yang melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM14 725 116.41. Sukacita dimaklumkan bahawa kesemua kes-kes ini telah berjaya diselesaikan dan telah dibayar.

Tuan Speaker, untuk maklumkan Ahli Yang Berhormat dari Kadamaian serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur telah melaksanakan pengukuran kaedah PANTAS di Kampung Kiau sejak tahun 2019 dan telah selesai pada bulan Februari 2024. Di mana sejumlah 1,209 lot dengan keluasan 493.55 hektar tanah telah selesai dijalankan. Manakala, pengukuran kaedah pantas di Kampung Tambatuon juga telah mendapat kelulusan dan pengukuran telah mula dijalankan pada bulan April 2024 dan dijangka selesai pada bulan Disember 2024 ini.

Bagi Kampung Sayap, Kampung Terintidon, Kampung Lobong-lobong, Kampung Kaung, Kampung Tambatuon, Kampung Melangkap dan Kampung Lasau. Jabatan Tanah dan Ukur akan menjalankan pemeriksaan dan siasatan lapangan untuk menentukan sama ada pengukuran kaedah PANTAS boleh dilaksanakan atau sebaliknya. Jabatan Tanah dan Ukur sehingga bulan April ini telah menerima peruntukan sebanyak RM10 juta untuk program pengukuran PANTAS yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Ahli Yang Berhormat dari Sekong membangkitkan isu pengeluaran notis pengosongan tanah yang.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Speaker.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ya?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat, boleh saya minta?

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ya.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan soal pengukuran PANTAS tanah-tanah anak negeri bagi Negeri Sabah. Dalam ucapan berbahasan saya, saya ada menyentuh dan meminta supaya pengukuran bagi tiga buah kampung lagi, iaitu Lok Buani, Sungai Bilis dan Tegupi untuk dimasukkan dalam program seterusnya, yang pertama.

Yang kedua, saya ada meminta dan mencadangkan supaya pengurusan tanah di Lahad Datu, sebab sekarang ini PPH, tanah-tanah untuk kawasan Tambisan yang berada di DUN Tungku, semua urusan dia terpaksa dibuat di PPH di Kinabatangan

dan saya minta supaya apa ini, bidang kuasa pengurusan tersebut dipindahkan ke Lahad Datu untuk memudahkan tugas mereka, terima kasih.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih, insya-Allah saya akan minta Jabatan Tanah untuk mengukur tanah di kawasan Tungku yang belum diukur itu dilakukan melalui Program PANTAS. Manakala, dinyatakan bahawa apa nama dia itu, Jabatan daripada apa nama dia tadi itu?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Pentadbiran Tanah PPHT Tambisan masih lagi terpaksa berurusan dengan PPHT Kinabatangan.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Kinabatangan. Ya, dia sangat jauh

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ya, jauh.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Perlu dipindahkan ke Lahad Datu.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Lahad Datu, ya.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Nanti kita akan apa nama dia itu, saya akan kemukakan ataupun minta Jabatan Tanah dan Ukur, Pengarah Tanah dan Ukur untuk meneliti perkara ini kerana kalau kita tengok memang pun ada kewajarannya. Kinabatangan dia jauh, dia perlu diurus oleh Jabatan Tanah dan Ukur Lahad Datu, okey.

Ahli Yang Berhormat dari Sekong membangkitkan isu pengeluaran notis pengosongan tanah kepada 43 pemilik rumah di Kampung Cenderamata oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah (PPHT) Sandakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tindakan penguatkuasaan undang-undang adalah menjadi tanggungjawab Jabatan Tanah dan Ukur di bawah ordinar tanah. Ini termasuklah penguatkuasaan ke atas pendudukan yang tidak sah di atas tanah Kerajaan termasuk tanah simpanan untuk pembinaan jalan raya. Pengeluaran notis yang dikeluarkan oleh PPHT Sandakan pada 13 Februari 2024 adalah notis awalan kepada pihak yang

dipercayai menduduki tanah simpanan Kerajaan tersebut. Notis ini akan disusuli dengan notis akhir dan tindakan penguatkuasaan yang sejajar dengan keperluan ordinan tanah, Kerajaan Negeri sentiasa peka dan memberi keutamaan dalamewartakan tanah rizab perkampungan dan tanah rizab bagi tujuan penempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, mohon.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ya.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, terima kasih Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sekiranya nanti perintah pengosongan itu dikuatkuasakan, adakah Kerajaan mempunyai pertimbangan untuk membantu 43 keluarga berkenaan pasca pengusiran kerana mereka ini adalah Warganegara Malaysia, B40 dan telah mendiami tempat itu lebih 30 tahun. Sebagaimana cadangan apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berkaitan dengan cadangan untuk Pulau Gaya, Kerajaan sedang mencari kawasan yang sesuai jika ianya diluluskan, terima kasih.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih. Saya ingat kita ini adalah Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap rakyat kita. Saya akan bawa perkara ini kepada Jabatan Tanah dan Ukur, kalau dia orang usir dari sana, saya minta mereka cari jalan untuk bagi mereka satu kawasan yang lain, di kawasan yang mereka boleh tinggal dan hidup. Jadi, insya-Allah, Ahli daripada Sekong. Saya akan bincang dengan Pengarah Tanah dan Ukur kerana kepentingan rakyat kita, terutama sekali warganegara mesti dipertahankan, kita mesti ambil kira tetapi kadang-kadang pengusiran ini dibuat kerana ada kegunaan kepada tanah tersebut, insya-Allah.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru, keperluan...

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajji bin Haji Noor]:** ... penyediaan kawasan lapang (*open space*) adalah di bawah Town and Country Planning Ordinance Cap. 141 kawasan lapang yang dihasilkan daripada pembangunan tanah seperti perumahan dan lain-lain akan diserahkan atau akan dipindah milik kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk pengurusan dan penyelenggaraan kawasan lapang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru juga telah membangkitkan isu berkenaan pewartaan kampung terutama di Pulau Gaya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kampung Lok Urai dahulunya dikenali sebagai *native reserve*, Kampung Pulau Gaya dan diwartakan melalui GN193/1972 seluas 41 ekar di bawah Seksyen 78 Ordinan Tanah Sabah Bab 68. Kampung Kasuapan telah pun diukur dengan anggaran seluas 25 ekar dan juga dicadangkan untuk pewartaan di bawah Seksyen 28 Ordinan Tanah Sabah Bab 68 manakala Kampung Pulau Gaya, Kampung Lobong dan Kampung Pondo tidak dapat diproses untuk pewartaan kampung kerana keseluruhan kawasan tersebut adalah termasuk dalam kawasan cadangan untuk diwartakan sebagai Reservation of Areas of Sand and Coral dengan lot ukuran Bil. 0120057 melalui Pelan Warta P99197154 yang lain sudah diwarta. Itu tidak masuk kerana dia termasuk dalam kawasan yang saya telah sebutkan tadi.

Jadi, Tuan Speaker, untuk makluman juga Ahli Yang Berhormat dari Bugaya serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri maklum dan memahami kebimbangan mengenai rumah-rumah di Kampung Sungai Nasib yang dibina dalam kawasan Hutan Simpan Semporna Kelas Lima termasuk jalan raya yang juga merupakan sebahagian daripada kawasan hutan simpan. Jabatan Perhutanan Sabah juga telah memberikan nasihat secara lisan kepada penceroboh dalam perkara ini dan akan menjalankan kajian Social Baseline Survey (SBS) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai penduduk di kawasan tersebut. Kawasan hutan simpan adalah hak Kerajaan Negeri serta rakyat yang perlu dilindungi mengikut undang-undang yang termaktub di bawah Enakmen Hutan 1998 yang tidak boleh diduduki atau didiami oleh mana-mana pihak atau individu atas kepentingan peribadi. Walau bagaimanapun, sekiranya pendudukan tersebut adalah penduduk asli dan bersifat

*native*, pertimbangan boleh dibuat mengikut laras undang-undang yang berkuat kuasa sekiranya ini, sekiranya ia adalah pendudukan baharu mereka hendaklah diarahkan untuk keluar agar kawasan hutan simpan tersebut terpelihara serta tidak diceroboh sewenang-wenangnya.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Lamag telah membangkitkan isu peranan...

**Tuan Haji Jamil bin Haji Hamzah [Bugaya]:** Datuk Speaker. Datuk Speaker. Mohon laluan.

Terima kasih, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Perlu juga saya maklumkan di sini, di mana kawasan tersebut memang sudah lama dia merupakan satu rancangan sebelum tanah tersebut dimasukkan sebagai Forest Reserve, dia merupakan satu tanah rancangan untuk memindahkan orang-orang dulu daripada pulau dan dipindahkan ke tempat Sungai Nasib ini.

Jadi, untuk makluman Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, rumah yang terlibat ini kalau saya tidak silap kerana mereka ada berjumpa dengan saya sendiri. Ada tiga buah rumah yang satu salah satu rumahnya ini sebahagian sahaja yang kena dan ada pula satu rumah ini, satu rumah dan rumah mereka ini tersusun dan saya tidak pula melihatlah di kawasan tersebut ada macam pokok-pokok macam hutan *reserve* yang begitu *anulah* cuma kalau dilihat daripada peta, daripada Google Map ya memang dia termasuk di dalam Reserve Forest Reserve cuma malangnya kawasan kampung tersebut sudah lama dan ada kemungkinan saya beranggapan mereka ini sudah tinggal di situ dan tanah tersebut sudah menjadi rizab kampung tetapi ini Forest Reserve ini terkemudian dan saya ada juga merujuk tuan DO di kawasan di kawasan Semporna dan benda ini akan dilihat. Tapi, saya memohon jasa baik daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, silalah beri pertimbangan sebaik-baiknya untuk orang kampung kerana mereka ini perlu kita jaga, ini bukannya pokok. Pokok ini tidak juga makan tapi yang penting manusia ini yang perlu kita beri kemudahan kepada mereka. Mudah-mudahan makin diberikan kemudahan kepada mereka mungkin kita akan mendapat lagi pahala lagilah. Mudah-mudahan dengan bantuan apa ini? Kemanusiaan kita ini kepada mereka, kita mendapat rahmat daripada Allah SWT.



Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih, Ahli daripada Bugaya. Jadi, saya minta untuk ini tulis surat kepada saya nyatakan secara terperinci mengenai keadaan ini kependudukan penduduk itu di kawasan tersebut. Nanti saya akan lihat, tengok macam mana kita boleh selesaikan. Bagi saya satu surat nyatakan dia punya bukan sahaja mungkin penduduk yang tinggal di sana tetapi sejarah dia untuk makluman saya.

**Tuan Haji Jamil bin Haji Hamzah [Bugaya]:** Baik, boleh, terima kasih Yang Amat Berhormat.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bugaya.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Lamag telah membangkitkan isu berkaitan peranan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Ahli Lembaga Pengarah (Board of Director) dalam beberapa agensi. Untuk makluman, pelantikan pegawai-pegawai Kerajaan termasuk Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah sebagai *Ex-Officio* untuk memenuhi keperluan Enakmen bagi Badan-badan Berkanun Negeri atau Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan kerana itulah kita nampak bukan hanya Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri tetapi Setiausaha Tetap dan Pengarah duduk dalam banyak GLC ataupun Badan Berkanun Kerajaan kerana di bawah Akta itu mereka mesti dilibatkan. Ini yang berlaku. Saya bertanya sendiri kepada Yang Berhormat SKN kenapa ada *anu* itu dia bilang ini? So dia dilantik kerana keperluan Enakmen itu bukan dia sahaja tapi ada SUT-SUT dan lain-lain pegawai lagi.

Untuk menjawab soalan...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Yang Amat Berhormat, persoalan itu sebenarnya kalau saya tidak silap tentang jumlah Lembaga Pengarah KSN boleh duduk dan sebenarnya dahulu pun kalau sekiranya KSN itu kita dapati mempunyai jumlah yang begitu besar, *alternate* timbalan, SUT itu, SUT ini, itu yang persoalan lama saya ingat persoalan dia berapakah jumlah yang

didudukinya sebagai Lembaga? Kerana saya tahu dan faham Kerajaan Negeri harus diwakili oleh SKN tapi kalau kita lihat amalan di Semenanjung, KSN tidak banyak. KSN ini walaupun dia ada wakil Kerajaan, *but he is not there*. Dan, ini yang persoalan mungkin.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Saya memahami itu walaupun kadang-kadang Setiausaha Kerajaan Negeri dalam banyak perkara dia wakulkan kepada pegawai-pegawai, ada dia punya apa nama *proxy* tetapi saya lihat nanti berapa syarikat dia duduk atau agensi Kerajaan. Jadi, kalau terlampau banyak kita boleh fikirkan.

Jadi, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Telupid dan Sindumin Kerajaan Negeri sentiasa komited dan berusaha meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat dari semasa ke semasa. Penjawat...

**24/04/2024 - RAKAMAN 56 [7:10 PETANG – 7:20 PETANG] – [THEODORA B.] - MOHELENA – NORMA**

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** ...awam merupakan pelaksana kepada dasar-dasar dan program-program yang telah direncanakan oleh kerajaan di semua peringkat. Justeru, saranan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian.

Kerajaan akan memastikan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam akan sentiasa dipertingkatkan melalui kursus atau latihan yang bersesuaian bagi mempermudah urusan berkaitan dengan rakyat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga walaupun ada kritikan-kritikan kepada pegawai-pegawai tertentu tetapi saya rasa kita kena adil. Bukan semua begitu. Ada, saya tidak dapat nafikan tapi yang lain itu kita kena adil juga kepada mereka. Ada yang betul-betul rajin bekerja. Buat kerja seperti yang diarahkan oleh Kerajaan.

Oleh itu saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua penjawat awam yang merupakan tulang belakang pelaksana dasar dan program yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat ADUN dilantik, Datuk Raimie telah membangkitkan isu berkaitan Program Komuniti Madani. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dana Komuniti Madani sebanyak satu bilion ringgit telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Ucapan Bajet 20, Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu.

Di mana Jemaah Menteri pada 24 Januari 2024 bersetuju dengan penjenamaan semula dana ini kepada Program Sejahtera Komuniti Madani atau Sejati Madani. Program Sejati Madani di bawah seliaan Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, ICU. Jabatan Perdana Menteri ini akan menyediakan geran antara RM50 000.00 sehingga RM100 00.00 kepada komuniti-komuniti di seluruh Malaysia.

Objektif utama pelaksanaan Program Sejati Madani adalah untuk memperkasakan aktiviti ekonomi komuniti, ekonomi komuniti, meningkatkan pendapatan setempat dan memanfaatkan seluruh komuniti melalui pelaksanaan program yang bersesuaian dengan keperluan sebenar masyarakat.

Pelaksanaan program tidak memfokuskan kepada mana-mana kawasan di negeri Sabah. Ianya terbuka kepada semua komuniti-komuniti berdaftar selagi mana cadangan program termasuk di dalam sektor-sektor yang telah ditetapkan seperti yang berikut;

Pertanian dan makanan;  
Jahitan dan kraf tangan;  
Herba dan kesihatan;  
Pelancongan dan hospitaliti; dan  
Aktiviti hijau dan kitar semula.

Komuniti-komuniti yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut dan membuat permohonan melalui laman sesawang sejati madani.icu.gov.my.. Untuk negeri Sabah, kelonggaran diberikan untuk mengemukakan permohonan secara manual

kepada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, Jabatan Perdana Menteri. Permohonan Program Sejati Madani secara rasmi telah dibuka pada 25 hari bulan Mac yang lalu di seluruh negara sehingga 24 April 2024. Bagi negeri Sabah terdapat permohonan... lapan permohonan yang diterima dan tiga daripadanya telah diluluskan.

Jadi Tuan Speaker, sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih. Ya?

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Yang Berhormat Speaker. Sebelum...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Dalam perbahasan saya juga mau...

**Tuan Speaker:** Senallang dulu beri pencerahan dia, eh, bukan Senallang. Tungku. Tungku beri pencerahan.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri saya amat tertarik dengan ucapan dasar yang baru-baru ini dalam kepala *Good Governance Integrity* dan Anti Rasuah, GIA yang disebutkan di situ. Ah, sebab kita perlu memperlihatkan masyarakat di luar sana yang kerajaan kita ini betul-betul *in a good hands* dan tidak terlibat dengan masalah-masalah integriti dan sebagainya.

Saya mahu minta sedikit penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri sebab dalam sidang yang lepas kita pernah, saya pernah bertanya mengenai kedudukan empat keping tanah di Pulau Balambangan yang sebelum itu diluluskan untuk tujuan penternakan kambing dan viral dan kita pun ialah sebenarnya tidak bagus untuk ini dan saya kesian dengan apa yang berlaku itu. Tetapi baru-baru ini ada lagi viral yang mana ada kelulusan EIA kepada sebuah syarikat di atas tanah yang sama dan ironinya adalah individu itu adalah individu yang sama. Saya tidak tahu sama ada betul atau pun tidak. Jadi barang ini Yang Amat Berhormat Menteri akan dilihat sebagai sesuatu yang tidak baik dan *it's not a good governance, it's not about integrity*. Kalau boleh Yang Berhormat boleh perelaskan sedikit mengenai ini, kepada kita.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ya, untuk makluman kes tanah di Balambangan. Saya ingat setakat ini tanah Kerajaan Negeri di Balambangan tidak ada diberikan kepada sesiapa. Ada permohonan dulu itu tetapi kerana nampak menjadi kontroversi dia serahkan balik itu tanah. Jadi selepas itu tidak ada. Jadi ada yang kita dengar, eh nampak baru-baru ini saya telah menghantar ah, minta Pengarah Tanah dan Ukur siasat perkara itu dan ada berlaku pencerobohan dan tindakan telah diambil oleh Jabatan Tanah dan Ukur.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Datuk Speaker, dalam perbahasan saya bangkitkan tentang kemampanan dan pengurusan hutan di Sabah dan saya juga telah bangkitkan tentang keadaan di SFI. Di mana hutan lebih daripada, saya ingat 700 ribu hektar atau ekar, eh bukan 700 ribu ekar, eh, eh *but* cuma tanaman. Tanaman daripada sudut Akasia. Di mana pengurusan hutan ini saya difahamkan dan saya bangkitkan *extract* dan mereka bawa jual ke Sarawak dan adakah ini satusistem di mana kita tidak atau apa kegunaannya di Sarawak? Kenapa ianya tidak diproses? Walhal ini merupakan salah satu daripada sumber kekayaan yang ada untuk negeri Sabah yang mungkin kita boleh tunggu sehingga ianya cukup lama untuk membolehkan *downstream*.

Dari segi kayu-kayan yang ada untuk mengekalkan rakyat di Sipitang hari ini kita. Saya difahamkan tidak tahu betulkah tidak penduduk di situ mahu bagi notis keluar. Maksud saya jadi kerajaan, elektrik saya bayar, gaji pun saya bayar sehingga keadaan kilang apa ini, kilang itu dapat *revive*. Tapi sekarang ini kilang tidak *revive* tapi kayu, kayu hutan di situ pun sudah *extracted*. Sama ada perkara ini berlaku ataupun tidak, saya bangkitkan dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih ahli daripada Senallang. Saya, ah ah fikir, setiap kayu yang dikeluarkan daripada Sabah ianya mesti mendapat kelulusan eksport daripada Jabatan Hutan. Jadi isu Kayu Akasia yang di, dipotong, di di di mana ni di SFI, ya di Sipitang itu tentu mempunyai kebenaran daripada pihak Jabatan Hutan.

Walau bagaimanapun, saya tidak mempunyai laporan ataupun maklumat yang terperinci mengenai perkara ini. Kalau boleh nanti saya boleh bagi maklumat kepada...

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Penjelasan.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** ...Yang Berhormat daripada Senallang. Nanti salah saya jawab sekarang. Marah lagi daripada Senallang nanti kalau salah. Nanti kita kasih...

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Minta...

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Nanti apa nama dia itu, laporan bertulis kerana saya tidak eh, eh dapat maklumat eh, eh Datuk Speaker.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Persoalan penduduk di situ akan dibagi notis untuk keluar daripada rumah-rumah yang mereka duduki. Mereka ...

**24/04/2024 - RAKAMAN 57 [7:20 PETANG – 7:30 PETANG] – [ZURINA] - NADIA - AZRIN**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...kita ada anak, mereka ada keluarga. Cuma saya difahamkan ini yang mungkin Yang Amat Berhormat akan bagi secara bertulis tak ada di antara kakitangan di situ pun dibawa untuk buat kerja. Ada yang tidak dibawa untuk kerja potong akasia itu dan ini yang saya harap untuk sama ada benar atau tidak diusir daripada tempat tinggal mereka.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Saya difahamkan mana-mana mereka yang apa nama itu akan diambil bekerja di SFI itu dia orang akan diambil dia orang boleh tinggal di sana. Itu yang saya dapat makluman

terperincilah. Sekarang dia orang masih dibenar tinggal di sana. Ada juga yang dapat kerja di tempat lain tapi sebahagian besar dia masih tinggal di sana.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Jadi maknanya yang diambil kerja ini, kerja untuk potong kayu akasia?

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Saya tidak tahu potong itukah atau ada kerja lain. Nanti saya apa nama ini. Dapatkan maklumat yang terperinci.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Pasal di situ memang tidak ada kerja. Saya difahamkan mereka terlibat dalam potong kayu ya.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Penjelasan.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ya.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Penjelasan. Soal kayu di kawasan saya disebut, Senallang sebut saya tahu keadaan di sana. Kayu ini memang ada dan Kerajaan telah membuat tindakan yang betul menebang kayu itu jual daripada dia dibiarkan buruk, matang dan tidak ada hasil. Sekurang-kurangnya bila kita jual dapat pulangan. Tentu royalti dibayar dan juga harga kayu itu dibayar oleh mereka yang membuat. Jadi soal pengambilan pekerja...

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Sindumin, *you* minta penjelasan Yang Amat Berhormat atau *you* mahu berhujah?

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Penjelasan, penjelasan yang apa yang berlaku. Penjelasan tu Yang Berhormatlah.

**Tuan Speaker:** Tak apalah, ini sudah penggulungan. Penggulungan, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Okey. Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun dia bercakap yang lain juga. Tidak termasuk yang dibuat dulu.

**Tuan Speaker:** Okey. Soalnya ialah... (suara bertindih)

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Ahli daripada Sindumin, Senallang nanti saya minta laporan terperinci perkembangan mengenai perkara itu. Saya tidak dapat maklumat.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasihlah. Saya ingat kita tunggu laporan dan secara bertulis. Cuma saya bimbang Sindumin ini seakan-akan itu jawapan dia tu bagi pihak Kerajaan Negeri tu.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Saya ingat saya minta dulu apa nama itu maklumat daripada pihak Jabatan yang berkenaan supaya tepat kita boleh jawab. Ya.

Jadi, Tuan Speaker saya teruskan sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Ketua Menteri dalam usaha membawa negeri ini terus maju ke hadapan, saya mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengeneipkan apa juga perbezaan dan bersama-sama dalam menyemarakkan pembangunan demi kesejahteraan rakyat negeri Sabah. Bagi soalan-soalan dan isu-isu yang tidak dapat atau tidak sempat di jawab semasa penggulungan ini, saya akan jawab secara bertulis. Akhir kata, masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dan selamat menyambut Pesta Kaamatan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kotobian Tadau Togayo Do Kaamatan.

Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Dewan ini ialah usul yang telah dicadangkan pada 22 April 2024, iaitu bahawa kami Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Sabah melahirkan rasa terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri, atas ucapan Dasar Kerajaan yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama pada hari Khamis bersamaan 18 April 2024 itu hendaklah dipersetujukan.



Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan bersetuju  
Yang tidak bersetuju katakan tidak  
Lebih suara bersetuju,  
Usul dipersetujukan.

Sarat kapal bermuatan besi,  
Hendak dipunggah ke dalam perahu;  
Selesai sudah ucapan menjunjung kasih,  
Esok kita bincangkan RUU.

Dengan itu Dewan ditangguh pada esok hari pada jam 10.00 pagi 25 April 2024.

(Kedengaran ketukan sebanyak tiga kali)

Ditangguhkan sebagaimana yang dipersetujui pada pukul 7.30 petang.

Ditetapkan: “Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga Khamis, 25 April 2024 pukul 10.00 pagi.”

SDN24042024/bnm